

TRANSKRIPSI CERITA RAKYAT KE DALAM BENTUK PANTUN MELAYU: ANALISIS
UNSUR TRADISI

FYP FTKW



SITI WAHDANIYAH BINTI AZELI

UNIVERSITI

MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

KELANTAN

2024



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

TRANSKRIPSI CERITA RAKYAT KE DALAM BENTUK PANTUN MELAYU: ANALISIS
UNSUR TRADISI

SITI WAHDANIYAH BINTI AZELI

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

TESIS INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN PENGAJIAN
WARISAN

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2024

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

- | | | |
|-------------------------------------|---------|---|
| <input checked="" type="checkbox"/> | TERBUKA | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh) |
| <input type="checkbox"/> | SEKATAN | Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah Dari tarikh... sehingga... |
| <input type="checkbox"/> | SULIT | (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972) |
| <input type="checkbox"/> | TERHAD | (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan) |

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan

Siti Wahdaniyah Binti Azeli
C20A1462
Tarikh: / / 2024

Tandatangan Penyelia

Dr. Mohd Firdaus Che Yaacob
Tarikh: / / 2024

PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatu,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya telah diberikan keizinan serta keberkatan kepada penulis semasa menjalankan laporan penyelidikan bagi memenuhi syarat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Selain itu, penulis juga bersyukur kerana berjaya mengatasi segala masalah atau kekangan yang berlaku semasa menjalankan laporan penyelidikan ini. Semua permasalahan yang berlaku telah menjadikan penulis seorang yang mengenal erti kesabaran serta manisnya sebuah kejayaan. Namun, kejayaan tersebut juga tidak akan berjaya sekiranya tidak melibatkan beberapa pihak yang turut membantu sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Pihak tersebut juga tidak pernah jemu dalam memberikan bantuan dan dorongan yang sangat bermakna dalam meningkatkan semangat penulis.

Pertama sekali, penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih yang ditujukan kepada Dr. Mohd Firdaus Bin Che Yaacob selaku penyelia projek penyelidikan yang telah memberi banyak tunjuk ajar serta bimbingan kepada penulis sepanjang menjalani laporan penyelidikan ini. Beliau juga telah memberikan dorongan dan kata-kata semangat kepada penulis untuk terus berkerja keras dalam menyelesaikan laporan penyelidikan ini dengan jayanya. Dengan segala bantuan dan komitmen yang diberikan, hanya Allah SWT sahaja yang mampu membalasnya dengan diberikan keberkatan dan kesejahteraan dalam hidup serta dapat melahirkan generasi yang berguna pada masa akan datang.

Selain itu, penulis juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada kedua ibu bapa yang amat disayangi dan dihormati iaitu Azeli Bin Dollah @ Hj Abd Jalil (ayah) dan Fairus Suzanah Binti Mohamed Esti (ibu) yang tidak putus-putus dalam memberikan dorongan dan semangat untuk meneruskan penyelidikan ini. Tanpa adanya sokongan daripada mereka, mungkin penulis tidak akan memiliki laporan penyelidikan yang baik. Tidak lupa juga dari segi kewangan kerana tidak berkira dengan penulis dalam memberikan sumber kewangan yang mencukupi semasa menjalankan laporan penyelidikan ini. Oleh itu, dengan berkat doa anak yang solehah akan diangkat serta dorongan yang diperjuangkan akan membuatkan penulis untuk lebih bekerja keras dalam menghasilkan sebuah laporan penyelidikan yang baik. Di samping itu, ucapan terima kasih juga diberikan kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa meluangkan masa demi membantu penulis dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi semasa menjalankan laporan penyelidikan ini. Segala jasa baik yang diberikan amat dihargai dan tidak akan lupa sampai bila-bila. Akhir kata daripada penulis, terima kasih atas segala bantuan yang diberikan dan maaf atas segala kekurangan dan kelemahan yang datangnya daripada penulis sendiri dan yang baik itu datangnya daripada Allah SWT.

Sekian, Terima Kasih.

Siti Wahdaniyah Binti Azeli
Lot 8660 Kampung Sungai Tenggi Kiri, Batu 9,
45500 Tanjung Karang, Selangor.
011-26369863
c20a1462@siswa.umk.edu.my

JADUAL KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
PENGESAHAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	v
SENARAI CARTA	vi
SENARAI RAJAH	vii
ABSTRAK	viii
ABSTRACT	ix
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	5
1.3 Persoalan Kajian	7
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Batasan Kajian	9
1.6 Kepentingan Kajian	13
1.7 Definisi Operasional	15
1.7.1 Cerita Rakyat	15
1.7.2 Unsur Tradisi	16
1.7.3 Pantun	16
1.7.4 Teori Pengkaedahan Melayu	17
1.8 Organisasi Kajian	18
1.9 Penutup	20
BAB 2 SOROTAN KAJIAN LEPAS	
2.1 Pengenalan	21
2.2 Pengkajian Cerita Rakyat di Malaysia	22
2.3 Pengkajian Teori Pengkaedahan Melayu dalam Karya-Karya Sastera	57
2.4 Penutup	75
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	76
3.2 Rekabentuk Kajian	77
3.3 Kaedah Kajian	77
3.3.1 Kajian Kepustakaan	77
3.3.2 Rujukan Teks	78
3.4 Teori Pengkaedahan Melayu	79
3.4.1 Pengkaedahan Alamiah	80
3.4.1.1 Pendekatan Gunaan	80
3.4.1.2 Pendekatan Moral	80
3.4.1.3 Pendekatan Firasat	81
3.4.2 Pengkaedahan Keagamaan	81
3.4.2.1 Pendekatan Dakwah	82
3.4.2.2 Pendekatan Kemasyarakatan	82
3.4.2.3 Pendekatan Seni	83
3.5 Kerangka Konseptual	84
3.6 Penutup	85

BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN		
4.1	Pengenalan	86
4.2	Unsur Kepercayaan	87
4.2.1	Masyarakat Yang Mempercayai Cerita Legenda	87
4.2.2	Berharap Atas Pertolongan Tuhan	93
4.2.3	Pengamalan Alam Ghaib	99
4.2.4	Masyarakat Yang Mempercayai Pantang Larang	104
4.3	Unsur Perubatan	109
4.3.1	Perkhidmatan Bomoh Siam	109
4.3.2	Pemujaan Makhluk Halus	114
4.3.3	Kepakaran Tokoh Perubatan	118
4.3.4	Perkhidmatan Bidan Kampung	121
4.4	Unsur Seni Tradisional	126
4.4.1	Penggunaan Alat Muzik	126
4.4.2	Pengamalan Bunyi-Bunyian	130
4.4.3	Simbolik Yang Melambangkan Tradisi	134
4.4.4	Seni Pertahanan Diri	137
4.5	Unsur Keagamaan	141
4.5.1	Berlakunya Bencana Alam	141
4.5.2	Bersumpah Atas Nama Allah S.W.T.	147
4.5.3	Peperangan Dalam Menegakkan Agama	151
4.5.4	Pembaziran Tidak Digemari Dalam Islam	155
4.6	Unsur Pemerintahan	160
4.6.1	Pertahanan Negara	160
4.6.2	Adat Istiadat	165
4.6.3	Kerjasama Dua Pentadbiran	169
4.6.4	Pemerintah Berwibawa	172
4.7	Penutup	175
BAB 5 KESIMPULAN		
5.1	Pengenalan	176
5.2	Rumusan	177
5.3	Cadangan	181
5.4	Penutup	184
BIBLIOGRAFI		185
BIODATA PENULIS		197

SENARAI JADUAL

HALAMAN

Jadual 1.5	Senarai Tajuk Pantun dan Unsur Tradisi	11
Jadual 1.6	Senarai Genre Cerita dan Tajuk Pantun	12



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI CARTA

HALAMAN

Carta 3.4 Pendekatan Dalam Teori Pengkaedahan Melayu.

79



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI RAJAH

Rajah 3.5 Kerangka Konseptual

HALAMAN

84



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

TRANSKRIPSI CERITA RAKYAT KE DALAM BENTUK PANTUN MELAYU: ANALISIS UNSUR TRADISI

ABSTRAK

Cerita rakyat merupakan karya sastra yang telah lama wujud sejak zaman dahulu kala. Cerita rakyat telah memperlihatkan banyak sisi positif yang boleh dicontohi oleh masyarakat masa kini. Namun begitu, terdapat unsur tradisi yang diselitkan di dalam penulisan karya sastra tersebut bagi memaparkan warisan budaya masyarakat dahulu yang masih boleh digunakan sehingga hari ini. Hal ini demikian kerana, unsur tradisi dianggap sebagai suatu perkara yang baik jika digunakan dengan cara yang betul dan tidak melanggar hukum syarak. Pengkaji menjalankan kajian terhadap unsur tradisi kerana pengkaji mendapati bahawa tidak ada kajian lepas yang membuat kajian tentang unsur tradisi dalam cerita rakyat yang di pilih. Hal ini menyebabkan pengkaji ingin mengisi kelompongian yang ada bagi memenuhi syarat kajian tersebut. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi tujuan untuk mengenal pasti dan membincangkan unsur tradisi yang terkandung dalam Teks *Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Kajian ini juga membataskan sebanyak 20 cerita rakyat yang berjudul *Kubang Dek, Disorok Jin, Jelmaan Saka Harimau, Pemujaan Pantai, Kehebatan Bomoh Siam, Pemujaan Tok Mekong, Che Deraman, Bidan Tok Haji Esah, Pokok Tanjung Dan Alat Muzik Yang Bisu, Tok Perindu, Simbolik Rebana, Tok Karim Guru Silat Masyhur, Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu, Kisah Sekumpulan Tupai, Tok Guru Haji Awang Ulama Tercipta, Kelawar Suka Keluar Malam, Tentera Bergajah, Kain Sutera Cina, Penubuhan Dua Pentadbiran Di Temasik dan Raja Sakti Pemerintah Berwibawa*. Di samping itu, reka bentuk kajian ini bersifat kualitatif iaitu menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah rujukan teks. Selain itu, pengaplikasian teori juga digunakan dalam kajian ini iaitu teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang (1989) bagi membentuk hujahan atau analisis dan bukti yang kukuh. Walaupun unsur tradisi ini merupakan perbuatan seharian masyarakat yang telah dijalankan sejak dahulu kala lagi tetapi perkara tersebut tetap perlu dititikberatkan agar ia tidak melanggar hukum-hakam Agama Islam yang boleh mengakibatkan masyarakat tersebut terikut dengan ajaran sesat. Maka, unsur tradisi dapat melahirkan masyarakat yang majmuk dari segi budaya dan adat dalam kalangan masyarakat agar budaya dan adat tersebut tetap dipelihara sampai bila-bila.

Kata kunci: *Cerita Rakyat, Unsur Tradisi, Teks Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan, 20 Cerita Rakyat, Teori Pengkaedahan Melayu.*

TRANSCRIPTION OF FOLKLORE INTO MALAY POETRY FORM: ANALYSIS OF TRADITION ELEMENTS

ABSTRACT

Folklore is a literary work that has existed since ancient times. Folklore has shown many positive sides that can be emulated by today's society. Nevertheless, there are elements of tradition that are inserted in the writing of the literary work to display the cultural heritage of the past society that can still be used until today. This is because, traditional elements are considered a good thing if used in the right way and do not violate Islamic law. The researcher conducted a study on the elements of tradition because the researcher found that there was no previous study that conducted a study on the elements of tradition in the selected folklore. This causes the researcher to want to fill in the existing gaps to meet the requirements of the study. Therefore, this study was conducted for the purpose of identifying and discussing the elements of tradition contained in the *Oral Narrative Text in the Pengkalan Datu River Basin, Kelantan*. This study also limited as many as 20 folktales entitled *Kubang Dek, Disorok Jin, Incarnation of Saka Harimau, Worship of the Beach, Greatness of the Siamese Shaman, Worship of Tok Mekong, Che Deraman, Midwife Tok Haji Esah, Pokok Tanjung And Dumb Musical Instrument, Tok Perindu, Symbolic Tambourines, Famous Martial Arts Master Tok Karim, The Sinking of the Pengkalan Datu Mosque, The Story of a Group of Squirrels, Tok Guru Haji Awang Ulama Created, Bats Like to Go Out at Night, Elephant Army, Chinese Silk Cloth, The Establishment of Two Administrations in Temasik and the Authoritative King Sakti*. In addition, the design of this study is qualitative, which uses bibliographic methods and text reference methods. In addition, the application of theory is also used in this study which is the theory of Pengkaedahan Malay which was conceived by Hashim Awang (1989) to form strong arguments or analysis and evidence. Although this element of tradition is a daily act of the community that has been carried out since time immemorial, but the matter still needs to be emphasized so that it does not violate the laws of Islam which may result in the community following heretical teachings. Therefore, the element of tradition can give birth to a society that is diverse in terms of culture and custom among the community so that culture and custom can be preserved until any time.

Keywords: *Folklore, Elements of Tradition, Oral Narrative Texts in the Pangkalan Datu River Basin, Kelantan, 20 Folklore, Malay Methodology Theory.*

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Kesusasteraan merupakan satu hasil karya seni yang disampaikan melalui bahasa dengan menggunakan kata-kata yang menarik dan indah. Kesusasteraan juga mempunyai dua kategori iaitu sastera moden dan sastera tradisional. Sastera moden lebih kepada penyampaian dalam bentuk prosa, manakala sastera tradisional lebih kepada penyampaian dalam bentuk puisi. Hashim Awang (1989) menyatakan bahawa kesusasteraan merupakan hasil ciptaan karya seni yang disampaikan melalui medium bahasa yang dikenali sebagai sastera lisan dan yang ditulis dikenali sebagai sastera tulisan. Beliau juga ada menyatakan bahawa kata kesusasteraan itu dipecahkan kepada dua bahagian iaitu su dan sastera dari kata asalnya iaitu susastera dan terdapat penambahan imbuhan awalan dan akhiran pada kata susastera iaitu ke-susastera-an.

Menerusi pandangan yang telah dinyatakan berkenaan tentang pendefinisan kesusasteraan yang dapat difahami dengan lebih jelas berkaitan dengan kesusasteraan. Kesusasteraan ini dapat memperlihatkan hasil seni dan keindahan seni yang disampaikan melalui bahasa yang diterapkan dalam sesebuah penulisan karya sastera. Tambahan pula, Md Hasri B Rajali (2013) turut menyatakan bahawa kesusasteraan ini merupakan bidang yang tidak akan pernah hilang dan pupus walaupun telah berganti zaman, malah ia tetap akan mekar dalam jiwa masyarakat Melayu dalam mengisi kekosongan jiwa. Hal ini kerana, bidang kesusasteraan ini mempunyai keunikan dan kelainan yang tersendiri berbanding dengan bidang lain

serta ia dapat menambahkan keindahan pengalaman dalam hidup seseorang itu dengan menceritakan pengalaman mereka melalui karya sastera. Sehubungan dengan itu, kesusasteraan adalah medium penting dalam komunikasi kerana ia mempunyai keindahan bahasa yang unik dan kreatif dalam meningkatkan nilai dan mutu bahasa ibunda ke pelosok dunia tanpa mengubah kandungannya yang kaya dengan perkara yang baik.

Seterusnya, menurut Kamus Dewan (2016) berpendapat bahawa cerita rakyat adalah sastera rakyat yang berbentuk cerita lisan yang sangat terkenal dalam masyarakat Melayu dan diperturunkan secara turun-temurun atau dari generasi ke generasi akan datang. Selain itu, Vanya Karunia Mulia Putri (2022) mentakrifkan definisi cerita rakyat sebagai salah satu budaya masyarakat tradisional yang diwariskan secara turun-temurun. Di samping itu, Fatimah Md Yassin (1991) menyatakan bahawa cerita rakyat merupakan hasil karya seni yang direka khas oleh masyarakat melayu tradisional yang merupakan fungsi sebagai hiburan serta berperanan sebagai didikan dan nasihat kepada golongan masyarakat masa kini.

Selanjutnya, cerita rakyat sememangnya telah lama wujud sejak zaman dahulu kala lagi. Cerita rakyat tersebut disampaikan dari mulut ke mulut oleh masyarakat dahulu dan diwarisi turun-temurun. Erti kata lainnya, ianya disebarkan secara lisan tanpa adanya sistem tulisan pada ketika itu. Hal ini demikian kerana, cerita rakyat tersebut direka khas oleh masyarakat terdahulu mengikut pengalaman mereka mahupun imaginasi yang mereka hasilkan bagi mengisi kekosongan dan sebagai medium hiburan pada ketika itu. Cerita rakyat boleh didapati melalui tradisi lisan, manuskrip bertulis dan kearifan yang memiliki ciri khas tempatan yang tersendiri. Terdapat beberapa ciri-ciri cerita rakyat iaitu tidak memiliki sumber yang sahih, kaya dengan nilai-nilai keluhuran didalamnya, memiliki banyak versi dan variasi, mempunyai bentuk yang klise dalam susunan atau cara ungkapan dan memiliki sifat tradisional. Cerita rakyat juga mempunyai banyak jenis iaitu cerita lagenda, jenaka, binatang,

kepahlawanan, dongeng dan asal-usul. Tambahan pula, cerita rakyat juga mempunyai fungsi dan kepentingan yang tersendiri yang boleh diperolehi daripada pembacaan teks-teks tersebut. Oleh itu, cerita rakyat dapat membantu masyarakat dahulu mahupun masa kini untuk berhibur dengan cara tradisional agar mereka dapat menghayati dan menikmati dunia seni dengan adanya pengajaran dan didikan didalamnya.

Di samping itu, Khadijah Muda, Siti Nor Azhani Mohd Tohar, Nazri Muslim, Fazilah Idris dan Siti Nor Baya Yacob (2023) menyatakan bahawa unsur tradisi merupakan isu sensitif yang boleh mengakibatkan berlakunya pertelingkahan atau perselisihanfaham antara kaum. Punca pergaduhan antara masyarakat Melayu dan Masyarakat bukan Melayu adalah elemen unsur tradisi yang telah mereka amalkan sejak dahulu kala. Hal ini demikian kerana, mereka menjadi keliru tentang asal-usul unsur tradisi tersebut yang menyebabkan mereka bergaduh sesama sendiri. Selanjutnya, pantun merupakan satu bentuk puisi tradisional yang terdiri daripada empat baris serangkap, mempunyai rima akhir a,b,a,b, mempunyai pembayang dan maksud. Menurut Harun Mat Piah (1989) pantun dapat dilihat berdasarkan aspek dalaman dan luaran iaitu unsur estetika da nisi merupakan aspek dalaman, manakala tema dan persoalan merupakan aspek luaran pantun.

Kesimpulan pada bahagian ini, cerita rakyat merupakan salah satu warisan nenek moyang kita yang harus diperjuangkan, dipertahankan dan dikekalkan sehingga hari ini agar tidak pupus di telan zaman. Hal ini demikian kerana, cerita rakyat merupakan monumen negara yang mempunyai jati diri dan mutu yang tinggi terhadap keistimewaannya yang tersendiri. Rentetan daripada kisah perjuangan tokoh-tokoh sasterawan negara yang sanggup berjuang demi mempertahankan karya sastera maka tercetuslah unsur tradisi yang terkandung didalamnya dan dikeluarkan dalam bentuk penulisan. Oleh itu, unsur tradisi tersebut wajar diketengahkan untuk dijadikan tatapan setiap golongan masyarakat serta dapat memberi pendedahan yang lebih

dekat kepada mereka agar dapat mengetahui serba sedikit unsur tradisi tersebut bagi membentuk warisan budaya. Sehubungan dengan itu, kepelbagaian cerita rakyat yang terkandung di dalam teks *Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang mempunyai unsur tradisi dimana ia dapat dilihat menerusi teks buku tersebut.



1.2 PENYATAAN MASALAH

Pengkaji akan memperolehi pernyataan masalah yang tersendiri semasa menjalankan sesuatu kajian penyelidikan. Menerusi kajian penyelidikan ini, pengkaji akan dapat mengetahui permasalahan yang akan diperoleh dalam kajian ini.

Cerita rakyat merupakan karya sastera masyarakat zaman dahulu kala yang sering digunapakaikan oleh nenek moyang kita dalam menghiburkan hati mereka. Bagi mereka karya sastera tersebut sangat berharga pada ketika itu kerana itu adalah satu-satunya teknologi yang digunakan dalam berkomunikasi antara masyarakat. Hal ini kerana, masyarakat Melayu kita sangat bijak dalam menghasilkan sebuah cerita demi menghiburkan hati mereka. Menerusi setiap cerita rakyat yang dihasilkan oleh pengarang semestinya mempunyai pengajaran dan teladan yang baik bagi setiap lapisan masyarakat. Walaubagaimanapun, cerita rakyat yang dikekalkan sehingga hari ini masih mengekalkan unsur tradisi didalamnya untuk diberikan tunjuk ajar kepada generasi akan datang. Hal ini demikian kerana, unsur tradisi yang terdapat dalam cerita rakyat tersebut dapat diberikan contoh unsur yang masih dikekalkan dan digunakan pada masa kini. Sebagai Contoh, penggunaan perubatan cara tradisional adalah menggunakan bomoh yang terdapat di dalam teks cerita rakyat yang bertajuk *Kehebatan Bomoh Siam*. Oleh itu, ia jelas mengatakan bahawa masyarakat masa kini juga masih menggunakan perubatan cara tradisional untuk berubat pelbagai jenis penyakit dengan cara tradisional.

Pengkaji telah menjalankan proses penelitian terhadap kajian atau artikel lepas yang dijalankan oleh pengkaji lepas dan mendapati kurang kajian penyelidikan yang dijalankan berkaitan dengan unsur tradisi dalam konteks cerita rakyat. Antara kajian penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji lepas ialah *Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu Sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu* oleh Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin Yusof (2015), *Keberkesanan Unsur Watak Dan Perwatakan Dalam Cerita Rakyat Dalam*

Kalangan Kanak-Kanak Dan Remaja Melalui Media Animasi oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nur Samsiah Mazlan (2021), *Unsur Didaktik Dalam Teks Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pendekatan Moral* oleh Siti Norsyahira Binti Md Sabri (2022), *Pemikiran Melayu Dalam Cerita Lipur Lara* oleh Ezzah'afifah Nasrudin & Che Ibrahim Salleh (2015), *Gaya Penyampaian Cerita Rakyat Melayu Terpilih Dalam Majalah Dewan Pelajar* oleh Siti Zuhaidah Zakeria (2015), *Kisah Sang Kancil Dan Memerang Sebagai Penerapan Adab Kepimpinan Dalam Kalangan Kanak-Kanak* oleh Siti Fatimah Mamat, Roslina Abu Bakar & Arbai'e Sujud (2019), *Personaliti Ibu Bapa Dalam Teks Cerita Rakyat Kadazan Dusun* oleh Minah Sintian (2015), *Nilai Murni Melalui Keunikan Dialek Kelantan Dalam Cerita Rakyat Melayu Di Kelantan* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob Mohd Firdaus Che Yaacob, Suriatini Ismail, Daeng Haliza Daeng Jamal, Sahrudin Mohamed Som, Farrah Atikah Saari & Nasirin Abdillah (2022), *dan Alam dan Budaya Masyarakat Melayu Dalam Hikayat Pelanduk Jenaka* oleh Roslina Abu Bakar & Aone Van Engelenhoven (2016).

Berdasarkan hasil penelitian yang dibuat jelas memperlihatkan kajian-kajian lepas menumpukan kepada genre cerita rakyat dalam konteks moral. Namun begitu, penting juga unsur tradisi untuk dijadikan sebagai kajian. Hal ini kerana, unsur tradisi pada masa kini kurang dititikberatkan oleh masyarakat setempat kerana kurang diamalkan dan kewujudan tradisi tersebut dalam kehidupan seharian mereka. Ini menunjukkan bahawa melalui penggunaan unsur tradisi yang terdapat dalam teks ini dapat mendorong masyarakat untuk sentiasa mengamalkan unsur tradisi tersebut dalam kehidupan mereka. Di samping itu, pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji masih kurang diberikan fokus terhadap unsur tradisi pada kajian-kajian lepas. Oleh itu, kajian penyelidikan ini dijalankan bertujuan untuk mengisi kelompongan yang ada berkaitan unsur tradisi menerusi teks yang terkandung dalam cerita rakyat.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Berikut merupakan persoalan kajian yang akan timbul dalam kajian yang dijalankan, iaitu:

1.3.1 Apakah unsur tradisi yang terkandung dalam pantun Melayu melalui transkripsi cerita rakyat berdasarkan teks *Seuntaiian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*?

1.3.2 Bagaimanakah unsur tradisi terkandung dalam pantun Melayu melalui transkripsi cerita rakyat berdasarkan teks *Seuntaiian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Berikut merupakan objektif kajian yang timbul dalam kajian yang dijalankan, iaitu:

1.4.1 Mengenal pasti unsur tradisi yang terkandung dalam pantun Melayu melalui transkripsi cerita rakyat berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*.

1.4.2 Menganalisis unsur tradisi yang terkandung dalam pantun Melayu melalui transkripsi cerita rakyat berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* dengan pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu.

1.5 BATASAN KAJIAN

Menerusi penulisan ini, terdapat beberapa kajian yang dibataskan oleh pengkaji. Oleh itu pengkaji boleh memilih hanya satu buku cerita rakyat sahaja yang digunakan dalam penulisan ini. Buku cerita rakyat yang dipilih adalah bertajuk *Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* oleh Mohd Firdaus Che Yacob. Buku *Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pangkalan Datu, Kelantan* adalah terbitan oleh Penerbit UMK. Selain itu, jumlah keseluruhan muka surat adalah sebanyak 120 halaman. Buku ini mempunyai kandungan cerita yang dibahagi kepada 4 bab iaitu bab 1 mempunyai 19 buah cerita, bab 2 mempunyai 11 buah cerita, bab 3 mempunyai 16 buah cerita dan bab 4 mempunyai 4 buah cerita. Oleh itu, jumlah keseluruhan cerita yang terkandung didalamnya adalah sebanyak 51 buah cerita. Buku yang digunakan oleh pengkaji ini dicetak pada tahun 2020.

Terdapat beberapa justifikasi yang mendorong pengkaji untuk memilih buku ini sebagai sumber rujukan teks yang utama dalam kajian ini. Antaranya ialah buku tersebut merupakan buku yang diterbitkan oleh pensyarah di Universiti Malaysia Kelantan iaitu Dr. Mohd Firdaus Che Yaacob sebagai pensyarah Kesusasteraan Warisan. Selanjutnya, ia merujuk kepada susunan struktur dalaman buku yang sangat teratur dan kemas dari muka surat awal hingga muka surat terakhir. Ia juga memudahkan pengkaji untuk menjalankan penyelidikan melalui buku tersebut kerana susunannya yang kemas. Di samping itu, struktur dalaman pada bahagian pembahagian cerita juga sangat tersusun dan memudahkan pengkaji untuk memilih cerita yang ingin dikaji dalam penulisan ini. Pembahagian cerita mengikut bab atau genre yang berbeza memudahkan pengkaji untuk memilih cerita yang diminati untuk dikaji. Sebagai contoh, bab 1 cerita bergenre tentang asal-usul sebanyak 19 buah cerita, bab 2 cerita bergenre mistik sebanyak 11 buah cerita, bab 3 cerita bergenre tentang tokoh sebanyak 16 buah cerita dan bab 4 cerita bergenre binatang sebanyak 4 buah cerita.

Selain itu, cerita-cerita rakyat yang terkandung dalam buku tersebut juga mempunyai pelbagai jenis cerita yang dapat dilihat dan boleh menarik perhatian pembaca untuk membaca buku tersebut tidak mengira usia kerana buku tersebut sesuai di baca oleh semua golongan masyarakat. Antara jenis cerita rakyat yang disampaikan menerusi buku tersebut adalah bergenre asal-usul, mistik, tokoh dan binatang. Dengan adanya pelbagai jenis atau genre cerita yang berbeza akan membuat pembaca tidak jemu untuk membaca satu buku sahaja. Hal ini kerana, plot penceritaan yang disampaikan menerusi buku tersebut adalah berbeza untuk setiap cerita. Oleh itu, melalui pembaca dari cerita rakyat tersebut yang mempunyai genre yang berbeza akan menghasilkan nilai teladan atau pengajaran yang berbeza serta dapat menambah ilmu pengetahuan kepada pembaca.

Seterusnya, penggunaan bahasa juga penting dalam pemilihan buku. Hal ini kerana, bahasa adalah medium utama yang pengkaji lihat sebelum memilih buku yang ingin di kaji. Bahasa merupakan bentuk komunikasi yang sering digunakan oleh masyarakat dalam menyampaikan sesuatu maklumat. Penggunaan bahasa tidak mempunyai batasan umur untuk difahami oleh pembaca malahan ia boleh memudahkan pembaca untuk menerima sesuatu maklumat dengan lebih sistematik. Erti kata lain, penggunaan bahasa yang digunakan menerusi buku tersebut tidak menggunakan bahasa yang tinggi sehingga menyukarkan pembaca untuk memahami maklumat yang disampaikan. Walaupun jalan penceritaan yang digunakan menerusi buku tersebut adalah pendek dan ringkas tetapi penggunaan bahasa yang gramatis membantu pengarang bagi mendapatkan penulisan cerita rakyat yang menarik dan pembaca juga dapat memahami info atau maklumat yang dimasukkan ke dalamnya. Tambahan pula, terdapat juga penggunaan bahasa yang sopan dalam penulisan cerita rakyat tersebut. Hal ini kerana, kebanyakan cerita rakyat akan menggunakan bahasa-bahasa kasar dalam mengherdik atau memaki hamun tetapi buku tersebut mempunyai

bahasa yang sopan dan sesuai digunakan oleh semua lapisan masyarakat dalam menjaga tutur kata dalam pergaulan.

Berdasarkan buku yang telah dipilih, pengkaji akan mengutamakan kepada beberapa cerita rakyat sahaja dalam menganalisis teks yang mengandungi unsur tradisi. Sebanyak 20 buah cerita rakyat yang dijadikan sebagai sumber kajian. Berikut merupakan jadual senarai tajuk pantun dan unsur tradisi. Unsur tradisi tersebut merangkumi beberapa sub topik iaitu kepercayaan, perubatan, seni tradisional, keagamaan dan pemerintahan.

Bil.	Unsur Tradisi	Tajuk Pantun
1.	Kepercayaan	Kubang Dek
2.		Di Sorok Jin
3.		Pemujaan Pantai
4.		Jelmaan Saka Harimau
5.	Perubatan	Kehebatan Bomoh Siam
6.		Pemujaan Tok Mekong
7.		Che Deraman
8.		Bidan Tok Haji Esah
9.	Seni Tradisional	Pokok Tanjung dan Alat Muzik Yang Bisu
10.		Tok Perindu
11.		Simbolik Rebana
12.		Tok Karim Guru Silat Masyhur
13.	Keagamaan	Tenggelamnya Masjid Pangkalan Datu
14.		Kelawar Suka Keluar Malam
15.		Kisah Sekumpulan Tupai
16.		Tok Guru Haji Awang Ulama Tercipta
17.	Pemerintahan	Tentera Bergajah
18.		Kain Sutera Cina
19.		Penubuhan Dua Pentadbiran Di Temasik
20.		Raja Sakti Pemerintah Berwibawa

Jadual 1.5: Senarai Tajuk Pantun dan Unsur Tradisi

Bil.	Genre Cerita	Tajuk Pantun	
1.	Binatang	Kisah Sekumpulan Tupai	
2.		Kelawar Suka Keluar Malam	
3.	Mistik	Kubang Dek	
4.		Kehebatan Bomoh Siam	
5.		Di Sorok Jin	
6.		Pemujaan Pantai	
7.		Pemujaan Tok Mekong	
8.		Jelmaan Saka Harimau	
9.		Asal-Usul	Pokok Tanjung Alat Muzik Yang Bisu
10.			Tenggelamnya Masjid Pangkalan Datu
11.	Simbolik Rebana		
12.	Penubuhan Dua Pentadbiran Di Temasik		
13.	Tokoh	Kain Sutera Cina	
14.		Tok Perindu	
15.		Tentera Bergajah	
16.		Che Deraman	
17.		Tok Karim Guru Silat Masyhur	
18.		Bidan Tok Haji Esah	
19.		Tok Guru Haji Awang Ulama Tercipta	
20.		Raja Sakti Pemerintahan Berwibawa	

Jadual 1.6: Senarai Genre Cerita dan Tajuk Pantun.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Setiap kajian penyelidikan yang dijalankan akan mempunyai kepentingan yang tersendiri. Menerusi kajian yang dijalankan semestinya sangat penting kepada pengkaji bagi mengeluarkan dan menyebarkan manfaat-manfaat yang diperoleh dari kajian ini kepada golongan masyarakat sama ada ianya diperoleh secara langsung mahupun tidak langsung.

Berdasarkan kajian-kajian lepas didapati bahawa pengkajian tentang unsur tradisi kurang diberikan fokus oleh pengkaji-pengkaji lepas. Dengan itu, kepentingan kajian yang dilaksanakan ini adalah bertujuan untuk mengemukakan unsur tradisi yang terkandung dalam cerita rakyat yang dipilih. Unsur tradisi yang terkandung dalam cerita rakyat tersebut dianggap sebagai suatu perkara yang boleh mendatangkan pandangan yang positif mahupun negatif dalam pemikiran masyarakat masa kini. Walaubagaimanapun, unsur tradisi tersebut dapat dilihat atau dilabelkan sebagai suatu budaya warisan yang diturunkan oleh nenek moyang kepada generasi masa kini namun sekiranya diteliti dengan baik ia dilihat sebagai perilaku masyarakat yang digambarkan menerusi cerita rakyat. Hal ini demikian kerana, jalan penceritaan yang menonjolkan budaya asing dalam cerita tersebut bukan tidak boleh dicontohi atau diamalkan malahan ia boleh digunakan sekiranya ianya tidak melanggar hukum syarak Islam. Justeru itu, betapa pentingnya penulisan ini dalam memberi pendedahan atau ilmu baharu kepada masyarakat masa kini dan masa akan datang berkaitan dengan unsur tradisi dalam karya sastera agar dapat memberi pendedahan yang lebih mendalam dan terperinci.

Penggunaan teori menerusi kajian ini merupakan salah satu kepentingan kajian dalam menjayakan penulisan ini. Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang (1989) akan memudahkan pengkaji untuk melaksanakan penulisan dengan adanya pengaplikasian teori tersebut. Teori Pengkaedahan Melayu digunakan untuk menganalisis dapatan kajian yang diperoleh dalam memfokuskan tentang unsur

tradisi dalam konteks cerita rakyat. Malah, penggunaan teori tersebut sangat penting dalam memastikan dapatan kajian tersebut bertepatan dengan objektif kajian yang disediakan oleh pengkaji. Tambahan pula, penggunaan teori tempatan ini dapat membantu dalam memartabatkan teori tempatan dalam kalangan pengkritik tempatan agar sering menggunakan teori ini untuk mengkritik karya sastera berbanding teori-teori barat. Hal ini demikian kerana, teori-teori barat kebanyakannya tidak ada isu sensitiviti dalam mengkritik karya sastera, namun teori tersebut lebih banyak menarik perhatian pengkritik lain berbanding teori tempatan yang sangat menjaga isu sensitiviti. Oleh itu, pengkaji mengharapkan teori tempatan dapat memberikan manfaat yang besar kepada pengkaji lain sebagai sumber rujukan dalam mengkritik karya sastera. Sehubungan dengan itu, pengkaji mengharapkan kepentingan kajian ini serba sedikit dapat membantu para pengkaji untuk menjayakan penyelidikan mereka dengan baik dan tersusun serta dapat memberi kebaikan kepada pengkaji mahupun pembaca demi memperluaskan penggunaan teori tempatan dalam konteks kesusasteraan.

1.7 DEFINISI OPERASIONAL

Pada bahagian ini, pengkaji akan mengemukakan tiga konsep iaitu cerita rakyat, unsur tradisi dan teori Pengkaedahan Melayu yang berdasarkan kepada pendapat yang dinyatakan oleh para sarjana secara jelas dan terperinci.

1.7.1 Cerita Rakyat

Cerita rakyat merupakan cerita rekaan semata-mata oleh masyarakat zaman dahulu untuk menghiburkan diri mereka kerana itu adalah satu-satunya alat komunikasi yang mereka miliki pada ketika itu. Menurut Fatimah Md. Yassin (2006) cerita rakyat adalah sebahagian dari sastera rakyat yang diturunkan dari generasi ke generasi melalui medium lisan. Disamping itu, pendapat yang dikemukakan oleh Rogayah dan Majuni (2007) mendefinisikan cerita rakyat sebagai satu pancaran atau gambaran kehidupan masyarakat dahulu kala yang masih dapat dilihat sehingga hari ini. Selain itu, cerita rakyat merupakan salah satu genre sastera yang sangat popular dan diminati oleh segenap lapisan masyarakat walaupun adanya perkembangan teknologi moden, (Mohd Fahmi Ismail, 2015). Tambahan pula, cerita rakyat dapat disimpulkan melalui sesuatu karya ciptaan masyarakat Melayu yang dimiliki secara bersama-sama. Hal ini demikian kerana, cerita rakyat tidak akan lapuk dik zaman sekiranya kita bersama-sama dalam mengekalkan dan memelihara cerita tersebut di mana ia boleh digunakan pada masa akan datang. Pada zaman dahulu kala, penyampaian dari mulut ke mulut sangat berguna kerana itu sahaja cara yang boleh digunakan pada ketika itu berbanding sekarang yang boleh disampaikan melalui video animasi dan sebagainya. Walaubagaimanapun, cerita rakyat ini banyak menggunakan kaedah tokok-tambah dalam jalan penceritaan demi memuaskan hati pendengar tetapi fungsi yang dikeluarkan masih sama bagi tujuan pengajaran, nasihat, didikan dan sebagainya.

1.7.2 Unsur Tradisi

Unsur tradisi merupakan perbuatan atau amalan masyarakat Melayu pada zaman dahulu dalam menjalankan aktiviti seharian yang kerap dilakukan oleh masyarakat tersebut. Khadijah Muda (2023) menyatakan bahawa unsur tradisi merupakan isu sensitif yang boleh mengakibatkan berlakunya pertelingkahan atau perselisihan faham antara kaum. Punca pergaduhan antara masyarakat Melayu dan masyarakat bukan Melayu adalah elemen unsur tradisi yang telah mereka amalkan sejak dahulu kala. Hal ini demikian kerana, mereka menjadi keliru tentang asal-usul unsur tradisi tersebut yang menyebabkan mereka bergaduh sesama sendiri. Menurut Mastura Abd Wahab (2022) mengatakan bahawa unsur tradisi merupakan unsur-unsur yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan yang melibatkan agama, institusi, beraja, bahasa Melayu dan kedudukan istimewa masyarakat Melayu. Keterlibatan tersebut akan menyatupadukan masyarakat dalam menghadapi masalah sosial yang juga akan membabitkan masyarakat kaum lain. Selain itu, unsur tradisi juga dapat dilihat melalui pemikiran kreatif masyarakat zaman dahulu dalam menghadapi kelangsungan hidup dengan mengamalkan beberapa amalan yang mendasari nilai dan norma sumber alam, (Norazimah Zakariah, 2016). Pemikiran kreatif masyarakat Melayu pada ketika itu tidak dapat dinafikan kebijakan cara berfikir mereka sama ada ia melalui lisan mahupun bertulis.

1.7.3 Pantun

Pantun merupakan salah satu bentuk puisi tradisional yang terdiri daripada empat baris serangkap, empat perkataan dalam sebaris, mempunyai rima akhir seperti a, b, a, b dan setiap rangkap mempunyai pembayang dan maksud. Menurut Harun Mat Piah (1989) menyatakan bahawa pantun dapat dilihat melalui aspek luaran dan struktur visualnya. Aspek dalaman pantun meliputi tema dan persoalan. Menurut

Kamus Dewan (2016) menyatakan bahawa pantun boleh ditakrifkan sebagai puisi Melayu tradisional yang mempunyai rangkap yang terdiri daripada empat baris iaitu dua baris pertama adalah pembayang manakala dua baris bawah adalah maksud. Selain itu, menurut Siti Hajar Che Man (2013), mengatakan bahawa pantun merupakan satu khazanah silam yang harus dikekalkan agar nilai dan keistimewaannya tidak hilang ditelan zaman. Keistimewaan pantun adalah dapat menggambarkan cara hidup dan aktiviti yang dijalankan oleh masyarakat Melayu sehari-harian.

1.7.3 Teori Pengkaedahan Melayu

Teori Pengkaedahan Melayu telah dikemukakan oleh Hashim Awang pada tahun 1989. Teori ini merupakan teori yang berlandaskan semua aspek kehidupan manusia yang merangkumi cara dan sikap hidup, kepercayaan dan kebudayaan masyarakat setempat dalam melahirkan karyanya sendiri. Kewujudan teori ini kerana sastera melayu kekurangan teori yang boleh digunakan dalam mengkritik, mengulas dan menganalisis karya sastera tanpa menggunakan teori-teori barat. Terdapat beberapa pendekatan yang ada dalam teori tersebut iaitu Pendekatan Alamiah, Pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral, Pendekatan Firasat, Pengkaedahan Keagamaan, Pendekatan Dakwah, Pendekatan Kemasyarakatan dan Pendekatan Seni. Kegunaan pendekatan-pendekatan itu adalah berbeza bergantung kepada konteks apa yang ingin digunakan di dalam penyelidikan karya sastera.

1.8 ORGANISASI KAJIAN

Organisasi kajian merupakan ringkasan tentang kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji pada setiap bab yang disenaraikan. Keseluruhan kajian ini terdiri daripada lima bab sahaja dan aspek yang terdapat didalamnya juga adalah berbeza.

Pada bahagian bab 1 merupakan bahagian pendahuluan. Aspek-aspek yang akan dibincangkan dalam penulisan ini adalah seperti pengenalan, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi operasional, organisasi kajian dan penutup.

Selain itu, pada bahagian bab 2 adalah bahagian kajian tentang sorotan kajian lepas. Menerusi bab ini, pengkaji akan melibatkan proses-proses membaca dan meneliti terhadap kajian-kajian lepas yang telah dikaji oleh para sarjana yang telah berjaya dalam menghasilkan penulisan tesis yang baik. Proses tersebut sangat penting kepada pengkaji bagi mendapatkan lebih banyak maklumat yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan.

Seterusnya, pada bahagian bab 3 adalah bahagian kajian tentang metodologi kajian. Bahagian ini pengkaji telah menetapkan kaedah yang diperlukan dalam menayakan penulisan ini. pengkaji menjelaskan kaedah yang digunakan iaitu kaedah perpustakaan dan analisis teks serta penggunaan teori yang sesuai. Bahagian ini sangat penting kepada pengkaji untuk memperolehi sebuah kajian yang bermutu tinggi dan baik.

Selanjutnya, pada bahagian bab 4 pula, akan membincangkan dan menjelaskan tentang dapatan analisis dan dapatan kajian. Bahagian ini pengkaji akan menganalisis dapatan kajian yang diperolehi melalui penelitian dan analisis teks *dalam Teks Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Pengkaji mendapati unsur tradisi dalam cerita rakyat dengan mengaplikasikan teori tempatan iaitu Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989).

Akhir sekali, pada bahagian bab 5 merupakan kesimpulan atau bahagian terakhir dalam kajian ini. Pada bahagian ini, pengkaji akan merumuskan keseluruhan kajian yang dijalankan untuk mendapatkan kesimpulan kecil yang diperolehi berdasarkan objektif kajian yang dirancang pada bahagian pertama. Rumusan dan cadangan yang sesuai turut disertakan pada bahagian ini.



1.9 PENUTUP

Kesimpulannya, kajian ini banyak menyentuh berkaitan dengan unsur tradisi yang hanya memfokuskan kepada teks sastra yang bergenre cerita rakyat sahaja. Unsur tradisi yang terdapat di dalam teks tersebut ada yang boleh digunakan pada zaman kini dan ada juga yang tidak wajar untuk digunakan pada zaman kini kerana berlakunya peredaran masa dan teknologi. Hal ini demikian kerana, unsur tradisi tersebut diakhir penceritaannya terdapat juga pengajaran yang dapat diberikan keutamaan kepada pandangan dan cara berfikir masyarakat terhadap unsur tradisi yang diperolehi dari cerita rakyat tersebut. Oleh itu, pengkaji berharap agar penulisan ini dapat dijalankan dengan sebaik mungkin bagi mencapai objektif kajian yang telah disediakan.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.1 PENGENALAN

Pada bahagian bab dua pula, pengkaji akan menjalankan satu penelitian terhadap kajian-kajian lepas yang telah dihasilkan oleh para saujana atau pengkaji lepas. Tujuan pengkaji menjalankan penelitian ini adalah untuk melihat sama ada unsur tradisi ini pernah dijalankan oleh pengkaji lepas mahupun tidak serta memasukkan serba sedikit idea yang dimiliki ke dalam penulisan baharu. Oleh hal yang demikian kerana, pengkaji akan memperolehi dua pecahan bahagian iaitu bahagian pertama yang memberikan fokus utama dalam kajian ini, manakala bahagian kedua pulak mengkaji tentang pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu dalam karya sastera.

2.2 PENGKAJIAN CERITA RAKYAT DI MALAYSIA

Kajian *Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu Sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu* oleh Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin Yusof (2015). Pengkajian ini telah memberikan fokus terhadap nilai jati diri masyarakat dalam memartabatkan mutu cerita rakyat dalam diri masyarakat itu sendiri. Dengan adanya teknologi canggih pada masa kini mengakibatkan masyarakat kurang berminat terhadap karya sastera terutama cerita rakyat. Hal ini kerana, mereka kurang berminat untuk membaca atau mempelajari sesuatu yang berkaitan dengan sastera. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk memartabatkan semula martabat cerita rakyat agar mendapat sambutan yang hangat tidak mengira umur, jantina, pangkat, bangsa dan bahasa. Kajian ini dapat dikenal pasti dan dianalisis berkaitan dengan kewujudan nilai jati diri dalam diri masyarakat. Kajian ini juga menggunakan teori Ekologi Budaya dan teori Adaptasi Alam sebagai bahan untuk mengukuhkan bukti kajian yang bersifat kualitatif. Oleh itu, nilai-nilai jati diri yang diperolehi dalam cerita tersebut dapat memberikan tarikan kepada pembaca untuk mendalami cerita rakyat mahupun karya sastera dalam diri mereka.

Selain itu, kajian *Cerita Rakyat Masyarakat Iban di Sarawak* oleh Lenna Demay Ak Joseph Machine (2007). Pengkajian ini telah memberikan fokus terhadap cerita rakyat masyarakat Iban yang berada di Sarawak. Kajian ini dipilih untuk mengenal pasti dan menganalisis cerita rakyat yang diadaptasi ke dalam bentuk video atau filem. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan pengumpulan data untuk menghasilkan sebuah kajian yang tepat. Hal ini demikian kerana, cerita rakyat yang diadaptasi ke dalam bentuk medium video atau filem dapat memberikan pendedahan secara langsung kepada masyarakat di Sarawak dan dapat melahirkan generasi yang mementingkan pendidikan dalam kehidupan.

Tambahan pula, kajian *Keberkesanan Unsur Watak Dan Perwatakan Dalam Cerita Rakyat Dalam Kalangan Kanak-Kanak Dan Remaja Melalui Media Animasi* oleh

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nur Samsiah Mazlan (2021). Kajian ini berfokuskan tentang cara untuk mengangkat keagungan cerita rakyat melalui media animasi. Hal ini kerana, media animasi merupakan teknologi moden dan canggih yang mampu membantu meningkatkan minat dalam diri remaja dan kanak-kanak masa kini. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk meninjau keberhasilan media animasi dalam menarik minat golongan remaja dan kanak-kanak dalam penghasilan cerita rakyat. Kaedah kajian yang digunakan di dalam kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif seperti kaedah kepustakaan dan rujukan teks bagi membantu mendapatkan sumber rujukan dan maklumat yang sahih dan tepat. Kajian ini juga menggunakan pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu dengan memilih pendekatan gunaan. Sehubungan dengan itu, terdapatnya unsur watak dan perwatakan yang dibangkitkan bagi mendapatkan hasil kajian menerusi cerita rakyat. Oleh itu, unsur watak dan perwatakan yang terkandung di dalam cerita rakyat tersebut haruslah dipaparkan menerusi media animasi untuk menarik minat golongan remaja dan kanak-kanak agar dapat dijadikan contoh dan tauladan yang baik.

Di samping itu, kajian *Hikayat Awang Sulung Merah Muda Dari Perspektif Pendekatan Pengurusan* oleh Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2015). Kajian ini memfokuskan tentang prinsip kepimpinan yang merupakan salah satu Pendekatan Pengurusan yang digagaskan oleh Mohamad Mokhtar Abi Hassan. Prinsip kepimpinan yang dimiliki oleh tokoh tersebut dapat meningkatkan semangat kepimpinan dalam diri masyarakat muda masa kini. Hal ini demikian kerana, prinsip kepimpinan tersebut dapat melatih diri seorang pemimpin dalam membangunkan rakyat dan negara yang aman dan harmoni. Kaedah kajian yang digunakan di dalam kajian tersebut ialah kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks yang merupakan kaedah kualitatif. Oleh itu, penelitian terhadap prinsip

kepimpinan tersebut dapat menyedarkan masyarakat tentang tanggungjawab yang perlu dijalankan bagi mewujudkan sifat taat setia dalam diri seorang pemimpin.

Seterusnya, kajian *Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat Untuk Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak* oleh Mohd Nazri Abdul Rahman, Aisyah Abdul Malek & Muhammad Asyraf Mansor (2021). Kajian ini telah memberikan fokus dalam meneroka aspek pelaksanaan pedagogi responsif budaya menerusi cerita rakyat. Kajian ini dijalankan ke atas kanak-kanak yang berumur sekitar 4 hingga 6 tahun sahaja. Kajian ini bersifat kuantitatif dan menggunakan kaedah pengumpulan data iaitu kaedah temu bual. Kajian ini juga menunjukkan pedagogi responsif budaya yang ditunjukkan oleh kreativiti guru dalam menyampaikan cerita rakyat kepada murid-muridnya. Cerita rakyat tersebut bukan sahaja disebarkan kepada kanak-kanak bangsa Melayu malahan kanak-kanak berbangsa lain juga boleh mempelajarinya dalam membentuk kepelbagaian budaya dalam masyarakat. Dengan adanya kajian ini, guru-guru dapat menghasilkan pembelajaran dengan lebih menarik dan kreatif agar murid-murid tidak bosan dalam menerima ilmu yang disampaikan.

Selanjutnya, kajian *Unsur Didaktik Dalam Teks Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pendekatan Moral* oleh Siti Norsyahira Binti Md Sabri (2022). Kajian ini telah memberikan fokus terhadap unsur didaktik yang terdapat di dalam teks tersebut dengan menggunakan teori Pendekatan Moral. Tujuan kajian ini dijalankan adalah kerana tidak ada lagi mana-mana pengkaji yang menjalankan penyelidikan tentang unsur didaktik di dalam teks yang dipilih. Selain itu kajian ini juga dijalankan untuk mengenal pasti unsur didaktik dan menganalisis unsur didalam teks Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Datu, Kelantan sebagai suatu pendekatan moral. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah rujukan teks dan dokumen. Pengkaji juga menggunakan pengaplikasian Pendekatan Moral yang terdapat di dalam teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang (1989). Dengan adanya

kajian ini, dapat membuktikan bahawa unsur didaktik yang terkandung di dalam teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Datu, Kelantan dapat memperbaiki dan meningkatkan nilai moral dalam kalangan masyarakat.

Selanjutnya, kajian *Gaya Penyampaian Cerita Rakyat Melayu Terpilih Dalam Majalah Dewan Pelajar* oleh Siti Zuhaidah Zakeria (2015). Kajian ini memfokuskan tentang aspek gaya yang disampaikan oleh pengarang menerusi teks cerita rakyat Melayu. Maka, kajian ini dijalankan untuk melihat dan merumuskan berkaitan gaya penyampaian yang dibawa oleh pengarang dalam cerita rakyat Melayu menerusi majalah Dewan Pelajar kepada kanak-kanak. Pendekatan kualitatif digunakan dalam penelitian ini di samping itu turut mengaplikasikan teori Psikologi Perkembangan Kanak-kanak yang digunakan bagi membantu menguatkan analisis kajian yang diperolehi dalam teks yang di kaji. Terdapat sebanyak 21 buah cerita rakyat akan dirujuk untuk mencapai objektif kajian yang disediakan. Rumusannya, gaya penyampaian cerita rakyat Melayu oleh pengarang ini dilihat dalam bentuk yang menarik dan baik. Malah penyampaiannya juga mengandungi pengajaran yang sememangnya dapat dijadikan sebagai bahan pembelajaran kepada para pelajar di dalam sekolah mahupun di luar sekolah.

Selain itu, kajian *Unsur Mitos Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Datu, Kelantan* oleh Nor Muhammad Shahir Bin Nordin (2022). Kajian ini memfokuskan tentang unsur mitos yang terdapat di dalam teks tersebut dengan pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu. Tujuan kajian ini adalah untuk memberikan pendidikan kepada kanak-kanak dalam mengetahui perkara-perkara yang berkaitan dengan pantang larang, adat istiadat, prinsip hidup dan kepercayaan nenek moyang zaman dahulu kala. Tujuan kajian ini dijalankan juga adalah kerana tidak ada pengkaji-pengkaji lain yang meneliti tentang unsur mitos dalam teks yang dipilih. Pengkaji mempunyai batasan dalam pemilihan cerita rakyat iaitu sebanyak 30 buah cerita sahaja. Selain itu, kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah

kepuustakaan dan rujukan teks. Pengkaji juga menggunakan pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu iaitu Pendekatan Firasat yang digagaskan oleh Hashim Awang (1989) bagi mempertahankan dan menyokong hasil dapatan yang diperolehi dalam yang dipilih. Dengan adanya kajian ini, pengkaji dapat memberi tahu masyarakat bahawa cerita mitos tersebut disampaikan sebagai tanda hiburan yang mempunyai kreativiti dalam teknik penyampaiannya agar masyarakat tidak salah ertikan tentang unsur mitos yang dipelajarinya itu.

Seterusnya, kajian *Unsur Kebudayaan Dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Culture Elements in Folk Narratives at Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Kajian ini memfokuskan tentang unsur budaya yang dipamerkan di dalam teks yang dipilih dengan menggunakan pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur kebudayaan yang terkandung di dalam teks Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepuustakaan dan kaedah teks. Pengkaji juga menggunakan pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang (1989) bagi menyokong hasil dapatan yang diperolehi dalam teks tersebut. Dengan adanya kajian ini, pengkaji dapat memberi tahu masyarakat bahawa unsur kebudayaan sangat penting dalam kehidupan masyarakat masa kini bagi meningkatkan sahsiah diri agar dapat menghargai khazanah warisan Negara.

Di samping itu, kajian *Pemikiran Melayu Dalam Cerita Lipur Lara* oleh Ezzah'afifah Nasrudin & Che Ibrahim Salleh (2015). Kajian ini memberikan fokus terhadap pemikiran Melayu dalam cerita rakyat. Cerita lipur lara merupakan sebahagian daripada cerita rakyat Melayu. Dalam kajian ini, pengkaji dapat mengenal pasti, menganalisis dan merumuskan perihal pemikiran secara terperinci. Batasan yang digunakan hanya empat buah cerita lipur lara sahaja. Kajian ini bersifat kualitatif

dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan rujukan teks serta pengaplikasian pendekatan Sosiologi untuk menghasilkan suatu analisis yang tepat dan padat terhadap hujahan atau pendapat yang disampaikan oleh pengkaji. Oleh itu, pengkaji dapat memahami pemikiran Melayu yang disampaikan dalam cerita rakyat yang dipilih dan disebar kepada masyarakat atau pembaca agar sama-sama dapat memberi pengajaran.

Seterusnya, kajian *Fungsi Makanan Dalam Interaksi Sosial Masyarakat Melayu: Satu Kajian Teks Cerita Rakyat* oleh oleh Suhaini Md Noor & Mohd Faizal Musa (2021). Kajian ini memfokuskan tentang fungsi makanan dalam sosial masyarakat yang terdapat di dalam cerita rakyat. Dalam kajian ini, pengkaji akan melihat variasi makanan dan menganalisis fungsi yang terkandung dalam cerita rakyat. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Batasan yang digunakan adalah sebuah buku cerita sahaja. Hasil kajian yang diperolehi dalam cerita rakyat tersebut adalah pengkaji memperolehi 29 jenis makanan iaitu antaranya rojak, rempah ratus, ayam, daging kambing dan banyak lagi. Oleh itu, pengkaji dapat memberitahu beberapa jenis makanan yang boleh dijadikan keunikan atau ornamen negara yang diperolehi dalam cerita rakyat tersebut kepada masyarakat.

Tambahan pula, kajian *Kisah Sang Kancil Dan Memerang Sebagai Penerapan Adab Kepimpinan Dalam Kalangan Kanak-Kanak* oleh Siti Fatimah Mamat, Roslina Abu Bakar & Arbai'e Sujud (2019). Kajian ini memfokuskan tentang elemen adab kepimpinan yang boleh dicontohi oleh masyarakat sekitar. Hal ini demikian kerana, cerita rakyat yang dipilih ialah cerita bergenre binatang di mana cerita tersebut sangat mempengaruhi masyarakat bukan sahaja golongan kanak-kanak malahan golongan remaja serta dewasa juga turut meminati cerita yang mempunyai unsur binatang. Kajian seperti ini membantu pengkaji untuk mewujudkan kepentingan adab yang dibincangkan dalam kajian ini. Melalui kajian ini, pengkaji akan dapat membincangkan penerapan adab kepimpinan dalam golongan kanak-kanak menerusi cerita rakyat yang

dipilih. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan temu bual. Hasil kajian yang diperolehi adalah pengkaji dapat memaparkan beberapa kepimpinan yang terdapat dalam cerita rakyat tersebut seperti bijaksana, amanah, adil, lemah lembut dan banyak lagi. Oleh itu, pengkaji dapat menyebarkan nilai kepimpinan yang diperolehi dalam cerita tersebut kepada masyarakat terutama golongan kanak-kanak agar mereka mendapat didikan sejak kecil lagi.

Tambahan pula, kajian *Dokumentasi Tradisi Lisan Dalam Cerita Rakyat Untuk Orang Melayu Di Sarawak Untuk Persembahan Teater* oleh Muhammad Qawiem Hamizan, Abdul Walid Ali & Ahmad Kamal Basyah Sallehuddin (2021). Kajian ini memfokuskan tentang inovasi penciptaan suatu karya dalam bentuk buku terutama karya lisan yang dapat dilihat melalui karya-karya orang terdahulu. Pengkaji dapat menciptakan satu dokumentasi tradisi lisan dalam cerita rakyat untuk dijadikan sebagai persembahan teater buat masyarakat Melayu yang tinggal di Sabah. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan temu bual bagi memperolehi beberapa cerita rakyat dalam menjayakan kajian tersebut. Batasan yang digunakan hanya dua buah buku sahaja yang diperolehi dari kawasan Kuching dan Samarahan di Sarawak. Hasil kajian yang diperolehi dalam kajian ini, pengkaji dapat menunjukkan cerita rakyat ini sangat berguna dan sesuai untuk dijadikan sebagai persembahan teater bagi orang Melayu di Sarawak. Oleh itu, inovasi yang dijalankan melalui pementasan teater ini bertujuan untuk mengangkat nilai cerita rakyat tersebut agar sentiasa hidup dalam kalangan masyarakat.

Di samping itu, kajian *Tujuan Dan Fungsi Dalam Konteks Kesusasteraan Rakyat dan Cerita Jenaka Melayu* oleh Hazrul Mazran Rusli & Muhammad Abdullah (2022). Kajian ini memfokuskan tentang tujuan dan fungsi dalam konteks cerita rakyat. Pengkaji akan meneliti dan mengenal pasti aspek tujuan dan fungsi yang digunakan dalam konteks cerita rakyat. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan rujukan teks. Batasan yang digunakan sebanyak empat buah cerita

sahaja. Hasil kajian yang diperolehi pengkaji adalah terdapat beberapa tujuan dan fungsi cerita rakyat tersebut dalam masyarakat seperti alat hiburan, pemaparan unsur tradisi dan kebudayaan dan sebagainya. Oleh itu, pengkaji dapat menyebarkan tujuan dan fungsi karya sastera kepada masyarakat bahawa karya tersebut sangat berguna dalam kehidupan mereka.

Seterusnya, kajian *Nilai Murni Melalui Keunikan Dialek Kelantan Dalam Cerita Rakyat Melayu Di Kelantan* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob Mohd Firdaus Che Yaacob, Suriatini Ismail, Daeng Haliza Daeng Jamal, Sahrudin Mohamed Som, Farrah Atikah Saari & Nasirin Abdillah. (2022). Kajian ini memfokuskan tentang nilai murni melalui keunikan dialek Kelantan dalam cerita rakyat. Pengkaji akan dapat mengenal pasti dan merumuskan nilai murni yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan kepada keunikan dialek Kelantan. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan temu bual. Pengaplikasian teori yang digunakan adalah Teori Pengkaedahan Melayu menerusi Pendekatan Kemasyarakatan. Batasan yang digunakan sebanyak tujuh buah cerita rakyat sahaja. Hasil dapatan yang diperolehi oleh pengkaji adalah terdapat beberapa nilai murni yang boleh dicontohi seperti baik hati, belas kasihan, murah hati dan banyak lagi. Oleh itu, pengkaji dapat memperlihatkan ketinggian martabat cerita rakyat Melayu di Kelantan dengan mempamerkan nilai murni yang terkandung dalam cerita rakyat tersebut kepada masyarakat sekitar agar dapat dijadikan pengajaran dan tauladan.

Selain itu, kajian yang bertajuk *Interaksi Sosioekonomi Dalam Cerita Rakyat Kilatan Emas Mencetus Revolusi Kepimpinan Terhadap Kanak-Kanak Dan Remaja* oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Kajian ini memfokuskan tentang sosioekonomi yang terdapat dalam cerita rakyat. Kajian ini dijalankan kerana terdapat kurang penelitian tentang sosioekonomi dalam kajian-kajian lepas yang terdapat dalam cerita rakyat dan mengakibatkan berlakunya kelompongan pada aspek tersebut. Pengkaji akan dapat meneliti dan membincangkan tentang

interaksi sosioekonomi dalam cerita rakyat yang memberi fokus terhadap aspek kepimpinan. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan, kajian lapangan dan temu bual serta rakaman video dan audio. Pengaplikasian teori yang digunakan ialah teori Pengkaedahan Melayu. Hasil dapatan yang diperolehi oleh pengkaji ialah terdapat beberapa aspek kepimpinan seperti pertuturan yang baik, tindakan berhemah dan pemikiran rasional. Oleh itu, pengkaji dapat membuktikan bahawa aspek kepimpinan tersebut dapat dijadikan contoh oleh masyarakat masa kini dalam memimpin sesebuah komuniti masyarakat dengan lebih berkualiti.

Di samping itu, kajian *Personaliti Ibu Bapa Dalam Teks Cerita Rakyat Kadazan Dusun* oleh Minah Sintian (2015). Kajian ini memfokuskan tentang personaliti ibu bapa dalam teks cerita rakyat. Pengkaji akan mengenal pasti tentang perwatakan ibu bapa yang ditampilkan dalam teks cerita rakyat yang di pilih. Kajian ini bersifat kualitatif dengan mengaplikasikan teori Hierarki Keperluan Maslow dan Psikoanalisis Sigmund Freud bagi mengukuhkan hujahan beliau. Batasan yang digunakan hanya enam buah cerita rakyat sahaja. Hasil dapatan yang diperolehi oleh pengkaji ialah imej ibu bapa yang memaparkan personaliti neurotik atau kehilangan rasa seronok seperti perasaan gelisah, takut, kecewa dan sebagainya. Oleh itu, pengkaji dapat meneliti dan memahami tingkah laku yang dipamerkan oleh ibu bapa dalam cerita rakyat tersebut di mana yang buruk itu perlu dielakkan untuk diikuti oleh masyarakat setempat.

Sehubungan dengan itu, *Kearifan Tempatan Dalam Cerita Rakyat Dayak Kanayatn: Kajian Hermeneutik* oleh Sesilia Seli (2016). Kajian ini memfokuskan tentang kewujudan kearifan tempatan dalam cerita rakyat. Dalam kajian ini, pengkaji akan membuktikan kewujudan kearifan tempatan dalam cerita rakyat kaum Dayak Kanayatn. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan kerja lapangan serta pengaplikasian Pendekatan Hermeneutik. Batasan yang digunakan sebanyak 16 buah cerita sahaja. Hasil dapat yang diperolehi oleh pengkaji ialah meliputi aspek pengetahuan tempatan, nilai-nilai tempatan dan keterampilan dan

teknologi. Oleh itu, pengkaji dapat memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa pentingnya karya sastera dalam kehidupan seharian yang mampu memberi kebaikan dalam kehidupan seharian mereka.

Selain itu, kajian *Wacana Cerita Rakyat Melayu Dalam Kalangan Pelajar Korea* oleh Normaliza Abd Rahim (2016). Kajian ini memfokuskan tentang sudut pandang oleh pelajar luar iaitu pelajar korea terhadap cerita rakyat Melayu masa kini. Hal ini demikian kerana, pengkaji dapat dapat meneliti tentang sudut pandang yang diberikan oleh pelajar-pelajar korea. Pengkaji juga dapat melihat dan merumuskan maklum balas yang diberikan oleh mereka berkaitan tentang cerita rakyat Melayu. Pengkaji membataskan tiga buah cerita rakyat sahaja dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan sampel kajian sebanyak 20 sampel sahaja. Sampel tersebut diberikan kepada pelajar lelaki dan perempuan di sebuah universiti yang dipilih iaitu Universiti Hankuk Pengajian Asing, Korea. Pengumpulan data yang diperolehi akan diaplikasikan di dalam kajian dengan menggunakan teori Analisis Wacana. Oleh itu, terdapat beberapa kesan, andaian, konsep dan rujukan yang diperolehi melalui pembacaan mereka melalui cerita rakyat Melayu.

Seterusnya, kajian *Student' Perception Towards Malay Folklore Songs* oleh Normaliza Abd Rahim & Nik Ismail Harun (2016). Kajian ini memfokuskan tentang tanggapan pelajar terhadap lagu-lagu cerita rakyat Melayu. Hal ini demikian kerana, kajian ini akan menilai dan merumuskan tentang tanggapan pelajar terhadap lagu-lagu cerita rakyat Melayu yang di pilih. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik dan sampel kajian seramai 200 orang dengan kerjasama pelajar dari Universiti Putra Malaysia. Terdapat lima buah lagu cerita rakyat Melayu sahaja yang digunakan dalam kajian ini. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini serba sedikit dapat memberi pengetahuan dan pendedahan awal kepada masyarakat agar mereka lebih mengenali tentang cerita rakyat yang diubah melalui lagu rakyat.

Di samping itu, kajian *Alam dan Budaya Masyarakat Melayu Dalam Hikayat Pelanduk Jenaka* oleh Roslina Abu Bakar & Aone Van Engelenhoven (2016). Kajian ini memfokuskan tentang kehidupan binatang yang hidup di hutan. Pengkaji dapat meneliti dan membincangkan tentang cara hidup dan budaya masyarakat yang dibawa oleh masyarakat Melayu melalui cerita rakyat yang di pilih dalam bentuk cerita binatang. Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks dengan menggunakan teori Pengkaedahan Melayu untuk menyokong bukti analisis yang diperolehi dalam kajian. Pengkaji hanya menggunakan satu cerita binatang sahaja iaitu Hikayat Pelanduk Jenaka sebagai rujukan utama. Oleh itu, kajian yang dijalankan dapat memaparkan berkaitan dengan hubungan antara masyarakat Melayu dengan kehidupan alam serta budaya yang disampaikan di dalam cerita tersebut agar dapat dijadikan contoh kepada masyarakat setempat.

Sehubungan dengan itu, kajian *Kesinambungan Warisan Budaya Masyarakat Melayu Pantai Timur Dalam Cerita Rakyat Untuk Kanak-Kanak* oleh Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016). Kajian ini memfokuskan tentang pembangunan dan perkembangan teknologi serta Pendidikan yang semakin pesat serta telah banyak mengakibatkan terhapusnya nilai-nilai kebudayaan. Hal ini demikian kerana, kajian ini beranggapan bahawa pegangan budaya dan nilai tradisional akan mengakibatkan terbantutnya proses pembangunan di negara ini. Pengkaji dapat melihat dan merumuskan kesinambungan warisan budaya yang tertumpu kepada cerita-cerita masyarakat melayu yang diberikan fokus di Pantai Timur dalam kalangan kanak-kanak sahaja. Kajian ini bersifat kualitatif dengan merujuk buku Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia dalam kajian. Kajian ini membataskan sebanyak 68 buah cerita rakyat sahaja. Oleh itu, pengkaji dapat memberi pendedahan serta peluang yang tinggi kepada kanak-kanak dalam mengenali budaya masyarakat Melayu yang terdapat di negara ini.

Selain itu, kajian *Pengurusan Konflik Dalam Cerita Rakyat Nusantara Abad Ke-19* oleh Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016). Kajian ini memfokuskan tentang konflik yang melibatkan situasi yang berkaitan dengan perselisihan dan persengketaan. Pengkaji dapat mengenal pasti dan membincangkan tentang pengurusan konflik yang terkandung di dalam buku lama cerita rakyat nusantara. Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks dan kaedah kepustakaan dalam menentukan analisis kajian. Pengkaji memilih Sembilan buah cerita rakyat nusantara dalam kajian ini. Oleh itu, pengkaji dapat menghuraikan konflik yang akan sentiasa berlaku dalam kehidupan sama ada secara langsung mahupun tidak langsung agar dapat dijadikan pedoman dalam hidup masyarakat.

Selain itu, kajian *Penelitian yang Dinamakan Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak dan Perwatakan Positif* oleh Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhammad Effendi (2018). Kajian tersebut memfokuskan tentang tanggapan negatif masyarakat masa kini terhadap cerita Jenaka Melayu. Hal ini mengakibatkan pengkaji perlu memaparkan sikap masyarakat Melayu lama yang lurus dan bodoh dalam kajian yang dijalankan. Kajian ini juga dapat membuktikan bahawa watak yang terdapat di dalam cerita jenaka tersebut mampu memperlihatkan perwatakan yang positif. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan rujukan teks dengan menggunakan teori Psikologi Humanistik yang mendasari lima prinsip. Oleh itu, pengkaji dapat merungkaikan dan membuktikan bahawa cerita jenaka Melayu tidak memaparkan kekurangan masyarakat Melayu tradisi malah ia menggambarkan keperibadian yang tinggi menerusi perwatakan positif dalam diri seseorang.

Seterusnya, kajian *Mahsuri Dan Puteri Lindungan Bulan, Lagenda Kedah Dan Motif Darah Putih* oleh Asniza Zakaria (2019). Kajian tersebut memfokuskan tentang cerita Lagenda yang juga merupakan cerita rakyat yang masih diingati sehingga hari ini tetapi cerita tersebut kurang diambil berat oleh pengkaji-pengkaji lepas dalam menjalankan kajian tentang cerita tersebut. Kajian ini bersifat kualitatif dengan

menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis dokumen. Hasil dapatan yang diperolehi daripada kajian tersebut adalah pengkaji dapat merumuskan bahawa motif darah putih dapat melambangkan kesucian yang dimiliki oleh watak puteri dalam cerita tersebut. Oleh itu, pengkaji dapat mengeluarkan pengajaran atau teladan yang baik dalam memberi pendedahan cerita Lagenda kepada masyarakat atau pembaca.

Di samping itu, kajian *Adaptasi Kesusasteraan Rakyat (Si Luncai) Dalam Karya Seni Cetakan* oleh Hazrul Mazran Rusli (2020). Kajian tersebut memfokuskan tentang penghasilan cerita Si Luncai dalam membentuk teks yang diadaptasi kepada medium seni cetakan. Dalam kajian ini, pengkaji dapat melihat kebolehan pelukis dalam mengadaptasi cerita rakyat tersebut dalam bentuk pembacaan menerusi paparan cetakan imej secara visual. Kajian ini menggunakan dua teori iaitu teori Adaptasi dan Eksplorasi Visual bagi membantu pengkaji mengukuhkan bukti yang diperolehi daripada hasil dapatan kajian. Oleh itu, pengkaji dapat merumuskan bahawa karya sastera bukan sahaja boleh diperolehi melalui medium cetakan malahan ia juga boleh diperolehi melalui visual. Hal ini juga boleh lebih menarik perhatian dalam kalangan kanak-kanak, remaja, dewasa mahupun tua.

Sehubungan itu, kajian *Nilai Kepahlawanan Dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragang Di Sabah* oleh Jamail Masador, Abdul Halim Ali & Azhar Wahid (2021). Kajian tersebut memfokuskan tentang nilai-nilai kepahlawanan yang dikeluarkan oleh pengarang melalui cerita tersebut. Tangon merupakan panggilan kepada cerita rakyat oleh kaum Kimaragang di Sabah. Pengkaji menjalankan kajian menggunakan cerita rakyat ini kerana tidak ada nilai-nilai kepimpinan yang sepatutnya ada kaitan dengan kepahlawanan. Pengkaji juga dapat merungkaikan dan membahaskan tentang nilai-nilai kepimpinan yang terdapat di dalam Tangon Suku Kimaragang Di Sabah. Kajian ini membataskan penggunaan tiga buah cerita rakyat sahaja. Kajian ini menggunakan kaedah lapangan dan temu bual untuk mendapatkan cerita rakyat tersebut dari suku Kimaragang dengan menggunakan pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu

menerusi Pendekatan Alamiah. Oleh itu, pengkaji dapat menjelaskan nilai-nilai kepahlawanan yang boleh menggambarkan budaya sebenar masyarakat Kimaragang agar dapat diserapkan dalam diri mereka.

Tambahan itu, kajian *Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Kajian ini memfokuskan tentang nilai ketamadunan dalam sesebuah masyarakat terhadap cerita rakyat Melayu. Pengkaji telah di dorong untuk menghasilkan kajian bagi menepis perspektif negatif terhadap cerita rakyat di Tumpat, Kelantan. Kajian ini bersifat kualitatif. Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah kepustakaan dan temu bual serta melibatkan beberapa rakaman video dan audio bagi menyimpan bukti yang kukuh semasa menjalankan analisis kajian. Kajian ini membataskan sebanyak empat buah cerita rakyat sahaja. Pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu digunakan dalam kajian ini bagi memudahkan pengkaji untuk menjalankan penyelidikan. Hasil kajian yang diperolehi dalam penyelidikan ini dapat dilihat melalui cerita rakyat tersebut dengan menggambarkan nilai kekayaan dalam ketamadunan masyarakat di kawasan tersebut. Oleh itu, pengkaji dapat meningkatkan potensi kesedaran dalam diri masyarakat setempat dalam memaparkan nilai ketamadunan yang boleh membuka minda positif berkaitan dengan cerita rakyat.

Lagi, kajian *Unsur Spiritual Dalam Cerita Lisan Melayu* oleh Siti Aisyah Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2021). Kajian tersebut memfokuskan tentang unsur spiritual yang terdapat dalam cerita lisan Melayu. Kajian ini dijalankan juga kerana kurang diberikan penekanan oleh pengkaji-pengkaji lepas yang menyebabkan berlakunya kelompongan dalam kajian ini. Sumber rujukan utama yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan pemilihan buku koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia yang hanya membataskan sebanyak 12 buah buku cerita sahaja. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Pengaplikasian teori yang digunakan adalah teori Budaya bagi membantu dalam

menyokong hujah yang disampaikan oleh pengkaji agar hujahan tersebut dapat diterima secara terbuka. Hasil kajian yang diperolehi daripada penyelidikan ini adalah melibatkan perbincangan yang memaparkan unsur spiritual dengan memfokuskan aspek utama iaitu aspek sumpahan yang terdapat dalam cerita lisan tersebut. Ritual sumpahan tersebut dapat dilihat melalui pohon pokok, batu, gunung dan sebagainya. Oleh itu, pengkaji dapat memaparkan aspek sumpahan yang dikenakan kepada masyarakat Melayu atas perbuatan mereka agar dapat dijadikan pengajaran atau teguran baik kepada pembaca.

Selanjutnya, kajian *Ritual Dalam Cerita Rakyat di Mukim Bebar, Pekan, Pahang, Malaysia* oleh Noorzaatulhidayah Mohd Hanipah, Daeng Haliza Daeng Jamal & Nasirin Abdillah (2021). Kajian ini memfokuskan tentang mitos, jenaka, budaya, sejarah dan banyak lagi. Pengkaji sangat tertarik untuk menyentuh unsur ritual dalam kajian ini kerana cerita rakyat tersebut ada menceritakan tentang mitos yang berlaku di kawasan tersebut. Pengkaji juga dapat mengenal pasti dan membahaskan tentang kewujudan ritual yang terdapat dalam cerita rakyat yang hanya diberikan fokus di kawasan Mukim Bebar di daerah Pekan. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual dan kerja lapangan serta pengaplikasian teori Fungsionalisme sebagai pengukuh bukti dalam hujahan yang disampaikan oleh pengkaji. Hasil kajian yang diperolehi daripada analisis cerita tersebut mendapati bahawa terdapat beberapa ritual yang digunakan seperti nyimoh pantai, manusia berkembar, mandi safar dan mengkarung ekor bercabang. Oleh itu, pengkaji dapat merungkaikan unsur ritual yang terdapat dalam cerita rakyat tersebut di mana itu adalah salah satu Kepercayaan yang digunapakai oleh nenek moyang terdahulu kepada masyarakat masa kini.

Di samping itu, kajian *Tujuan Dan Fungsi Dalam Konteks Kesusasteraan Rakyat Dan Cerita Jenaka Melayu* oleh Hazrul Mazran Rusli & Muhammad Abdullah(2022). Kajian ini memfokuskan tentang aspek tujuan dan fungsi dalam

Kesusasteraan rakyat dan cerita jenaka. Hal ini kerana, Sastera rakyat dan cerita jenaka merupakan sebahagian penting dalam kehidupan masyarakat Melayu lama yang sering menggunakan sastera sebagai medium komunikasi. Maka itu pengkaji mengutamakan aspek tujuan dan fungsi sebagai objektif utama dalam kajian ini. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan rujukan teks. Terdapat empat buah cerita jenaka yang digunakan dalam kajian ini iaitu Nujum Pak Belalang, Pak Pandir, Pak Kadok dan Lebai Malang. Tujuan dan fungsi yang diperolehi daripada hasil dapatan adalah ianya dijadikan sebagai alat hiburan dan pengajaran, pemaparan tradisi kebudayaan, sejagat dan banyak lagi. Oleh itu, pengkaji dapat mengenengahkan pengajaran serta kritikan sosial terhadap masyarakat masa kini sebagai suatu pengajaran penting.

Tambahan pula, *Dokumentasi Tradisi Lisan Dalam Cerita Rakyat Untuk Orang Melayu Di Sarawak Untuk Persembahan Teater* oleh Muhammad Qawiem Hamizan, Abdul Walid Ali & Ahmad Kamal Basyah Sallehuddin (2021). Kajian ini memfokuskan tentang inovasi penciptaan yang dihasilkan dalam sesebuah karya sastera yang diciptakan oleh pengkarya terdahulu. Pengkaji di dorong untuk menjalankan kajian berkaitan dengan dokumentasi tradisi lisan dalam cerita rakyat yang dijadikan sebagai persembahan teater kepada masyarakat Melayu di Sabah. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan temu bual bagi memperolehi beberapa cerita rakyat daripada penduduk di sekitar kawasan kajian. Sebanyak dua buah cerita rakyat yang dipilih dalam menyesuaikan objektif kajian yang disediakan oleh pengkaji. Oleh itu, pengkaji dapat meningkatkan inovasi karya sastera melalui persembahan teater yang mengangkat tentang nilai cerita rakyat itu sendiri agar mereka dapat hidup keadaan yang aman dan damai.

Lagi, kajian *Kisah Sang Kancil Dan Harimau Sebagai Penerapan Nilai Budaya Tinggi Dalam Kalangan Kanak-Kanak* oleh Nurmasitah Mat Hassan, Azyantee Mohd Zawawi & Nordiana Ab. Jabar (2022). Kajian ini memfokuskan tentang watak binatang

yang sangat terkenal dalam cerita rakyat yang bergenre cerita binatang. Pengkaji dapat merungkaikan kewujudan nilai budaya tinggi dalam cerita rakyat tersebut serta dapat mentafsirkan penerapan nilai tersebut dalam diri kanak-kanak. Kajian ini hanya menggunakan sebuah cerita sahaja iaitu Kisah Sang Kancil dan Harimau. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis cerita rakyat serta pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu menerusi Pendekatan Moral. Hasil kajian yang diperolehi daripada kajian ini mendapati sebanyak 10 nilai tinggi yang dijumpa oleh pengkaji dalam cerita tersebut. Oleh itu, Pengkaji dapat mengeluarkan nilai budaya tinggi yang diperolehi dalam kajian tersebut yang dapat mengubah perilaku seseorang tu kearah yang lebih baik.

Selanjutnya, kajian *Kesinambungan Warisan Budaya Masyarakat Melayu Pantai Timur dalam Cerita Rakyat untuk Kanak-Kanak* oleh Siti Zuhaidah Zakeria dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016). Pengkaji membincangkan tentang memartabatkan nilai kebudayaan akibat perkembangan berlaku daripada segi teknologi dan pendidikan secara tak langsung kedudukan sastera rakyat sebagai produk kebudayaan masyarakat terjejas. Pengkaji menetapkan dua objektif adalah mengenal pasti kesinambungan unsur budaya yang masih wujud di kalangan masyarakat Melayu melalui cerita rakyat untuk kanak-kanak dan menganalisis unsur budaya yang masih lagi wujud di kalangan masyarakat Melayu Pantai Timur. Pengkaji mengaplikasikan kaedah menganalisis teks dengan menggunakan buku himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan tiga unsur budaya dominan kesaktian, perubatan tradisional dan seni budaya ekspresif. Oleh itu, elemen kebudayaan dalam cerita rakyat bacaan kanak-kanak supaya dapat memberi manfaat bagi meluaskan pengetahuan dan minda generasi muda.

Walaupun, kajian *Sastera Rakyat daripada Perspektif Kearifan Tempatan dan Potensinya kepada Pelancongan Budaya di Sarawak* oleh Dilah Tuah (2022). Kajian ini membincangkan tentang potensi yang boleh diperolehi berdasarkan

cerita rakyat tempatan kepada industri pelancongan budaya di Sarawak. Pengkaji menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif berasaskan analisis teks. Pengkaji juga menganalisis empat buah cerita rakyat Sarawak daripada *Antologi Cerita Rakyat Sarawak: Telichu dan Telichai* (2020) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Data kajian mendapati cerita rakyat sangat sesuai dijadikan tarikan pelancongan melalui kebudayaan yang ada di Sarawak dan data kajian selanjutnya menunjukkan nilai komersial terhadap cerita-cerita rakyat Sarawak mampu diperluaskan ke peringkat antarabangsa. Oleh itu, pengkaji membuktikan kajian ini telah menjadi panduan bagi membentuk strategi baru agar dapat meningkatkan kemajuan industri pelancongan melalui kebudayaan di negeri Sarawak.

Seterusnya, kajian *Impak Cerminan Seni Budaya Berfikir Masyarakat Melayu Ke Arah Kemajuan Multimedia Menerusi Cerita Rakyat* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2016). Kajian ini memfokuskan tentang kesan yang akan diperolehi oleh masyarakat Melayu daripada seni budaya berfikir yang kurang bijak dan kreatif. Hal ini kerana, pengkaji ingin mengangkat kedudukan cerita rakyat Melayu yang diadaptasi ke dalam bentuk medium multimedia. Maka itu, pengkaji akan dapat menghasilkan penilaian kesan daripada seni budaya berfikir masyarakat melayu untuk mendapatkan peluang untuk meningkatkan pemartabatan khazanah warisan yang sangat ternilai ini. Kajian ini bersifat kualitatif dalam mendapatkan hujahan yang tepat dan baik. Hasil perbincangan yang diperolehi ini dapat mewujudkan impak cerminan seni budaya berfikir dalam kalangan masyarakat Melayu melalui cerita rakyat yang mendatangkan sesuatu yang baik dan positif dalam hidup masyarakat setempat. Oleh itu, pengkaji dapat memperluaskan lagi usaha atau langkah-langkah yang boleh membantu dalam meningkatkan inovasi karya sastera dengan lebih menarik dan berkesan.

Tambahan pula, kajian *Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan* oleh Mohd Nazri Abdul Rahman (2017). Kajian ini memfokuskan tentang medium pembelajaran asas literasi kepada

kanak-kanak Orang Asli di Sabah. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah soal selidik serta pengaplikasian Pendekatan Delphi Fuzzy bagi menyokong hujahan yang disampaikan oleh pengkaji. Hasil dapatan yang diperolehi melalui borang soal selidik ini, terdapatnya beberapa buah cerita yang sesuai digunakan sebagai bahan pembelajaran di sekolah mahupun di rumah. Oleh itu, pengkaji dapat mencapai persetujuan terhadap cerita rakyat yang bersesuaian digunakan sebagai modul pembelajaran asas literasi terhadap kanak-kanak di sekolah.

Lagi, kajian *Unsur Islam Cerita Rakyat Melayu Di Daerah Tumpat, Kelantan: Satu Penelitian Terhadap Prinsip Sastera Dengan Ilmu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Kajian ini memfokuskan tentang unsur Islam yang terdapat di dalam cerita rakyat yang dipilih oleh pengkaji. Pengkaji dapat mengenal pasti dan membahaskan isu tentang kurang menitikberatkan tentang unsur Islam dalam karya sastera. Hal ini kerana, unsur Islam yang disampaikan dalam karya kebanyakannya dapat memberi manfaat dalam kehidupan masyarakat masa kini lebih-lebih lagi kepada golongan muda atau kanak-kanak yang baru mahu mengenal erti kehidupan. Dalam masa yang sama kajian ini dijalankan dapat membantu dalam mengisi kelompongan kajian tentang unsur Islam dalam cerita rakyat oleh pengkaji. Kajian ini menggunakan bersifat kualitatif di mana pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan dan kajian lapangan yang mengharuskan pengkaji untuk turun ke lapangan dan membuat penyelidikan secara fizikal. Pengaplikasian teori juga digunakan di dalam kajian ini iaitu teori Takmilah. Kajian ini membataskan sebanyak lima buah cerita rakyat sahaja yang dipilih dari kawasan Tumpat. Hasil kajian yang digunakan dalam cerita rakyat yang dipilih itu semestinya terkandung unsur Islam. Oleh itu, pengkaji dapat memaparkan unsur Islam yang terkandung dalam cerita rakyat yang dipilih kepada masyarakat agar dapat menjaga ikhtilat dan akidah mereka sebagai orang Islam dan tidak mengamalkan sifat mazmumah dalam diri.

Selanjutnya, kajian *Kawalan Sosial Dalam Cerita Rakyat Melayu Di Pasir Mas, Kelantan* oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohammad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Kajian ini memfokuskan tentang kawalan sosial yang digunakan dalam cerita rakyat di Pasir Mas. Kawalan sosial ini merupakan peranan penting dalam membantu atau mendorong masyarakat dalam mengawal setiap perilaku atau perbuatan yang tidak menyakitkan atau menyindir orang lain. Dalam kajian ini, pengkaji dapat menentukan matlamat utama kajian ini iaitu mengenal pasti dan merumuskan tentang kawalan sosial yang terdapat dalam cerita rakyat di Pasir Mas. Kajian ini hanya membataskan sebanyak tiga buah cerita rakyat yang telah dicari dan dikumpulkan dari kawasan Pasir Mas. Kajian ini bersifat kualitatif di mana pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan, kajian lapangan, temu bual dan analisis kajian. Pengaplikasian teori digunakan dalam kajian ini bagi membantu pengkaji untuk menghuraikan hujah yang sah iaitu teori Takmilah. Oleh itu, pengkaji dapat memberi tahu dimana cerita rakyat tersebut sangat banyak perkara positif yang disebarkan juga boleh menjadi peranan penting sebagai alat kawalan sosial yang berguna dalam kehidupan seharian masyarakat setempat.

Selain itu, kajian *Sastera Rakyat Sebagai Medium Didaktik Kepada Golongan Desa* oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Kajian ini memfokuskan tentang medium didaktik yang digunakan dalam cerita rakyat yang dipilih oleh pengkaji. Didaktik didefinisikan sebagai mengajar lebih tepatnya medium pembelajaran. Pengkaji akan mengkaji cerita rakyat tersebut berdasarkan objektif kajian yang disediakan iaitu mengenal pasti dan menghuraikan nilai positif dalam sastera rakyat. Kajian tersebut dijalankan adalah untuk membezakan dari segi penggunaan aspek dan teori yang digunakan dalam sastera rakyat. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan temu bual. Pengaplikasian teori yang digunakan dalam kajian ini adalah teori Takmilah bagi membantu pengkaji dalam mendapatkan hujah yang mantap. Kajian ini juga

membataskan sebanyak empat buah cerita rakyat yang hanya memfokuskan di kawasan Pasir Mas, Kelantan. Hasil kajian yang diperolehi dalam penyelidikan ini adalah menelusuri nilai-nilai positif iaitu bersyukur, baik hati, rendah diri dan persahabatan. Oleh itu, pengkaji dapat menyebarkan serba sedikit nilai positif yang diperolehi melalui cerita rakyat tersebut yang boleh dijadikan medium pembelajaran yang berkhemah dalam kehidupan seharian masyarakat di desa.

Disamping itu, kajian *Nilai-Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Di Kota Bharu, Kelantan* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Kajian ini lebih memfokuskan tentang nilai-nilai murni yang diperolehi dari cerita rakyat yang dikumpul dari kawasan Kota Bharu. Pengkaji akan mengkaji cerita rakyat tersebut berdasarkan objektif kajian yang telah disediakan iaitu meneliti dan membincangkan tentang nilai-nilai murni yang terdapat dalam cerita rakyat. Kajian ini dijalankan kerana kebanyakan kajian lepas yang dijalankan hanya tertumpu kepada nilai budaya di sesuatu tempat yang menyebabkan pengkaji memilih untuk mengkaji tentang nilai murni dan dapat menutup kelompongan yang ada. Kajian ini juga membataskan sebanyak lima buah buku cerita rakyat yang terdapat di kawasan Kota Bharu. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan temu bual serta pengaplikasian teori Takmilah. Terdapat beberapa nilai murni yang dijumpai dalam cerita rakyat tersebut, antaranya belas kasihan, rendah diri, sikap pemaaf, menjaga kebersihan dan bertanggungjawab. Oleh itu, nilai-nilai murni yang dikeluarkan dari cerita rakyat tersebut dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian masyarakat masa kini agar dapat memberi kesedaran dalam jiwa mereka betapa pentingnya nilai murni dalam diri.

Seterusnya, kajian *Perwatakan Protagonis Dalam Cerita Rakyat Di Daerah Tumpat, Kelantan: Satu Penelitian Hubungan Antara Karya Dengan Khalayak* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Kajian ini memfokuskan tentang perwatakan protagonis masyarakat Melayu yang disampaikan melalui cerita rakyat. Pengkaji telah

menjalankan kajian ini dengan berdasarkan objektif kajian sebagai matlamat utama dalam kajian ini iaitu meneliti dan merumuskan perwatakan protagonis dalam cerita rakyat yang dipilih. Kajian ini membataskan empat buah cerita sahaja yang didapati dari daerah Tumpat, Kelantan. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kerja lapangan, temu bual, kepustakaan dan analisis kajian. Daripada hasil kajian yang diperolehi, pengkaji dapat mengesan beberapa perwatakan protagonis yang ditonjolkan oleh watak yang terdapat dalam cerita rakyat iaitu pemaaf, persahabatan, merendah diri dan bertanggungjawab. Oleh itu, dengan berjalannya kajian seperti ini serba sedikit dapat membantu masyarakat Melayu masa kini untuk menjadikan perwatakan tersebut sebagai satu ajaran yang baik dan patut diikuti dalam diri mereka.

Tambahan pula, kajian *Polimik Dalam Cerita Rakyat Sebagai Medium Pendidikan Moral Kepada Kanak-Kanak* oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohammad Hanafiah, Mohd Firdaus Che Yaacob, Siti Fatimah Ab Rashid & Siti Aishah Jusoh (2021). Kajian ini memfokuskan tentang unsur polimik yang disampaikan melalui cerita rakyat kepada masyarakat setempat. Terdapat banyak kajian lepas yang mengkaji tentang nilai-nilai murni yang menyebabkan pengkaji bertekad untuk mengkaji unsur polimik dalam cerita rakyat. Polimik merupakan nilai negatif yang disampaikan kepada orang ramai melalui cerita rakyat dan nilai tersebut tidak seharusnya diikuti kerana akan menjejaskan akhlak masyarakat Melayu di mata orang bukan Melayu. Pengkaji menjalankan kajian ini dengan berlandaskan objektif kajian yang telah disediakan iaitu mengenal pasti dan membahaskan tentang unsur polimik yang terkandung dalam cerita rakyat sebagai medium pendidikan moral dalam kalangan kanak-kanak. Kajian ini juga membataskan sebanyak enam buah cerita rakyat yang diperolehi dari Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan kajian teks serta pengaplikasian teori Takmilah. Daripada hasil dapatan yang diperolehi, pengkaji dapat mengesan beberapa unsur polimik iaitu

pergaduhan, pembohongan, penderhakaan, hasad dengki dan tamak. Oleh itu, dengan adanya kajian ini dapat membantu pengkaji untuk mengurangkan penggunaan unsur polimik dalam menghasilkan karya sastera yang boleh mendatangkan kemudharatan dalam diri pembaca.

Lagi, kajian *Nilai-Nilai Islam Terhadap Pembentukan Sosiobudaya Kanak-Kanak Menerusi Cerita Rakyat Melayu* oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Kajian ini memfokuskan tentang nilai-nilai Islam yang diperolehi melalui cerita rakyat yang di pilih. Terdapat kajian lepas yang mengkaji tentang nilai-nilai murni berbanding nilai-nilai Islam walhal nilai-nilai Islam ini juga sangat penting dalam membentuk insan yang berguna. Pengkaji menjalankan kajian ini berdasarkan objektif kajian yang disediakan iaitu meneliti dan menerangkan nilai-nilai Islam yang terpapar dalam cerita rakyat Melayu dalam membentuk sosiobudaya kanak-kanak. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan temu bual bagi mendapatkan sumber yang sahih. Pengaplikasian teori yang digunakan dalam kajian ini ialah teori Takmilah bagi menyokong hujahan yang menarik. Kajian ini juga membataskan empat buah cerita rakyat sahaja yang terdiri dari tajuk Asal Usul Melawi, Asal Usul Nama Kelantan, Saka Halo dan Dua Beradik. Melalui hasil dapatan kajian yang diperolehi, pengkaji dapat merungkaikan beberapa nilai-nilai Islam yang disampaikan melalui cerita rakyat tersebut antaranya merendah diri, kepercayaan kepada Allah SWT, bersyukur, pemaaf dan sebagainya. Oleh itu, dengan adanya kajian seperti ini dapat membentuk kanak-kanak kearah yang lebih baik dan positif dalam melakukan apa jua aktiviti.

Selanjutnya, kajian *Nilai Sosiobudaya Dalam Cerita Kanak-Kanak Pilihan* oleh Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Awang Azman Awang Pawi (2016). Kajian ini memfokuskan tentang nilai sosiobudaya yang diterapkan dalam diri kanak-kanak melalui cerita rakyat. Pengkaji akan mengklasifikasikan dan menganalisis nilai-nilai sosiobudaya yang terdapat dalam cerita –cerita rakyat yang di pilih. Kajian ini bersifat

kualitatif dengan menggunakan kaedah Kepustakaan, analisis teks dan temu bual. Temu bual tersebut dilakukan ke atas kanak-kanak yang berusia 9 tahun hingga 10 tahun iaitu seramai 640 orang kanak-kanak yang terdiri dari Kelantan, Melaka, Sarawak, Sabah, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam menjayakan kajian ini. Hasil dapatan yang diperolehi ialah pengkaji dapat menyenaraikan beberapa nilai sosiobudaya yang terdapat dalam cerita rakyat tersebut iaitu nilai berjasa berbakti dan kasih sayang. Oleh itu, nilai sosiobudaya sangat penting dalam kehidupan masyarakat masa kini terutama dalam golongan kanak-kanak yang perlu dipupuk sejak kecil lagi agar menjadi manusia yang berguna.

Di samping itu, kajian *Masyarakat Orang Asli Jakun di Rompin, Pahang: Kajian Terhadap Pemuliharaan Cerita Lisan* oleh Mohd Yuzaidy Mohd Yussof, Suffian Mansor, Karim Harun & Mohammad Rodzi Abd Razak (2021). Kajian ini memfokuskan tentang pemuliharaan cerita lisan yang terdapat di kawasan tersebut. Pengkaji akan menganalisis pemuliharaan cerita lisan masyarakat Orang Asli Jakun dan usaha untuk mengekalkan tradisi tersebut. Kajian ini juga dijalankan kerana terdapat isu tentang berlakunya kepupusan atau kesan negatif dalam kehidupan mereka Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan, kajian lapangan dan temu bual. Hasil dapatan yang diperolehi dalam kajian ini dapat memberikan bukti terhadap aktiviti pemuliharaan ke atas cerita lisan. Oleh itu, pengkaji dapat menganalisis aktiviti yang tidak sesuai.

Selain itu, kajian *Keberkesanan Animasi Cerita Rakyat India Terhadap Motivasi Dalam Kalangan Murid Tahun Lima Di SJK (T) Daerah Kulim* oleh Chitra Suparmaniam & Maizatul Hayati Mohamad Yatim (2020). Kajian ini memfokuskan tentang keberkesanan animasi cerita rakyat India terhadap motivasi dalam kalangan murid. Pengkaji akan menganalisis keberkesanan animasi cerita rakyat India dalam kalangan murid. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan

borang soal selidik. Pengkaji menggunakan seramai 108 orang murid yang terdiri dari tiga buah sekolah sebagai responden dalam kajian ini. Hasil dapatan yang diperolehi akan dibahagi kepada dua iaitu keputusan pemetaan dan keputusan eksperimen. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa animasi cerita rakyat sangat berkesan digunakan dalam proses penyampaian mesej atau pengajaran kepada murid-murid.

Selanjutnya, kajian *Cerita Rakyat Sebagai Media Pendidikan Ke Arah Pembentukan Karakter Pemimpin Politik* oleh Tuan Nordin Tuan Kechik (2021). Kajian ini memfokuskan tentang pembentukan karakter pemimpin Politik dalam cerita rakyat yang di pilih. Kajian ini dilakukan kerana media pendidikan pada masa kini adalah berbeza dengan media pendidikan pada masa dahulu di mana pada masa itu media pendidikan dilakukan melalui penghasilan karya sastera seperti pantun, seloka, gurindam, syair dan sebagainya. Hal ini demikian kerana, pengkaji menjalankan kajian berkaitan cerita rakyat yang boleh dijadikan media pendidikan pada masa kini yang juga dapat membentuk personaliti pemimpin Politik dalam diri masyarakat. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Pengkaji akan membahaskan keupayaan cerita rakyat dalam membentuk karakter pemimpin Politik di negara ini kerana watak dan perwatakan, latar serta jalan penceritaan yang terdapat dalam cerita tersebut amatlah sesuai dalam menggambarkan situasi atau keadaan sebenar perilaku pemimpin di negara ini. Oleh itu, pemimpin yang baik akan menghasilkan kualiti rakyat yang berguna dalam membangunkan ekonomi negara.

Seterusnya, kajian *Peristiwa Aneh Dalam Cerita Rakyat "Hikayat Nakhoda Muda": Analisis Semantik Inkuisitik* oleh Nur Ezatull Fadtehah Hedel & Mary Fatimah Subet (2020). Kajian ini memfokuskan tentang peristiwa aneh dalam cerita rakyat yang dipilih. Pengkaji akan mengaplikasikan Pendekatan Semantik Inkuisitif dalam merungkaikan peristiwa aneh dalam cerita rakyat tersebut. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan rujukan teks. Pengaplikasian teori

yang digunakan ialah pendekatan Semantik Inkuisitif dalam membantu menghuraikan analisis dengan sah dan tepat. Hasil dapatan yang diperolehi dalam kajian ini iaitu terdapat 10 peristiwa aneh seperti bertanyakan rumah yang tiada dapur, menggunakan payung di dalam hutan, mengarahkan orang tua tersebut menggendong dua bersaudara dan banyak lagi. Oleh itu, kejadian aneh tersebut dapat merungkaikan kejadian yang berlaku pada zaman tersebut kepada masyarakat masa kini.

Tambahan pula, kajian *Imej Kecendekiaan Dalam Cerita Rakyat Kanak-Kanak Malaysia* oleh Noraini Zainal Abidin, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Maizatul Akma Aziz (2019). Kajian ini memfokuskan tentang sifat-sifat yang melambangkan kecerdikan oleh watak kanak-kanak yang terdapat dalam cerita rakyat. Pengkaji akan mengenal pasti dan menganalisis imej kecendekiaan kanak-kanak dalam cerita rakyat yang di pilih. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan rujukan teks. Pengaplikasian teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Pendekatan Pengurusan. Kajian ini membataskan satu buah cerita rakyat iaitu *Koleksi Terpilih Cerita Rakyat Malaysia*. Hasil dapatan yang diperolehi dari kajian ini ialah kecendekiaan dalam konteks komunikasi, kreativiti dan tingkah laku. Oleh itu, imej kecendekiaan dalam kajian tersebut dapat didedahkan kepada golongan kanak-kanak dalam meningkatkan keyakinan dalam diri mereka.

Lagi, kajian *Animasi Cerita Rakyat Pekaka Bercerita Akim Yang Cerdik Dan Cengkih* oleh Siti Nursyakirah Saharudin, Normaliza Abd Rahim, Nik Faridah Nik Muhamad Affendi & roslina Abu Bakar (2020). Kajian ini memfokuskan tentang penggunaan medium animasi dalam cerita rakyat yang di pilih. Pengkaji akan menganalisis dan membincangkan wacana skrip cerita rakyat dalam elemen andaian. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan kajian menganalisis data. Pengaplikasian teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Wacana oleh Normaliza Abd Rahim (2019) dalam mengukuhkan hujahan yang diberikan dalam kajian ini. Cerita rakyat yang digunakan dalam rujukan utama kajian ini

ialah cerita rakyat animasi *Akim Yang Cerdik dan Cengkih*. Hasil kajian yang diperolehi dalam kajian ini ialah aspek pendapat dalam animasi cerita rakyat, aspek perujukan dalam animasi cerita rakyat dan aspek persoalan dalam animasi cerita rakyat. Oleh itu, animasi cerita rakyat yang digunakan dalam kajian ini membantu dalam meningkatkan pengetahuan dalam teknologi masa kini dalam menyebarkan mesej penting kepada masyarakat.

Di samping itu, kajian *Keberkesanan Alat Seni Visual Bagi Penerapan Sastera Rakyat Melalui Pembelajaran Bahasa Melayu* oleh Mohammad Farris Salleh & Shaikha Aiman Zakaria (2014). Kajian ini memfokuskan tentang nilai-nilai pengejaran yang terdapat dalam sastera rakyat melalui pembelajaran Bahasa Melayu. Kajian ini juga bertujuan untuk mengapresiasi karya-karya agung yang terdapat di negara ini dalam kehidupan seharian masyarakat. Pengkaji akan mengenal pasti dan menganalisis karya-karya yang mempunyai penekanan terhadap teori Formalisme. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Pengaplikasian teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Formalisme dalam mengukuhkan pendapat bagi hujahan yang diberikan oleh pengkaji. Hasil dapatan yang diperolehi dalam kajian ini ialah terdapat beberapa kesan positif yang ditunjukkan dalam sastera rakyat tersebut dalam pembelajaran pelajar. Oleh itu, dalam pembelajaran yang dilaksanakan sangat memerlukan Bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam komunikasi kerana ia dapat difahami oleh seluruh rakyat.

Selain itu, kajian *Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat Di Malaysia* oleh Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak & Siti Ezaleila Mustafa (2019). Kajian ini memfokuskan tentang perkembangan teknologi canggih dalam menyebarkan cerita rakyat dengan lebih mudah dan cepat. Pengkaji akan menyelidik judul cerita rakyat yang diterbitkan dalam bentuk media tersebut dan menganalisis format yang digunakan oleh penerbit tempatan. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan rujukan teks. Hasil dapatan yang diperolehi dalam kajian ini

ialah Teknik penyebaran cerita rakyat di Malaysia belah selari dengan peredaran zaman yang berlaku pada masa kini iaitu jumlah dan bentuk penerbitan digital cerita rakyat, judul digital dan format digital. Oleh itu, proses transformasi yang berlaku terhadap cerita rakyat tersebut dapat ditingkatkan bagi memastikan cerita rakyat tersebut dapat dijadikan khazanah negara pada masa akan datang.

Seterusnya, kajian *Cerita Rakyat Sebagai Medium Pendidikan Kepada Kanak-Kanak* oleh Liliy Salwani Bt Razali (2011). Kajian ini memfokuskan tentang medium pendidikan yang digunakan dalam melihat tanggapan kanak-kanak terhadap unsur pendidikan. Pengkaji akan mengenal pasti unsur pendidikan yang terdapat dalam cerita rakyat dan menghuraikan persepsi kanak-kanak terhadap unsur pendidikan. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan, kajian lapangan dan borang soal selidik. Pengaplikasian teori yang digunakan ialah Teori Resepsi bagi membantu pengkaji untuk mendapatkan hujah yang tepat. Hasil dapatan yang diperolehi dalam kajian ini ialah terdapat beberapa unsur pendidikan yang diperolehi seperti perubahan dalam hidup, aspek ekonomi dan pembentukan moral yang baik. Oleh itu, unsur pendidikan tersebut dapat diguna pakai pada masa kini bagi meningkatkan pembentukan akhlak yang baik dalam kalangan mereka.

Selanjutnya, kajian *Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Cerita Rakyat Di Kota Bharu, Kelantan Terhadap Pembentukan Jati Diri Kanak-Kanak: Satu Penelitian Pendekatan Kemasyarakatan* oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Kajian ini memfokuskan tentang nilai-nilai kemanusiaan yang terdapat dalam cerita rakyat yang di pilih. Pengkaji akan mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai kemanusiaan dalam cerita rakyat yang di pilih. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan rujukan teks. Pengaplikasian teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Pengkaedahan Melayu yang memfokuskan pada Pendekatan Kemasyarakatan dalam membantu pengkaji untuk mendapatkan hujahan yang sahih dan tepat serta mencapai objektif

kajian tersebut. Hasil dapatan dalam kajian ini ialah terdapatnya nilai-nilai kemanusiaan yang mampu membentuk sahsiah diri kanak-kanak dalam memupuk diri mereka menjadi seorang yang bertanggungjawab dalam memartabatkan cerita rakyat. Oleh itu, nilai-nilai kemanusiaan tersebut dapat meningkatkan kefahaman terhadap karya sastera.

Tambahan pula, kajian *Pendidikan Moral Dalam Cerita Rakyat Terhadap Kanak-Kanak: Satu Penelitian Falsafah Pendidikan Kebangsaan* oleh Tuan Siti Nurul Suhada Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Kajian ini memfokuskan tentang Pendidikan Moral yang terdapat dalam cerita rakyat yang di pilih. Pengkaji akan mengenal pasti dan membincangkan tentang Pendidikan Moral yang terdapat dalam cerita rakyat. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan rujukan teks. Pengaplikasian teori yang digunakan ialah Penelitian Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Hasil dapatan yang diperolehi dalam kajian ini ialah terdapatnya lambing pembentukan jati diri terhadap sifat keperibadian kanak-kanak. Oleh itu, Pendidikan moral juga sangat sesuai digunakan dalam kehidupan seharian tidak mengira bangsa, usia, pangkat dan sebagainya.

Di samping itu, kajian *Simbiosis Alam Dalam Sastera Rakyat Melayu Dari Perspektif Kritikan Eko* oleh Rohaya Md Ali (2022). Kajian ini memfokuskan tentang unsur alam dan manusia yang digunakan dalam sastera rakyat. Manusia dan alam mempunyai hubung kait yang penting dalam alam sekitar demi melengkap antara satu sama lain. Pengkaji akan meneliti secara kritis berkaitan dengan hubungan antara manusia dan alam. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Pengaplikasian teori yang digunakan dalam kajian ini ialah menggunakan Pendekatan Kritikan Eko bagi memastikan kaitan antara dua unsur tersebut dapat dikaitrapatkan dalam kehidupan seharian masyarakat. Hasil dapatan yang diperolehi dalam kajian ini ialah dapat memperlihatkan hubungan erat antara

manusia dan alam. Oleh itu, unsur alam sangat penting dalam kehidupan seharian masyarakat dalam memenuhi keperluan mereka.

Selain itu, kajian *Nilai-Nilai Murni Dalam Cerita Lagenda Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Kajian ini memfokuskan tentang kewujudan nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita rakyat lagenda di kawasan yang di pilih. Pengkaji akan mengungkap dan menghuraikan kewujudan nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita rakyat lagenda tersebut. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan kerja lapangan serta melibatkan rakaman audio dan video. Kawasan yang digunakan dalam kajian ini ialah di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Pengaplikasian teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Falsafah Pendidikan Kebangsaan dengan memfokuskan konsep rohani. Hasil dapatan yang diperolehi dalam kajian ini seperti nilai baik hati iaitu pemurah, bertimbang rasa, memahami, ramah mesra, menghormati orang tua dan manusia sayangkan nyawa. Oleh itu, nilai baik hati yang terdapat dalam kajian tersebut serba sedikit dapat memperlihatkan kebaikan perilaku atau perbuatan yang dilakukan oleh masyarakat setempat.

Seterusnya, kajian *Cerita Rakyat Bawang Putih Bawang Merah Versi Malaysia & Indonesia: Perbandingan Latar Budaya* oleh Muhammad Irfan Waquiuddin Hasanudin, Mohd Affiq Azlizan & Muhd Norizam Jamian (2021). Kajian ini memfokuskan tentang latar belakang budaya masyarakat yang terdapat dalam cerita rakyat tersebut. Pengkaji akan menganalisis dan membuat perbandingan latar budaya dari kedua-dua versi cerita rakyat tersebut. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan rujukan teks. Hasil dapatan yang diperolehi dari kajian ini ialah terdapatnya unsur budaya menerusi aspek agama, ekonomi, kepercayaan dan bahasa. Oleh itu, terdapat perbezaan antara kedua-dua versi yang menimbulkan keunggulan cerita rakyat itu sendiri.

Di samping itu, kajian *Kesan Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Penelitian Teori Konseptual Kata Kunci* oleh Mohd Fahmi Ismail & Mohd Firdaus Che Yaacob (2018). Kajian ini memfokuskan tentang kesan yang akan berlaku kepada masyarakat orang asli berkaitan dengan cerita rakyat. Walaupun orang asli berada di kawasan pedalaman yang serba kekurangan tetapi mereka kaya dengan cerita rakyat yang masih digunakan sehingga hari ini. Pengkaji akan meneliti dan menganalisis kesan yang berlaku terhadap cerita rakyat di kawasan tersebut. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan kerja lapangan. Pengaplikasian teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Konseptual Kata Kunci bagi memudahkan pengkaji untuk menghuraikan hujahan berkaitan dengan hubungkait teori dengan isi. Hasil dapatan yang diperolehi dalam kajian ini ialah kesan yang tersirat yang dapat mempengaruhi kehidupan seharian mereka. Oleh itu, cerita rakyat yang berasal dari kawasan tersebut perlu dikekalkan dan dipelihara dalam mengukuhkan kemartabatan khazanah yang diwarisi oleh nenek moyang.

Tambahan pula, kajian *Nilai Budaya Dalam Cerita Rakyat Masyarakat Melayu Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Pengaplikasian Sastera Warisan* oleh Mohd Fahmi Ismail & Mohd Firdaus Che Yaacob (2018). Kajian ini memfokuskan tentang nilai budaya yang terkandung dalam cerita rakyat yang di pilih. Kajian ini dijalankan kerana berlakunya kelompongan kajian berkaitan dengan nilai budaya dimana kajian lepas kebanyakannya mengkaji tentang nilai-nilai murni. Pengkaji akan mengenal pasti dan merungkaikan nilai-nilai budaya yang terdapat dalam cerita rakyat tersebut. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan kerja lapangan. Pengaplikasian teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Sastera Warisan bagi memperolehi hujahan yang relevan dan tepat. Hasil dapatan yang diperolehi dalam kajian ini ialah berkaitan dengan bukti terhadap nilai budaya yang terdapat dalam cerita rakyat yang wujud di kawasan masyarakat Melayu Orang

Asli Temiar. Oleh itu, nilai budaya yang diperolehi dalam kajian ini perlu dikekalkan dan dipelihara di kehidupan nyata masyarakat setempat di kawasan tersebut agar dapat digunakan oleh masyarakat akan datang.

Lagi, kajian *Penerapan Konsep Menjana Minda Melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan Terhadap Masyarakat Melayu Dalam Cerita Rakyat Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2018). Kajian ini memfokuskan tentang hak milik mutlak masyarakat Melayu berkaitan dengan cerita rakyat. Pengkaji akan mengetahui dan menganalisis nilai murni yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Pengaplikasian pendekatan yang digunakan dalam kajian ini ialah Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Hasil dapatan yang diperolehi dalam kajian ini ialah nilai rasional dan nilai kerajinan. Oleh itu, nilai tersebut serba sedikit dapat membantu dalam meningkatkan martabat cerita rakyat dalam jiwa masyarakat masa kini.

Selain itu, *Cerminan Moral Positif Dalam Cerita-Cerita Rakyat Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2017). Kajian ini akan memfokuskan tentang nilai moral positif yang dikeluarkan melalui cerita rakyat. Pengkaji akan meneliti dan merumuskan cerminan moral yang dapat di lihat melalui cerita rakyat Melayu. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan rujukan teks. Rujukan teks merupakan rujukan utama dalam kajian ini dengan menggunakan sebuah buku yang bertajuk *Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia* dengan membataskan sebanyak lima buah cerita rakyat sahaja iaitu *Seuncang Padi*, *Padi Berbuah Emas*, *Raja Kuyuk*, *Awang Yang Lurus dan Penjual Api Yang Lurus*. Pengaplikasian teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Pengkaedahan Melayu yang memfokuskan pada Pendekatan Dakwah. Hasil dapatan yang diperolehi dalam kajian ini ialah terdapatnya cerminan moral positif masyarakat Melayu seperti nilai kejujuran. Oleh itu, dengan adanya cerminan moral positif tersebut dapat membantu meningkatkan kepercayaan masyarakat sekitar tentang mesej yang disampaikan melalui lisan mahupun penulisan.

Seterusnya, kajian *Penggunaan Multimedia Ke Arah Memartabatkan Cerita Rakyat Masyarakat Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017). Kajian ini memfokuskan tentang perubahan teknologi dalam menyebarkan cerita rakyat mengikut perubahan zaman. Pengkaji akan mengkaji tentang budaya akal budi dan pemikiran masyarakat Melayu serta penggunaan multimedia dalam memartabatkan cerita rakyat mengikut perubahan zaman. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah pengumpulan data dan menganalisis data. Pengkaji juga ada membuat pemilihan beberapa buah buku dalam membantu menjayakan kajian ini iaitu *Air Menitik di Atas Batu*, *Puteri Tuk Batin Johol*, *Padi Menjadi Emas* dan banyak lagi. Budaya pemikiran yang terdapat dalam kajian ini telah diubah dari bentuk lisan kepada bentuk multimedia yang lebih mudah menarik minat masyarakat untuk menontonnya. Oleh itu, budaya pemikiran dalam cerita rakyat sangat penting dalam membantu meningkatkan kepentingan cerita rakyat dalam kehidupan masyarakat setempat.

Di samping itu, kajian *Penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Melalui Cerita-Cerita Rakyat Melayu: Kajian Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia Yang Diselenggara oleh Aripin Said & Othman Puteh* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017). Kajian ini memfokuskan tentang nilai-nilai murni yang terdapat dalam cerita rakyat. Pengkaji akan meneliti, membincangkan dan menghuraikan kandungan teks cerita rakyat yang memaparkan nilai-nilai murni dalam cerita rakyat. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan rujukan teks. Pengaplikasian pendekatan yang digunakan dalam kajian ini ialah Pendekatan Falsafah Pendidikan Kebangsaan menerusi konsep intelek, emosi dan rohani. Hasil dapatan yang diperolehi dalam kajian ini ialah berkaitan dengan nilai-nilai murni seperti kebebasan, hemah tinggi, hormat-menghormati dan banyak lagi. Oleh itu, pengaplikasian pendekatan dalam kajian ini sangat sesuai digunakan dalam menghuraikan hujahan yang tepat.

Selanjutnya, kajian *Nilai-Nilai Moral Dalam Cerita-Cerita Rakyat Kaum Bidayuh*, *Serian* oleh Fifi Anak Rinyuk (2017). Kajian ini memfokuskan tentang nilai-nilai moral yang terdapat dalam cerita rakyat kaum Bidayuh. Pengkaji akan mengklafikasikan, menghuraikan dan menghubungkan nilai-nilai moral yang terdapat dalam cerita rakyat tersebut. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan, kerja lapangan dan rujukan teks. Pengaplikasian teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Pengkaedahan Melayu yang memfokuskan pada Pendekatan Moral di bawah Pengkaedahan Alamiah. Hasil dapatan yang diperolehi dalam kajian ini ialah terdapatnya nilai-nilai moral yang sesuai digunakan dalam menjalankan kehidupan seharian masyarakat Kaum Bidayuh. Oleh itu, pengaplikasian yang diterapkan dalam kajian ini sangat sesuai dengan analisis kajian yang diperolehi dan menepati objektif kajian tersebut.

Tambahan pula, kajian *Nilai Pendidikan Dalam Tangon-Tangon Masyarakat Kadazandusun* oleh Florina Jumil & Norjieta Julita Taisin (2017). Kajian ini memfokuskan tentang nilai-nilai pendidikan yang terdapat dalam cerita rakyat masyarakat Kadazandusun. Pengkaji akan mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai Pendidikan yang terdapat dalam cerita rakyat Kadazandusun. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Pengaplikasian teori yang digunakan dalam kajian ini ialah teori Pendekatan Moral dan teori Formalistik bagi membantu pengkaji untuk mendapatkan hujahan yang kukuh. Batasan yang digunakan adalah sebanyak lapan buah cerita rakyat dalam teks *Himpunan Cerita Kadazandusun*. Hasil dapatan yang diperolehi dalam kajian ini ialah nilai pendidikan yang dapat membentuk perwatakan masyarakat Kadazandusun terutama golongan kanak-kanak. Oleh itu, cerita rakyat tersebut dapat memperlihatkan kehidupan masyarakat Kadazandusun dalam menjalani kehidupan seharian mereka.

Lagi, kajian *Tangon Dusun Liwan: Satu Analisis Tema* oleh Clarice Gallus & Low Kok On (2016). Kajian ini memfokuskan tentang aspek tema yang diperlihatkan

dalam cerita rakyat tersebut. Pengkaji akan membincangkan tentang aspek tema yang terdapat dalam cerita rakyat di kawasan tersebut. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan, temu bual dan rujukan teks. Pengkaji membuat temu bual bersama penduduk di Kawasan Dusun Liwan, Sabah serta mengumpulkan beberapa buah cerita rakyat bagi membantu pengkaji untuk mendapatkan data yang lebih tepat. Hasil dapatan yang diperolehi dalam kajian ini ialah terdapat 11 tema yang dipaparkan dalam cerita rakyat yang diperolehi dari pencarian di kawasan tersebut seperti penipuan, asal usul, sakti dan banyak lagi. Oleh itu, cerita rakyat yang diperolehi dari kawasan tersebut mempunyai tema yang berbeza dan tersendiri berbanding kawasan lain serta dapat memberi pengajaran yang baik kepada masyarakat setempat.

Selain itu, kajian *Nilai-Nilai Murni Dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015). Kajian ini memfokuskan tentang nilai-nilai murni yang terdapat dalam cerita rakyat yang di pilih. Pengkaji akan mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni yang terdapat dalam cerita rakyat tersebut. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan rujukan teks. Rujukan teks merupakan rujukan utama dalam kajian ini dengan menggunakan teks *Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* yang membataskan sebanyak lima puluh dua buah cerita rakyat serta penemuan enam belas nilai murni yang terdapat dalam cerita rakyat tersebut. Pengaplikasian teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi membantu pengkaji untuk mendapatkan hujah yang lebih tepat dan sahih. Hasil dapatan yang diperolehi dalam kajian ini ialah dengan mengaplikasikan konsep rohani, emosi, jasmani dan menjana minda. Oleh itu, nilai-nilai tersebut dapat memperlihatkan perilaku atau perwatakan masyarakat dalam cerita rakyat tersebut yang memaparkan kehebatan yang dimiliki oleh masyarakat tersebut.

Akhir sekali, kajian *Konflik Dalam Cerita Rakyat Dan Kesannya Kepada Kanak-Kanak* oleh Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2017). Kajian ini memfokuskan tentang konflik yang berlaku terhadap cerita rakyat dan kesan kepada kanak-kanak. Pengkaji akan mengenal pasti dan menganalisis konflik yang berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan rujukan teks. Hasil dapatan yang diperolehi dalam kajian ini ialah berkaitan dengan konflik iaitu konflik diri seorang individu, konflik diri ibu bapa dengan anak (konflik kekeluargaan) dan konflik individu dengan masyarakat. Oleh itu, konflik yang berlaku sama ada dalam diri individu, keluarga atau masyarakat perlu di cegah dengan lebih awal agar tidak berlarutan dan membimbangkan masyarakat sekeliling dengan masalah yang dihadapi oleh mereka yang terlibat.

2.3 PENGKAJIAN TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU DALAM KARYA-KARYA SASTERA

Kajian *Penerapan Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Satu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang Dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2016). Kajian ini lebih memfokuskan terhadap aspek pengalaman hidup, budaya, sejarah dan lain-lain. Kajian ini mengkaji nilai-nilai murni yang diperolehi dalam teks tersebut terutama nilai kasih sayang dan nilai keadilan. Selain itu, kajian ini bersifat kualitatif yang menggunakan kaedah pembacaan bagi membuat metodologi kajian. Pengkaji menggunakan buku Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia sebagai rujukan utama dalam kajian ini. Pengkaji menggunakan pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu dalam membantu mendapatkan bukti yang kukuh. Oleh itu, dengan adanya kajian ini, masyarakat Melayu dapat mengamalkan nilai-nilai tersebut dan menerapkan nilai-nilai tersebut dalam menjalani kehidupan seharian mereka dengan penuh kasih sayang dan adil.

Selain itu, kajian *Citra Masyarakat Dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Nur Samsiah Mazlan, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2021). Kajian ini memfokuskan tentang citra masyarakat Melayu yang membawa makna dalam gambaran yang ditonjolkan oleh masyarakat setempat. Oleh itu, pengkaji melaksanakan kajian ini untuk merungkai paparan gambaran masyarakat menerusi teks naratif lisan. Batasan kajian ini menggunakan satu buku yang bertajuk *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia* dengan menghadkan kepada 10 buah cerita rakyat. Kajian ini sepenuhnya berbentuk kualitatif yang merangkumi kaedah kepustakaan dan teks. Pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu digunakan agar huraian analisis adalah mantap. Dapatan hasil analisis memperlihatkan gambaran masyarakat yang mengamalkan kepercayaan kepada tuhan, bekerjasama dan kasih sayang. Sehubungan itu, cerita rakyat ini penting untuk ditelusuri dan dihayati kerana

ia memaparkan gambaran masyarakat Melayu yang mengamalkan perilaku yang murni.

Disamping itu, kajian *Akal Budi Dalam Cerita Rakyat Di Tumpat, Kelantan: Satu Penelitian Terhadap Pengkaedahan Alamiah* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Kajian ini memfokuskan tentang akal budi yang terdapat dalam cerita rakyat. Akal budi merupakan keupayaan berfikir melalui otak yang berfungsi seiring dengan ilmu yang diperolehi. Oleh disebabkan terdapatnya kelompongan terhadap kajian konteks akal budi ini mengakibatkan pengkaji menjalankan kajian berkaitan konteks tersebut. Pengkaji akan mengenal pasti akal budi dalam cerita rakyat. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan kajian lapangan. Pengaplikasian teori yang digunakan ialah Pendekatan Alamiah di bawah teori Pengkaedahan Melayu. Hasil dapatan yang diperolehi oleh pengkaji ialah penemuan aspek akal budi dalam cerita rakyat yang di pilih seperti sabar, toleransi, mengawal hawa nafsu dan banyak lagi. Batasan yang digunakan hanya empat buah cerita rakyat yang dikumpul dari kawasan daerah Tumpat. Oleh itu, pengkaji mempamerkan konteks akal budi yang terkandung dalam cerita rakyat tersebut yang boleh dijadikan contoh yang baik kepada masyarakat Melayu masa kini.

Seterusnya, kajian *Novel Arus Benua: Perspektif Pengkaedahan Melayu* oleh Sara Beden & Ratna Wismawati Muhibah Yahya Sawek (2022). Kajian ini memfokuskan tentang mesej keagamaan yang terdapat di dalam novel yang dipilih iaitu Novel Arus Benua karya Noor Ariff Yusoff. Karya tersebut terhasil daripada teretusnya gabungan daya rasa, kepekaan dan keprihatinan terhadap sesuatu perkara atau isu yang dialami oleh masyarakat setempat. Sastera tidak tertumpu kepada ilmu yang berseni atau kreatif malahan ia merangkumi segala aktiviti atau perilaku manusia sama ada dari sudut positif mahupun negatif. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis mesej keagamaan yang disampaikan di dalam novel tersebut dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu yang

digagaskan oleh Hashim Awang. Teori tersebut mempunyai 6 pendekatan iaitu pendekatan firasat, pendekatan gunaan, pendekatan moral, pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni. Keenam-enam pendekatan tersebut diaplikasikan di dalam penyelidikan ini bagi mendapatkan bukti yang kukuh. Kajian ini bersifat kualitatif dengan memberikan fokus terhadap analisis teks iaitu penelitian aspek tekstual dan kontekstual teks. Oleh itu, dengan adanya kajian ini, pengkaji dapat mengetahui dan mengeluarkan mesej keagamaan yang disampaikan oleh pengarang agar dapat melatih masyarakat agar sentiasa mentaati perintah Allah SWT. Teori pengkaedahan melayu yang diaplikasikan di dalam kajian ini membantu pengkaji untuk mewujudkan unsur-unsur keislaman dan nilai-nilai murni dalam penciptaan karya sastera.

Selanjutnya, kajian *Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud (2017). Kajian ini memfokuskan tentang jati diri masyarakat melayu melalui hasil karya sastera bagi meningkatkan mutu sastera ke arah yang lebih baik. Karya tersebut mempunyai elemen penting dalam membantu mempertahankan khazanah bangsa dalam kehidupan seharian masyarakat Melayu. Kajian ini juga dapat memahami jati diri yang mantap akan mengandungi ketatasusilaan, kebijaksanaan dan pekerti Bahasa Melayu yang diwarisi sejak zaman nenek moyang. Penggunaan Teori Pengkaedahan Melayu di dalam kajian ini dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan bukti yang kukuh dan sahih dalam menghadapi unsur polemic atau cabaran yang dihadapi sesuatu bangsa. Teori Pengkaedahan melayu digagaskan oleh hashim Awang pada tahun 1989 bagi memudahkan pengkaji tempatan untuk mengaplikasikan teori tersebut di dalam kajian. Oleh itu, dengan adanya kajian ini, pengkaji dapat mengenal pasti jati diri dalam aspek Bahasa, budaya dan agama. Sejurus itu, dapat memberikan manfaat penting dalam mempelajari ajaran dan etika Islam.

Selain itu, kajian *Unsur Mitos Dalam Teks Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Nurul Afiah Zulkefli (2023). Kajian ini dilaksanakan bertujuan mengkaji lebih lanjut mengenai unsur terhadap teks Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan sekaligus menambah kajian berkaitan unsur mitos. Objektif kajian yang digunakan adalah mengenal pasti unsur mitos yang terdapat dalam teks Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan dan menganalisis unsur mitos yang terkandung dalam teks Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaji menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989) dan pendekatan kualitatif dengan kaedah perpustakaan. Oleh itu, pengkaji menyimpulkan bahawa kajian ini menggunakan cerita-cerita rakyat yang membawa nilai-nilai positif kepada diri dan masyarakat.

Tambahan pula, kajian *Pantun Peribahasa Melayu Analisis Daripada Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Johari Bin Yahya (2015). Kajian ini memfokuskan tentang pantun peribahasa yang di analisis daripada perspektif teori Pengkaedahan Melayu. Terdapat beberapa aspek dalam pantun tersebut seperti nasihat, sindiran, gurauan dan banyak lagi. Keindahan dalam pantun juga perlu dijadikan contoh dalam sesuatu perbualan agar tidak menyinggung perasaan orang lain. Pengkaji akan mengenal pasti, menganalisis dan membincangkan tentang kemahiran dan nilai-nilai murni peribahasa Melayu yang terdapat dalam teks yang di pilih. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Pengaplikasian teori yang digunakan dalam kajian ini ialah teori Pengkaedahan Melayu menerusi Pendekatan Gunaan dan Pendekatan Moral dalam menyokong hujahan yang disampaikan melampirkan bukti yang diperolehi dalam kajian ini. Oleh itu, pengkaji dapat memberi kesedaran dalam diri masyarakat tentang kepentingan peribahasa Melayu dalam kehidupan seharian mereka agar dapat dijadikan teladan dalam hidup.

Lagi, kajian *Pemikiran Marzuki Ali Dalam 'Khazanah Segala Rimbun' Dari Aspek Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Noor Hazwany haji Arifin & Noryamisma Ismial (2014). Kajian ini memfokuskan tentang puisi yang menghargai alam semula jadi seperti flora dan fauna dalam teks yang di pilih. Pengkaji akan mengenal pasti dan menganalisis pemikiran dalam *Khazanah Segala Rimbun* karya Marzuki Ali dari aspek Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan kajian teks. Kajian ini menggunakan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu sebagai aspek utama dalam kajian ini untuk mengkaji puisi yang di pilih dalam teks tersebut. Hasil dapatan yang diperolehi melalui pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu ialah keakraban dengan alam, pengalaman, pendidikan moral, dakwah, alat pendedahan dan sebagainya. Oleh itu, dengan adanya teori yang diaplikasikan dalam kajian ini membantu pengkaji untuk menghuraikan beberapa kepentingan puisi dalam kehidupan seharian masyarakat dalam mengetahui pengajaran dalam kajian tersebut.

Di samping itu, kajian *Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu Oleh Osman Ayob Melalui Dakwah Islamiah* oleh Hadijah Johari, Nor Shahida Mohd Shaker & Farra Humairah Mohd (2020). Kajian ini memfokuskan tentang elemen dakwah Islamiah dalam kumpulan cerpen yang di pilih oleh pengkaji. Kajian ini dijalankan kerana terdapat kelompongan kajian tentang dakwah Islamiah yang mengakibatkan pengkaji menjalankan kajian ini. Cerpen yang digunakan adalah Kumpulan Cerpen Melamar Rindu oleh Osman Ayob yang mempunyai 18 buah cerpen didalamnya. Cerpen tersebut adalah memaparkan tentang pertemuan dan perpisahan, kasih sayang, kerinduan dan banyak lagi. Kisah yang diceritakan di dalam cerpen tersebut dicpta melalui pengalaman hidup yang dilalui oleh pengarang dan disampaikan dalam bentuk cerpen. Pengkaji akan mengenal pasti, menganalisis dan menilai sejauh mana kumpulan cerpen tersebut menggunakan elemen dakwah Islamiah. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah

keputusan dan rujukan teks. Kajian ini menggunakan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu menerusi Pendekatan Keagamaan sebagai aspek utama dalam kajian ini untuk mendapatkan hujahan yang sahih. Hasil dapatan yang diperolehi ialah manusia dengan agama, perbezaan pandangan agama kaum muda – kaum tua dan manusia dengan kepercayaan kurafat. Oleh itu, pengkaji dapat menggunakan teori tersebut dalam menyeluarkan isi-isi tersurat yang terdapat dalam kajian tersebut yang boleh dijadikan teladan yang baik dalam kehidupan masyarakat setempat.

Selain itu, kajian *Manifesto Budaya Peradaban Melayu Dalam Novel Kasyaf Ain: Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Norazilah Buhari, Nor Azili Hassan, Nik Norazira Abd Aziz & Mohd Syuja Saedin (2022). Kajian ini memfokuskan tentang budaya peradaban Melayu dalam novel yang di pilih. Pengkaji akan mengenal pasti budaya peradaban dalam sesebuah masyarakat dan melihat faktor persekitaran terhadap kepercayaan dan nilai-nilai tradisi yang terdapat dalam karya yang di pilih. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kajian ini menggunakan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu menerusi Pendekatan Alamiah bagi mendapatkan sokongan hujah yang mantap dan tepat. Hasil dapatan yang diperolehi ialah alam dari aspek perubahan, pengajaran watak dan perwatakan, nilai-nilai kemasyarakatan, seni bahasa dan dakwah dan banyak lagi. Oleh itu, pengkaji dapat mengeluarkan semua pendekatan di bawah Pendekatan Alamiah dalam menghuraikan hujah bagi menyokong analisis yang disampaikan dalam kajian ini.

Selanjutnya, kajian *Terapan Pendekatan Dakwah Dalam Lirik-Lirik Lagu Dendangan Maher Zain* oleh Nurul Natasya Harun, Mohamad Zuber Ismail & Arina Johari (2021). Kajian ini memfokuskan tentang Pendekatan Dakwah yang digunakan dalam meneliti lirik-lirik lagu yang di pilih. Pengkaji akan mengenal pasti unsur-unsur dakwah yang terdapat dalam lirik-lirik lagu dan menganalisis pendekatan dakwah dalam lirik-lirik lagu yang di pilih. Lirik-lirik lagu yang di pilih adalah mempunyai unsur-

unsur keislaman yang dapat memberikan impak yang positif kepada pendengar. Batasan yang digunakan hanya dua buah lagu sahaja iaitu Insyallah dan Open Your Eyes dendangan oleh Maher Zain. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kajian ini menggunakan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu menerusi Pendekatan Keagamaan iaitu lebih memfokuskan kepada Pendekatan Dakwah. Hasil dapatan yang diperolehi adalah Allah sentiasa bersama hamba-Nya, percaya akan pertolongan Allah, tidak berputus asa dalam berdoa, sentiasa memohon hidayah daripada Allah dan banyak lagi. Oleh itu, pengkaji dapat mempamerkan mesej-mesej positif yang disampaikan melalui lirik-lirik lagu tersebut yang memberikan kesan positif dalam hidup masyarakat setempat.

Lagi, kajian *Novel-Novel Faisal Tehrani: Kajian Intertekstual Dan Dakwah* oleh Wan Zaliha Binti Wan Othman (2021). Kajian ini memfokuskan tentang penggunaan Teori Intertekstual dan Dakwah dalam penghasilan karya sastera. Pengkaji akan merujuk, mengkaji dan menyelidik sumber-sumber dakwah dalam menghasilkan sesebuah novel yang dipilih oleh pengkaji. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan, temu bual dan analisis kajian. Kajian ini menggunakan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu menerusi Pendekatan Keagamaan yang memfokuskan pada Pendekatan dakwah. Batasan yang digunakan hanya lima buah novel sahaja iaitu *Tuhan Manusia*, *Manikam Kalbu*, *Sasatul Ibaad*, *1515,1511* dan *Ta'ziyah Karbala*. Hasil dapatan yang diperolehi adalah kedua-dua teori yang diaplikasikan dalam kajian ini sangat sesuai digunakan dalam penghasilan karya novel tersebut. Oleh itu, pengkaji dapat memberikan hujahan yang mantap dalam pengaplikasian teori tersebut dalam menghasilkan sesebuah karya sastera.

Selain itu, kajian *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2015). Kajian ini memfokuskan tentang nilai baik hati yang terdapat dalam cerita rakyat yang di pilih. Pengkaji akan mengenal pasti

dan menganalisis nilai baik hati menerusi cerita rakyat Melayu khususnya dalam masyarakat Melayu. Baik hati merupakan salah satu perilaku atau perbuatan yang dilakukan oleh seseorang terhadap seseorang yang lain yang boleh dicontohi atau diikuti oleh masyarakat Melayu. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kajian ini menggunakan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu dalam mengukuhkan bukti dan hujahan yang disampaikan dalam kajian ini. Hasil dapatan yang diperolehi dari penelitian cerita rakyat tersebut melalui nilai baik hati ialah melalui belas kasihan, pemurah, bertimbang rasa dan memaafkan. Oleh itu, pengkaji dapat menggunakan teori tersebut dalam meneliti dan mengenal pasti nilai baik hati yang disampaikan melalui cerita rakyat dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu dengan baik.

Tambahan pula, kajian *Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Menjaras Ribut Menerusi Pendekatan Dakwah* oleh Jumali Hj. Selamat. (2009). Kajian ini memfokuskan tentang persoalan yang berkaitan dengan penonjolan kebesaran Allah dan Islam. Pengkaji akan mengenal pasti persoalan yang timbul dalam kajian ini dan menganalisis Pendekatan Dakwah yang digunakan dalam kajian ini. Karya yang digunakan dalam kajian ini ialah Menjaras Ribut yang merupakan karya remaja yang dapat dilihat melalui kehidupan manusia dalam konteks social serta ketakwaan mereka kepada Allah SWT. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kajian ini menggunakan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu dengan menelusuri Pendekatan Keagamaan yang memfokuskan pada Pendekatan Dakwah. Hasil dapatan yang diperolehi adalah kebebasan beragama, penerapan nilai Islam, dakwah Islamiah dan kebenaran Islam. Oleh itu, pendekatan yang diperolehi dari kajian tersebut dapat ditelusuri dalam kehidupan masyarakat Melayu masa kini.

Seterusnya, kajian *Pendidikan Anak-Anak Menerusi Surah Luqman Dalam Novel Ayahanda* oleh Nadia Binti Ishak & Kamariah Binti Kamaruddin (2019). Kajian ini

memfokuskan tentang pendidikan anak-anak dalam novel yang di pilih. Pengkaji akan menganalisis terhadap pendidikan anak-anak menerusi Surah Luqman dalam memperlihatkan pendidikan yang berasaskan Al-Quran dalam mendidik dan membimbing anak-anak tersebut. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kajian ini menggunakan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu dengan menelusuri Pendekatan Keagamaan yang memfokuskan pada Pendekatan Kemasyarakatan. Hasil dapatan yang diperolehi adalah berbakti kepada kedua ibu bapa, menjaga sekecil-kecil perlakuan dan perbuatan, melaksanakan solat, amar makruf nahi mungkar dan sabar dan bersederhana dalam perlakuan. Oleh itu, pengkaji dapat mendekati diri masyarakat dalam mendalami ilmu agama menerusi karya Ayahanda yang perlu diamalkan dalam kehidupan seharian mereka.

Selanjutnya, kajian *Aspek Dakwah Dalam Novel Suriati Berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Nadia Binti Ishak & Kamariah Binti Kamaruddin (2019). Kajian ini memfokuskan tentang kekuatan dan keberkesanan dakwah yang mencorakkan kehidupan manusia. Pengkaji akan mengenal pasti pergolakan yang berlaku dalam novel tersebut dan menganalisis konflik kekeluargaan yang mengangkat tema keagamaan. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kajian ini menggunakan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu dengan menelusuri Pendekatan Keagamaan yang memfokuskan pada Pendekatan Dakwah. Hasil dapatan yang diperolehi adalah dakwah bulan induksi psikologi, dakwah penyatuan masyarakat, dakwah memerlukan rasional dan dakwah bukan paksaan. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa kajian yang dijalankan memerlukan dakwah yang baik dan mantap dalam menarik daya tarikan terhadap agama Islam dan boleh dijadikan alat untuk menyebarkan ilmu agama kepada masyarakat dengan lebih meluas.

Lagi, kajian *Fenomena Sosial Dalam Teks Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Muhamad Firdaus Bin Kamaruzaman (2023). Kajian ini memfokuskan tentang fenomena sosial yang berlaku dalam cerita rakyat yang di pilih. Pengkaji akan mengenal pasti dan menganalisis fenomena sosial yang terdapat dalam teks yang di pilih iaitu teks Seuntai Naratif Lisan di Pengkalan Sungai Datu, Kelantan. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan rujukan teks. Kajian ini juga mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu dengan menerapkan Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan dalam kajian ini. Hasil dapatan yang diperolehi dalam kajian ini ialah budaya, ekonomi, agama dan politik. Antara fenomena budaya ialah kepercayaan terhadap perkara mistik, sikap dengki dalam masyarakat, masyarakat yang tamak dan banyak lagi. Antara fenomena ekonomi ialah kekayaan sumber bahan mentah, mempelbagaikan Teknik perniagaan dan pembangunan ekonomi setempat. Fenomena agama pula ialah bencana alam yang tidak dijangka. Antara fenomena politik pula ialah raja yang prihatin, raja yang tangkas, pemilihan pemimpin yang berkaliber dan banyak lagi. Oleh itu, fenomena sosial yang terdapat dalam kajian tersebut sangat membantu dalam kehidupan seharian masyarakat masa kini.

Selain itu, kajian *Padi Dan Air Sebagai Tanda Dalam Peribahasa Melayu: Pendekatan Firasat* oleh Noraini Abd. Shukor (2016). Kajian ini memfokuskan tentang unsur alam dalam kehidupan masyarakat. Kajian ini juga memfokuskan unsur alam seperti padi dan air dimana unsur tersebut sangat berguna dalam kehidupan seharian masyarakat. Pengkaji akan mengenal pasti tanda unsur alam, menganalisis makna tanda yang digunakan dan merumuskan peranan unsur alam tersebut dengan menggunakan Pendekatan Firasat. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis data. Pengaplikasian teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Pengkaedahan Melayu dengan menerusi Pendekatan Firasat di

bawah Pengkaedahan Alamiah. Hasil kajian yang diperolehi ialah padi sebagai tanda dalam peribahasa Melayu, padi sebagai tanda hubungan kekeluargaan dan persaudaraan, padi sebagai tanda pembinaan akhlak yang baik dan padi sebagai tanda sumber rezeki. Oleh itu, unsur alam tersebut sangat penting dalam kehidupan seharian masyarakat dan mempunyai banyak kelebihan yang diperolehi dari peribahasa yang digunakan sebagai medium meningkatkan ketakwaan diri dalam masyarakat.

Seterusnya, kajian *Mesej Keagamaan Dalam Novel Arus Benua: Perspektif Pengkaedahan Melayu* oleh Radna Wismawati Muhibah Yahya Sawek & Sara Beden (2022). Kajian ini memfokuskan tentang mesej keagamaan yang disampaikan melalui karya sastera iaitu novel. Pengkaji akan menganalisis mesej keagamaan yang terdapat dalam novel yang di pilih dengan menerapkan teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan rujukan teks. Rujukan teks sangat penting dalam kajian ini yang merupakan rujukan utama bagi memudahkan pengkaji untuk mendapatkan analisis yang dijalankan. Teks yang di pilih ialah berbentuk novel iaitu novel *Arus Benua* karya Noor Ariff Yusoff. Pengaplikasian teori yang digunakan dalam kajian ini ialah teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang. Hasil dapatan yang diperolehi dalam kajian ini ialah memperlihatkan bentuk pemikiran dan perwatakan dalam menelusuri nilai-nilai spiritual, persekitaran dan kemasyarakatan. Oleh itu, pengaplikasian teori tersebut dapat membantu pengkaji dalam menimbulkan unsur-unsur keagamaan atau keislaman dalam karya sastera.

Selanjutnya, kajian *Penemuan Nilai-Nilai Islam Dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya Dan Khalayak* oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Kajian ini memfokuskan tentang nilai-nilai Islam yang terdapat dalam cerita lisan yang di pilih. Pengkaji akan mengenal pasti dan meneliti tentang kewujudan nilai-nilai Islam

menerusi cerita lisan yang di kaji. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Rujukan utama yang digunakan dalam kajian ini ialah rujukan teks seperti buku Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia dalam membantu pengkaji untuk meneliti nilai-nilai Islam dalam teks tersebut. Pengaplikasian teori juga digunakan dalam kajian ini iaitu Teori Takmilah yang bersandarkan prinsip Karya dan Khalayak. Hasil dapatan yang diperolehi dalam kajian ini ialah pengkaji dalam mengeluarkan nilai-nilai Islam seperti bersyukur, pemaaf, tawakkal, merendahkan diri dan percaya kepada Allah S.W.T. Oleh itu, nilai-nilai Islam yang dikeluarkan dalam kajian tersebut dapat membantu masyarakat dalam meningkatkan keyakinan diri serta akhlak yang baik dalam diri mereka.

Di samping itu, kajian *Faktor Dan Kesan Murtad Masyarakat Melayu Menerusi Novel Tuhan Manusia Karya Faisal Tehrani: Satu Penelitian Takmilah* oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohammad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020). Kajian ini memfokuskan tentang faktor dan kesan terhadap masyarakat Melayu yang murtad. Pengkaji akan merungkai dan menghuraikan punca-punca yang mendorong seseorang itu murtad. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan rujukan teks. Rujukan teks adalah rujukan utama yang digunakan dalam kajian ini dengan memilih sebuah novel yang bertajuk *Tuhan Manusia* karya Faisal Tehrani. Pengaplikasian teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Takmilah yang merupakan teori tempatan bagi memudahkan pengkaji untuk mengaitkan isu yang ingin dibincangkan dengan teori yang digunakan. Hasil dapatan yang diperolehi dalam kajian ini ialah faktor terhadap individu, keluarga dan masyarakat serta kesan kepada masyarakat Islam. Oleh itu, faktor dan kesan yang berlaku keatas masyarakat murtad tersebut dapat dijadikan pengajaran kepada masyarakat masa kini agar tidak melakukan larangan-Nya.

Lagi, kajian *Penerapan Sifat Kamalullah Dalam Puisi Sufistik Taman Taqwa* oleh Abu Hassan Abdul (2018). Kajian ini memfokuskan tentang sifat-sifat baik yang

boleh dicontohi oleh masyarakat setempat. Pengkaji akan meneliti dan menghuraikan konsep Kamalullah menerusi puisi yang di pilih. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Rujukan teks yang digunakan adalah melalui sebuah puisi yang bertajuk *Puisi Taman Taqwa* yang membataskan sebanyak 79 buah puisi dalam kajian ini. Pengaplikasian teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Takmilah bagi memudahkan pengkaji untuk menghuraikan hujah yang disampaikan dengan sah dan tepat. Hasil dapatan yang diperolehi dalam kajian ini ialah berkaitan dengan sifat-sifat mahmudah iaitu sebanyak 20 sifat Allah S.W.T. yang terkandung dalam puisi tersebut. Oleh itu, sifat-sifat mahmudah tersebut sangat berguna dalam kehidupan masyarakat Islam dalam menghormati antara satu sama lain dan mengikut perintah-Nya dalam menjalani kehidupan seharian yang berkat.

Tambahan pula, kajian *Unsur Tarbiah Dalam Novel KOMSAS* oleh Maisarah Yaacob (2017). Kajian ini memfokuskan tentang penyebaran perkara baik dalam kalangan khalayak. Hal ini demikian kerana, penyebaran perkara-perkara baik bukan sahaja boleh disebarkan melalui lisan malahan melalui penulisan juga boleh dan lebih mudah untuk masyarakat dalam mentafsir nilai yang diperolehi daripada pembacaan tersebut. Pengkaji akan menganalisis dan merumuskan perkara-perkara baik yang terdapat dalam novel yang di pilih. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan rujukan teks. Rujukan teks merupakan rujukan utama dalam kajian ini dengan melalui sebuah novel KOMSAS yang membataskan sebanyak 19 buah novel. Pengaplikasian teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Takmilah kerana ia sangat sesuai digunakan dalam kajian ini. Hasil dapatan yang diperolehi dalam kajian ini ialah berkaitan dengan unsur tarbiah seperti taat perintah-Nya dan takut larangan-Nya yang dapat di lihat menerusi hubungan manusia dengan Allah S.W.T. serta hubungan manusia dengan manusia seperti kepimpinan, cinta pada alam, kemaafan dan sebagainya. Oleh itu, unsur tarbiah tersebut sangat penting dalam kehidupan masyarakat yang majmuk serta dapat mendidik mereka ke arah kebaikan.

Selain itu, kajian *Nilai Sosial Dalam Puisi Imam Shafie Rahimahullah Satu Pendekatan Dakwah Kepada Saudara Baru* oleh Khazri Osman (2015). Kajian ini memfokuskan tentang nilai-nilai sosial yang terdapat dalam puisi tersebut dengan menerusi Pendekatan Dakwah. Pengkaji akan mengenal pasti dan merumuskan kewujudan nilai sosial dalam puisi yang di pilih. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Analisis teks yang digunakan adalah berbentuk sebuah puisi yang bertajuk *Diwan Imam Shafie*. Pengaplikasian teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Takmilah dengan memfokuskan pada prinsip hubungan karya dengan khalayak. Hasil dapatan yang diperolehi dalam kajian ini ialah wujudnya beberapa akhlak seseorang seperti memberi maaf, bermurah hati dan menunaikan zakat yang merupakan nilai sosial yang terdapat dalam puisi tersebut. Oleh itu, akhlak yang baik dalam diri seseorang dapat melahirkan insan yang berguna dalam masyarakat dan negara.

Seterusnya, kajian *Perkembangan Dan Penerimaan Pendekatan Keagamaan Dalam Pemulihan Banduan Di Penjara Malaysia* oleh Siti Jamiah Abdul Jalil, Nor Raudah Siren, 'Adawiyah Ismail, Abu Dardaa Mohamad, Khairul Hamimah Mohammad Jodi, Labiba Ahmad & Juwairiah Hassan (2020). Kajian ini memfokuskan tentang pendekatan keagamaan dalam pemulihan terhadap banduan di penjara Malaysia. Pengkaji akan mengenal pasti penerimaan dan kesan terhadap pendekatan yang digunakan terhadap banduan. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah soal selidik dan kepustakaan. Pengaplikasian teori yang digunakan dalam kajian ini ialah teori Pengkaedahan Melayu dengan memfokuskan pada Pendekatan Keagamaan. Hasil dapatan kajian yang diperolehi dalam kajian ini adalah berlaku perubahan yang jelas dalam menilai penghayatan keagamaan terhadap banduan yang terlibat dan dapat diterima oleh mereka terhadap perubahan yang berlaku dalam diri mereka. Oleh itu, teori tersebut sangat berguna dalam diri bukan sahaja banduan malahan masyarakat sekitar juga boleh melaluinya sendiri.

Di samping itu, kajian *Unsur Budaya Dalam Teks Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Maizatul Akma Binti Shamsudin (2022). Kajian ini memfokuskan tentang unsur budaya yang terdapat di dalam teks yang di pilih. Pengkaji akan mengkaji dan menganalisis unsur budaya yang terdapat dalam teks yang di pilih. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan rujukan teks. Pengaplikasian teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Pengkaedahan Melayu dengan melalui Pendekatan Moral, Pendekatan Dakwah dan Pendekatan Kemasyarakatan dalam memantapkan lagi hujahan yang disampaikan terhadap analisis yang dilakukan tersebut. Hasil dapatan yang diperolehi dalam kajian ini ialah terdapatnya beberapa unsur budaya yang diperolehi dalam kajian ini seperti budaya baik hati, berdikari, kasih sayang, keberanian dan banyak lagi. Oleh itu, unsur tersebut perlu diterapkan dalam diri masyarakat agar dapat menjadi masyarakat yang berguna kepada negara.

Selanjutnya, kajian *Unsur Patriotisme Dalam Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa: Satu Kajian Berdasarkan Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Nur Hanis Binti Mohd Ramlee (2023). Kajian ini memfokuskan tentang unsur Patriotisme yang terdapat dalam novel yang di pilih. Pengkaji akan mengenal pasti dan menganalisis unsur Patriotisme dalam novel yang di pilih. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan, kaedah tekstual dan kaedah teoritikal. Teks yang digunakan dalam kajian ini merupakan rujukan utama dengan menggunakan sebuah novel yang bertajuk *Leftenan Adnan Wira Bangsa*. Pengaplikasian teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Pengkaedahan Melayu yang memfokuskan pada Pendekatan Moral. Hasil dapatan yang diperolehi dalam kajian ini ialah terdapat beberapa bukti unsur patriotism dalam teks yang di pilih seperti sikap rela berkorban, semangat cinta kepada negara, semangat kekitaan dan sikap berjuang menuntut kemerdekaan. Oleh itu, unsur patriotisme tersebut perlu

diterapkan dalam diri masyarakat agar mereka dapat meningkatkan keyakinan diri mereka dalam membuat sesuatu keputusan.

Tambahan pula, kajian *Unsur Islam Dalam Cerpen Antologi Sejadah Ibadah Karya Radzema Bolhassan Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Siti Munirah Binti Sayuti (2023). Kajian ini memfokuskan tentang unsur Islam yang terdapat dalam cerpen yang di pilih. Pengkaji akan mengenal pasti unsur Islam dan menganalisis masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat yang terdapat dalam cerpen tersebut. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan, analisis tekstual dan sumber internet. Rujukan utama dalam kajian ini ialah rujukan teks dengan menggunakan teks cerpen yang bertajuk *Antologi Sejadah Ibadah karya Radzema Bolhassan*. Pengaplikasian teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Pengkaedahan Melayu menerusi Pendekatan Keagamaan. Hasil dapatan yang diperolehi dalam kajian ini ialah sikap masyarakat yang membentuk keperibadian tersendiri seperti bersalam, taat kepada orang tua, perkahwinan, berzikir, sentiasa bersyukur dan sebagainya. Oleh itu, unsur Islam yang terdapat dalam cerpen tersebut perlu diterapkan dalam diri masyarakat agar dapat meningkatkan ketakwaan dalam diri mereka.

Lagi, kajian *Nilai-Nilai Keislaman Menerusi Cerpen-Cerpen Terpilih Dalam Seuntai Rindu Firdaus Karya Ana Balqis: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Nur Safiah & Mohmad Zakir (2020). Kajian ini memfokuskan tentang nilai-nilai keislaman yang terdapat dalam cerpen yang di pilih. Pengkaji akan mengenal pasti, merumuskan dan membincangkan nilai-nilai keislaman yang terdapat dalam cerpen yang di pilih. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan rujukan teks. Rujukan teks merupakan rujukan utama dalam kajian ini dengan menggunakan beberapa buah cerpen yang terdapat dalam *Seuntai Rindu Firdaus karya Ana Balqis*. Pengaplikasian teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang. Hasil dapatan

yang diperolehi dalam kajian ini ialah terdapat beberapa nilai keislaman yang diperolehi dalam kajian ini. Oleh itu, nilai keislaman tersebut sangat penting dalam kehidupan masyarakat melayu dalam menjalani kehidupan seharian mereka.

Akhir sekali, kajian *Nilai-Nilai Kepahlawanan Menerusi Sajak-Sajak Terpilih Dalam Antologi Suara Wirawan Negara Bangsa Karya Ramli Ahmad Halim: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Ab. Rahim & Nurul Safiah (2020). Kajian ini memfokuskan tentang nilai kepahlawanan yang terdapat dalam sajak yang di pilih. Pengkaji akan mengenal pasti, menganalisis, merumuskan dan membincangkan tentang nilai-nilai kepahlawanan yang terdapat dalam sajak terpilih. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan rujukan teks. Rujukan teks yang digunakan ialah dengan menggunakan beberapa buah sajak terpilih yang terdapat dalam *Antologi Suara Wirawan Negara Bangsa karya Ramli Ahmad Halim*. Pengaplikasian teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Pengkaedahan Melayu dengan menerusi Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Hasil dapatan yang diperolehi dalam kajian ini ialah berkaitan dengan nilai-nilai kepahlawanan yang boleh dijadikan pengajaran kepada masyarakat sekitar. Oleh itu, nilai-nilai kepahlawan dapat membantu meningkatkan keyakinan diri dalam diri masyarakat dalam memimpin sesuatu komuniti.

2.6 PENUTUP

Rumusan pada bahagian ini, menunjukkan bahawa melalui proses pemerhatian dan tinjauan terhadap kajian-kajian lepas oleh para sarjana atau pengkaji lepas menunjukkan kajian dalam karya sastera seperti cerita rakyat, novel, cerpen dan sebagainya mendatangkan nilai positif dalam jiwa bukan sahaja kepada pengkaji malahan masyarakat juga. Ini menunjukkan bahawa pengkaji-pengkaji tersebut sangat menghargai karya sastera dengan membuat pemerhatian terhadap suatu karya yang dihasilkan. Hal ini demikian kerana, dapat memberikan manfaat dan kebaikan kepada orang lain. Menerusi sorotan kajian lepas membuktikan bahawa pengkaji-pengkaji tersebut sangat meminati dalam mengkaji dalam semua aspek terutama tentang budaya warisan masyarakat Melayu. Dengan ini, tidak dapat dinafikan lagi bahawa kemartabatan cerita rakyat sememangnya membawa unsur positif dalam kalangan pengkaji dan masyarakat. Walaubagaimanapun, pengkaji mendapati bahawa kajian yang berkaitan dengan unsur tradisi ini kurang diketengahkan dalam kajian ini. Sehubungan dengan itu, pengkaji akan melaksanakan kajian ini untuk mengisi kelompongan yang ada.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Melalui penghasilan kajian ini, pengkaji akan menjelaskan secara tepat, jelas dan terperinci di bahagian bab tiga ini berkaitan tentang metodologi kajian yang akan dijalankan dalam kajian ini. Selain itu, metodologi juga merupakan satu teori atau kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk menyelesaikan masalah yang diperolehi bagi menjawab permasalahan kajian dan sering digunakan dalam bidang pengajian. Tambahan pula, metodologi kajian merupakan data kajian yang paling penting dalam sesebuah kajian bagi menjayakan kajian yang dijalankan dalam bidang penyelidikan. Terdapat dua jenis data yang akan pengkaji perolehi dalam penyelidikan iaitu data primer dan data sekunder. Data primer ialah yang akan diperolehi melalui kajian lapangan, manakala data sekunder akan diperolehi melalui kajian kepustakaan. Sehubungan dengan itu, pada bahagian metodologi ini, pengkaji akan membahaskan tentang kajian yang merangkumi reka bentuk kajian, kaedah kajian dan pengaplikasian teori dalam menjayakan penyelidikan ini.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian merupakan satu proses atau kaedah penyelidikan untuk mengenal pasti masalah, pengumpulan data dan analisis serta kerangka teori yang diaplikasikan di dalam kajian yang dijalankan bagi menjawab semua permasalahan yang timbul semasa menjalankan kajian ini. Selain itu, terdapat tiga pecahan dibawah reka bentuk kajian iaitu kualitatif, kuantitatif dan campuran. Namun begitu, pengkaji telah memilih reka bentuk kajian dalam bentuk kajian kualitatif yang mempunyai dua kaedah iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah rujukan teks. Kedua-dua kaedah tersebut sangat penting bagi memudahkan pengkaji untuk memperolehi rujukan yang sah dan tepat.

3.3 KAEDAH KAJIAN

Pendekatan kualitatif yang dipilih dan digunakan oleh pengkaji adalah bertujuan untuk memudahkan pengkaji untuk memperolehi dan mengumpul data, analisis dan maklumat yang berkait rapat dengan tajuk kajian yang telah dipilih iaitu *Transkripsi Cerita Rakyat Ke Dalam Bentuk Pantun Melayu Berdasarkan Teks Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Analisis Unsur Tradisi* agar dapat menghasilkan satu kajian penyelidikan yang berilmiah.

3.3.1 Kajian Kepustakaan

Pengkaji telah memilih dan menggunakan kaedah kepustakaan ini bagi memudahkan pengkaji untuk mencari dan mengumpul maklumat yang bersesuaian dan berkaitan dengan kajian yang dilaksanakan secara terperinci dan berhemat. Kaedah ini melibatkan pengkaji untuk melakukan pembacaan terhadap beberapa jenis dokumen iaitu artikel, jurnal, tesis-tesis para saujana lepas dan buku-buku ilmiah.


Maklumat yang diperolehi itu haruslah daripada sumber-sumber yang sahih dan telah ditapis terhadap keaslian penulisannya. Pengkaji telah menggunakan perkhidmatan perpustakaan di Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Tambahan pula, pengkaji menggunakan perkhidmatan perpustakaan tersebut adalah untuk mendapatkan Kamus Dewan Edisi Keempat dalam mencari definisi berkaitan dengan kajian.

3.3.2 Kaedah Rujukan Teks

Pengkaji telah memilih dan menggunakan kaedah rujukan teks bagi memudahkan pengkaji untuk mencari bahan bukti yang sesuai untuk menyokong penulisan yang dihasilkan itu. Pengkaji juga perlu melalui beberapa proses bagi mendapatkan bukti yang sahih iaitu proses membaca, meneliti dan menganalisis unsur tradisi yang terkandung di dalam teks cerita rakyat yang dipilih menerusi Teks *Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob. Buku tersebut dijadikan bahan sumber rujukan utama yang perlu ada dalam penyelidikan untuk menganalisis teks. Hal ini kerana, kandungan teks tersebut penuh dengan unsur tradisi yang masih dikekalkan kewujudannya sehingga hari ini. Sehubungan dengan itu, buku tersebut menjadi pilihan pengkaji kerana ianya bersesuaian dengan tujuan utama kajian ini dijalankan. Oleh itu, unsur tradisi yang terkandung di dalam teks tersebut akan dikumpul dan dimasukkan pada bahagian bab keempat iaitu bab analisis kajian untuk menganalisis kajian tersebut secara lebih terperinci.

3.4 TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU

Teori Pengkaedahan Melayu merupakan salah satu teori tempatan yang mendasari kehidupan dan kebudayaan masyarakat Melayu. Teori ini telah diperkenalkan pada tahun 1989 dan dicetuskan pada tahun 1994 oleh Hashim Awang. Teori ini dikemukakan berlandaskan semua aspek kehidupan manusia yang merangkumi cara dan sikap hidup, kepercayaan dan kebudayaan masyarakat setempat. Teori ini menjadikan alam sebagai sebahagian daripada kehidupan manusia dan mempunyai kaitan rapat dalam hidup manusia. Alam juga merupakan faktor utama dalam memenuhi keinginan dan keperluan hidup manusia yang memberikan mata pencarian atau peluang pekerjaan, pengalaman, pengajaran dan sebagainya. Teori ini sangat bermakna dan bersesuaian untuk membantu dalam menganalisis kajian karya sastera yang dihasilkan pengkarya tempatan. Secara ringkasnya teori Pengkaedahan Melayu yang dibincangkan ini dapat dilihat melalui carta di bawah.



Carta 3.4: Pendekatan dalam Teori Pengkaedahan Melayu.

3.4.1 Pengkaedahan Alamiah

Pengkaedahan Alamiah ialah pendekatan yang berteraskan kepada cara atau sikap masyarakat melayu yang menjadikan alam sebagai sebahagian daripada hidup mereka. Masyarakat akan berharap kepada alam untuk mendapatkan sesuatu keinginan atau keperluan mereka. Hal ini demikian kerana, alam adalah faktor utama kepada masyarakat untuk mendapatkan peluang pekerjaan, pengalaman, pengajaran dan kebajikan dalam kehidupan seharian.

3.4.1.1 Pendekatan Gunaan

Pendekatan gunaan merupakan salah satu objek alam iaitu hasil ciptaan yang dicipta oleh Tuhan. Hal ini kerana, sastera dianggap sebagai objek alam. Dengan adanya pegangan pendekatan tersebut, sastera dapat dilihat sebagai suatu objek alam yang mempunyai sebab, hikmat dan fungsi yang tersendiri dalam memenuhi keperluan masyarakat. Di samping itu, kejadiannya itu paling utama boleh dimanfaatkan oleh manusia sama seperti kejadian objek-objek alam yang lain. Demikian itu, pendekatan gunaan tersebut sewajarnya dapat dilihat, dikaji dan dianalisis oleh pengkaji atau pengkritik melalui konteks ini.

3.4.1.2 Pendekatan Moral

Pendekatan moral akan timbul daripada ekoran tanggapan dasar yang dipegang dalam pendekatan gunaan iaitu sastera di anggap sebagai objek alam yang merupakan suatu kejadian alam. Tetapi, kejadian alam di sini bukan lagi berupa suatu kewujudan yang berbentuk benda malahan ianya bersifat pengalaman hidup. Bersesuaian dengan sifatnya yang sedemikian itu, sastera

dapat memberikan manfaat yang penting dalam kehidupan masyarakat. Dengan adanya pengalaman yang diberikan itu juga terdiri daripada dua hal utama iaitu tentang peristiwa-peristiwa yang dilalui manusia dan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan manusia serta suasana persekitaran. Daripada hal tersebut, pelbagai ragam akan dapat diserlahkan dan perlakuan manusia yang dapat dialami melalui nilai aspek-aspek positif dan negatif yang boleh memberikan contoh dan tauladan yang baik.

3.4.1.3 Pendekatan Firasat

Pendekatan firasat dapat dilihat melalui suatu kejadian alam yang menghasilkan pengalaman hidup dan kejadian-kejadian yang dialami di dalam mimpi. Hal ini kerana, kejadian yang dialami dalam mimpi perlu diberikan perhatian untuk mencari tahu pengertian atau makna mimpi tersebut yang dikenali sebagai takbir. Bertetapan dengan sifatnya, sastera boleh menyerupai suatu mimpi atau kejadian-kejadian alam yang mempunyai makna dan pengertian. Sastera juga memiliki sifat zahir dan batin yang lebih dikenali sebagai tersurat dan tersirat. Demikian itu maksud inti pati yang didapati dalam pendekatan firasat yang boleh digunakan dalam kajian atau kritikan sastera.

3.4.2 Pengkaedahan Keagamaan

Pengkaedahan Keagamaan merupakan pendekatan yang berdasarkan kepada keimanan yang bersendikan akidah agama Islam. Sumber utama dan paling besar dalam pengaplikasian pendekatan ini adalah Al-Quran dan Hadis. Pembentukan yang dimiliki dalam pendekatan ini pula lebih kepada sifat-sifat keagungan Allah yang mementingkan ketakwaan ke atas-Nya. Dengan ciri-ciri tersebut dapat menimbulkan

kaedah yang baik dan bersih berdasarkan pendekatan yang disebut sebagai pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendelatan seni.

3.4.2.1 Pendekatan Dakwah

Pendekatan dakwah dapat dilihat sebagai wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan seorang insan yang dikenali sebagai hamba Allah SWT. Dengan itu, sastera juga ada menyoalkan tentang kemurniaan dan kelebihan agama Islam yang dapat menimbulkan daya tarikan yang lebih mendalam terhadap kesucian agama Islam sama ada dalam kalangan orang muslim mahupun bukan muslim. Apabila pendekatan ini sering digunakan di dalam pengaplikasian kajian mahupun kritikan dapat menarik minat pengkaji untuk mendalami ilmu tentang pendekatan tersebut serta dapat dijadikan sebagai bahan penelitian.


3.4.2.2 Pendekatan Kemasyarakatan

Pendekatan kemasyarakatan dapat dilihat melalui unsur kebaikan yang dikeluarkan di dalam karya sastera. Sastera juga berfungsi sebagai tempat untuk mencipta sesuatu pengalaman dalam mensejahteraan dan membahagiakan umat manusia. Dengan itu, sastera Islam boleh dijadikan sebagai lumrah yang boleh mendedahkan rupa bentuk kehidupan manusia yang baik dan sempurna. Karya sastera yang menggunakan pendekatan ini dapat menyampaikan kehidupan masyarakat yang sebenar bukan sahaja dari segi kebaikan malahan keburukan juga. Oleh itu, dengan adanya pegangan pendekatan tersebut dapat memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap isi dan tema permasalahan kemsyarakat dalam penghasilan karya sastera.

3.4.2.3 Pendekatan Seni

Pendekatan Seni merupakan keindahan dalam karya sastra yang mampu menghasilkan nilai yang estetika dan etika Islam yang tidak bertentangan dengan akidah, ajaran dan fahaman agama. Keindahan yang dimiliki di dalam pendekatan ini mampu menegaskan keindahan yang berteraskan tauhid. Pendekatan seni dari sudut penelitian sastra ialah menemukan segala-galanya dan mampu menghasilkan kembali dalam memperkukuhkan asas-asas nilai murni iaitu keimanan, ketakwaan dan kecintaan kepada Allah SWT. Oleh itu, penelitian dan penelitian ini dapat dirumuskan dalam sebuah karya kesusasteraan dalam dasar keindahan atau estetika Islam.

3.5 KERANGKA KONSEPTUAL



3.5 Kerangka Konseptual.

3.6 PENUTUP

Pada bahagian bab tiga ini, pengkaji telah menerangkan tentang kaedah-kaedah yang digunakan di dalam kajian ini dengan terperinci dalam menjayakan kajian ini. Penetapan terhadap kaedah kajian ini juga ada memasukkan tentang pengaplikasian teori di mana ia sangat penting dalam kajian ini. Hal ini demikian kerana, ia bertujuan untuk memastikan kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji akan mengikuti semua proses atau prosedur yang tersusun, teratur dan sistematik. Disamping itu, penetapan kaedah kajian ini juga penting dalam memastikan semua maklumat yang dicari dan dikumpulkan adalah bertepatan dengan tajuk kajian yang ingin dijalankan oleh pengkaji. Oleh itu, penggunaan teori Pengkaedahan Melayu adalah sebagai deduktif kajian dalam membentuk satu hujah, bukti atau analisis yang kukuh bagi sesuatu kajian penyelidikan yang dijalankan. Sehubungan dengan itu, kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan rujukan teks serta penggunaan teori Pengkaedahan Melayu yang digunakan oleh pengkaji dalam menghasilkan satu kaji yang menyentuh tentang unsur tradisi dalam genre cerita rakyat.

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Analisis merupakan satu proses di mana pengkaji telah berhasil dalam menganalisis data-data yang dikumpulkan dan akan dibentangkan atau diterangkan dalam bahagian ini. Pengkaji akan menghuraikan dan menerangkan berkaitan data yang terkandung dalam buku *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang telah ditulis oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Demikian itu, kajian ini akan membincangkan berkaitan dengan unsur tradisi yang terdapat di dalam transkripsi pantun Melayu menerusi cerita-cerita rakyat yang dipilih melalui buku tersebut. Justeru itu, pantun Melayu tersebut akan dianalisis berdasarkan satu teori yang bersesuaian dengan kajian ini iaitu pengkarya memilih Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang (1989). Oleh itu, melalui bab ini pengkaji akan memberikan fokus yang utama terhadap unsur tradisi yang diperolehi dalam pantun Melayu tersebut iaitu sebanyak 5 unsur. Antaranya ialah kepercayaan, perubahan, seni tradisional, keagamaan dan pemerintahan.

4.2 UNSUR KEPERCAYAAN

Kepercayaan merupakan kata imbuhan yang berasal daripada kata percaya yang membawa maksud pengakuan seseorang terhadap sesuatu perkara yang disertai dengan kepastian, (Kamus Dewan, 2015). Ia juga dapat dikaitkan dengan pengakuan dalam menentukan sesuatu perkara itu sama ada sah sah mahupun palsu. Menurut pandangan daripada Awang Azman Awang Pawi (2013), mengatakan bahawa kepercayaan dapat dikaitkan dengan cara atau tindakan seseorang individu atau masyarakat dalam melakukan sesuatu upacara atau adat yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat. Lebih ringkasnya lagi, masyarakat zaman dahulu kala mempunyai hubungan erat dengan kuasa luar biasa yang sering membantu mereka dalam segala hal yang berada diluar kemampuan manusia seperti kuasa ghaib, makhluk halus, spiritual dan sebagainya. Perkara-perkara tersebut sering digunakan dalam perubatan tradisional di mana kehidupan dahulu kala sukar untuk mendapatkan bantuan perubatan di hospital kerana kawasan petempatan yang agak jauh dari kawasan bandar. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan tentang masyarakat yang mempercayai cerita legenda, berharap atas pertolongan Tuhan, pengamalan alam ghaib dan masyarakat yang mempercayai pantang larang.

4.2.1 Masyarakat Yang Mempercayai Cerita Legenda.

Cerita legenda merupakan cerita yang disampaikan oleh penglipur lara dalam memberitahu kepada masyarakat atau pendengar berkaitan dengan cerita masa lampau yang berlatarkan sejarah atau tokoh yang mengalami situasi tersebut, Kamus Dewan (2015). Berdasarkan pandangan oleh Muhammad Al Afzan (2018) pula, mengatakan bahawa cerita legenda juga sangat dipercayai oleh masyarakat dahulu kerana mempunyai bukti yang mengatakan terdapatnya monument atau objek bersejarah yang terdapat di

sesuatu kawasan seperti kubur, binaan, bentuk muka bumi, warisan peninggalan dan sebagainya. Antara cerita lagenda yang sering kali didengar oleh masyarakat dahulu sehingga kini seperti Hang Tuah, Mahsuri, Tok Kenali, Si Tanggang dan banyak lagi. Cerita-cerita tersebut dianggap lagenda kerana mempunyai unsur masa lampau yang berkaitan dengan keagamaan, pengamalan makhluk ghaib, tempat bersejarah, tokoh bersejarah dan banyak lagi.

Melalui transkripsi pantun Melayu yang bertajuk *Kubang Dek* yang terdapat dalam teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*, kita dapat melihat masyarakat yang mempercayai cerita lagenda. Di bawah merupakan pantun pertama yang memperlihatkan unsur tersebut:

Sebelah Tilebar dan Pulau Gajah,
Dikenali nama Kubang dek;
Lopak terbiar airnya jernih,
Dipenuhi ikan laga hidup membiak.

Cerita lagenda dua ekor ular,
Saling bertarung pertahankan tempat;
Sebesar paha sepanjang dua meter,
Cap raya dan tedung saling merebut.

Ular tedung ular cap raya,
Patukan dibalas dengan gigitan;
Tak hirau sekeliling pertahan haknya,
Semakin membalas berakhir kematian.

Ikan ditangkap didalam kubang,
Yang mempunyai cerita lagenda;
Kalau dicakap ramai yang datang,
Ikan yang berani dan sangat berbisa.

Ikan laga di Kubang Dek,
Menjadi bahan untuk pertarungan;
Masyarakat percaya mahupun tidak,
Mampu mengalahkan pihak lawan.

(Siti Wahdaniyah Binti Azeli, 2023)

Berdasarkan rentetan pantun yang menceritakan tentang peristiwa yang berlaku di *Kubang Dek* telah membuktikan bahawa kepercayaan terhadap cerita lagenda itu ada dan wujud semasa zaman itu. Melalui kisah lagenda yang ditunjukkan dalam pantun tersebut telah menceritakan tentang ikan laga yang mempunyai kuasa sehinggakan dapat menewaskan pihak lawan. Disini dapat dilihat melalui rangkap pertama yang mengisahkan tentang asal usul ikan laga yang diperkatakan tadi. Terdapat sebuah tempat yang dikenali sebagai Kubang Dek yang merupakan salah satu kawasan petempatan yang terdapat di Pangkalan Datu, Kelantan dan ia berada di tengah-tengah antara Tilebar dan Pulau Gajah. Di kawasan tersebutlah yang menunjukkan keberadaan ikan laga yang telah melakukan proses pembiakan di dalam lopak atau kubang air yang jernih dan telah lama dibiarkan tanpa ada seorang pun tahu ketika itu sebelum ia dikenali ramai. Kisah ini juga diteruskan melalui rangkap kedua dan ketiga pantun, bahawa cerita lagenda ini telah dimulai dengan kisah dua ekor ular yang wujud pada ketika itu di mana mereka saling berlawanan antara satu sama lain demi mendapatkan hak tempat tinggal. Kedua-dua ekor ular tersebut dikenali sebagai ular tedung dan ular cap raya yang mempunyai saiz sangat besar iaitu dapat diukur sebesar paha kanak-kanak enam tahun dan mempunyai panjang iaitu sepanjang dua meter. Perlawanan tersebut berlaku kerana mereka saling membalas patukan dan gigitan tanpa menghiraukan dan mempedulikan keadaan sekeliling demi mendapatkan keinginan hak. Namun demikian, kedua-dua ular tersebut dipercayai mati akibat kecederaan parah yang mereka alami sepanjang berlangsungnya pertarungan tersebut.

Setelah berakhirnya kisah lagenda tentang dua ekor ular yang bertarung sesama sendiri demi mendapatkan hak tempat tinggal, demikian itu wujudlah kisah lagenda ikan laga yang diperkatakan itu pada rangkap keempat dan kelima pantun. Kisah ini bermula dimana terdapat sekumpulan penduduk

kampung yang mengetahui keberadaan ikan laga yang membiak di dalam kubang air yang mempunyai bisa ular akibat dari pertarungan yang berlaku pada ketika itu. Hal ini diperkatakan demikian kerana, kubang air yang telah dijadikan tempat pembiakan ikan laga tersebut merupakan tempat berlakunya perlawanan sengit antara dua ekor ular lalu meninggalkan bisanya yang memenuhi kubang air tersebut. Untuk pengetahuan lanjut, ikan laga tersebut telah lama membiak di dalam kubang air tersebut walhal telah meminum air dari kawasan tersebut yang mengakibatkan ikan laga tersebut menjadi sangat berbisa dan berani walaupun ia mempunyai bentuk tubuh yang sangat kecil berbanding ikan lain. Setelah penduduk kampung tersebut percaya akan kekuatan dan kemampuan mengalahkan pihak lawan serta mengetahui keberadaan ikan laga tersebut, lalu disampaikan juga kepada penduduk kampung yang lain, mereka pun menangkap ikan laga tersebut kemudian dijadikan bahan untuk pertarungan laga pada ketika itu.

Setelah diteliti semula terhadap cerita rakyat yang disampaikan dalam bentuk transkripsi pantun Melayu tersebut. Unsur kepercayaan tersebut telah membuka minda masyarakat masa kini ke arah yang lebih positif dan terbuka terhadap cerita lagenda yang disampaikan bagi menunjukkan kepercayaan dalam masyarakat dahulu kala. Menurut pendapat daripada Mohd Osman Taib (1965), cerita lagenda merupakan satu bentuk cerita yang dasarnya diambil dari segi kepercayaan masyarakat Melayu terhadap alam sekelilingnya yang akan mempengaruhi cara pemikiran mereka. Hal ini demikian kerana, masyarakat dahulu kala seharusnya mempercayai perkara sedemikian bagi menunjukkan sikap kemanusiaan dalam diri mereka sebelum bertindak untuk tidak mengiyakan perkara tersebut. Tambahan pula, mereka telah mengalami situasi atau perkara tersebut dengan semula jadi, haruskah mereka untuk tidak mempercayai perkara tersebut melainkan dengan masyarakat masa kini tidak

mustahil mereka untuk mempercayai perkara tersebut kerana mereka tidak mengalami peristiwa tersebut dan cerita lagenda seperti yang diperkatakan tadi juga tidak berlaku pada masa kini. Walaupun cerita lagenda yang disampaikan tidak diketahui pengarangnya atau penglipur laranya namun pengarang turut mengajak masyarakat untuk mengetahui atau mempelajari serba sedikit makna yang tersembunyi di sebalik cerita yang disampaikan melalui peristiwa terhadap kepercayaan cerita lagenda, (Syed Othman Syed Omar, 1984). Maka dengan ini diberikan sedikit penekanan kepada pembaca atau masyarakat adalah unsur kepercayaan terhadap cerita lagenda melalui transkripsi pantun Melayu yang bertajuk Kubang Dek ini telah sedaya upaya membuktikan kepada masyarakat untuk mempercayai cerita lagenda.

Berdasarkan pendapat daripada A. Bakar Hamid (1976), yang mengatakan bahawa cerita legenda bukan sahaja merupakan satu pernyataan kepada kepercayaan, namun ia turut mendorong kepada kepercayaan-kepercayaan yang bersangkutan dengan sesuatu perkara yang dianggap telah berlaku pada suatu ketika. Berdasarkan cerita lagenda yang terdapat dalam pantun Melayu tersebut telah membuktikan bahawa cerita lagenda telah diakui berlaku dan menjadi kenyataan sejarah terhadap cerita-cerita asal-usul dan cerita-cerita binatang. Hal ini dinyatakan sebegini kerana, cerita lagenda tersebut ada menceritakan tentang asal-usul tempat tersebut dan kisah binatang yang terlibat dalam cerita lagenda tersebut turut mendatangkan unsur kepercayaan dalam diri masyarakat pada ketika itu. Melalui cerita lagenda yang diperkatakan tadi iaitu tentang pertarungan dua ekor ular demi mendapatkan hak tempat tinggal dan tentang ikan laga yang dijadikan bahan untuk pertarungan kerana mampu mengalahkan pihak lawan telah membuktikan bahawa kepercayaan terhadap cerita lagenda itu wujud pada ketika itu. Walaubagaimanapun, cerita tersebut dianggap lagenda kerana berlaku pada

zaman dahulu dan dilalui oleh masyarakat zaman tersebut yang telah dijadikan sebagai cerita rakyat yang disebarakan dari mulut ke mulut ataupun secara lisan bagi memberitahu kepada masyarakat masa kini bahawa cerita seperti itu wujud dan benar-benar berlaku.



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

4.2.2 Berharap Atas Pertolongan Tuhan

Tuhan merupakan satu kewujudan yang Maha Berkuasa, Maha Mengetahui dan Maha Menyayangi serta sering disembah oleh manusia yang beragama. Setiap agama pula mempunyai tanggapan yang berbeza terhadap Tuhan kerana di Malaysia terdapat beberapa agama yang dianut oleh masyarakat setempat seperti Islam, Hindu, Kristian dan sebagainya (Kamus Dewan, 2015). Walaubagaimanapun, mereka tetap mempercayai bahawasanya Tuhan itu wujud dan sering meminta pertolongan kepada-Nya dalam apa jua keadaan atau perkara yang berlaku dalam kehidupan seharian. Menurut Ayu Nor Azilah Mohamad (2016), manusia sememangnya telah dilahirkan untuk memikirkan konsep kepercayaan kepada Tuhan dalam diri mereka sekali gus merupakan tanggungjawab sebagai hamba atau makhluk bumi yang mempunyai hala tuju dalam kehidupan. Sejahterajhat atau seburuk-buruk manusia yang mengingkari suruhan Tuhan tetap akan berhubung dan kembali kepada-Nya dalam meminta pertolongan atau bantuan dari-Nya.

Melalui transkripsi pantun Melayu yang bertajuk *Disorok Jin* yang terdapat dalam teks *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pangkalan Datu, Kelantan*, kita melihat masyarakat yang berharap dengan pertolongan Tuhan. Di bawah merupakan pantun kedua yang memperlihatkan unsur tersebut:

Pulau gajah menyimpan misteri,
Pantang menyorok ditengah buluh;
Buat salah pengajaran diberi,
Suka mengusik akhirnya mengeluh.

Sering mengusik kawan sebaya,
Selalu ditegur tak pernah didengari;
Kenakalan budak Ahmad namanya,
Bertubuh besar kerjanya membuli.

Kenakalan sentiasa didalam fikiran,

Kawan mengaji dia menyorok;
Tangisan tersedia satu kepuasan,
Pergi sembunyi disebalik pokok.

Menunggu lama lalu terlena,
Disebalik pokok yang sangat besar;
Doa dipinta harap terjumpa,
Jalan petunjuk mencari ikhtiar.
Didalam hutan yang sangat tebal,
Paluan rebana dan nyalaan obor;
Disorok jin harap menyesal,
Tidak bermaya selepas keluar.

(Siti Wahdaniyah Binti Azeli, 2023)

Berdasarkan rentetan pantun yang menceritakan tentang peristiwa yang berlaku dalam kisah *Disorok Jin* yang membuktikan bahawa kepercayaan terhadap tuhan itu adalah wajib bagi masyarakat yang beragama. Melalui kisah mistik yang ditunjukkan dalam pantun tersebut telah menceritakan tentang seorang budak nakal yang disorok jin akibat kenakalan dia mengganggu kawan-kawannya. Disini dapat dilihat melalui rangkap pertama dan kedua yang mengisahkan tentang sebuah kampung yang dikenali sebagai Pulau Gajah, di mana kampung tersebut telah menyimpan banyak misteri yang telah dirungkai oleh penduduk kampung itu sendiri tentang perkara-perkara yang berunsur mistik. Kisah ini bermula apabila terdapat seorang budak lelaki yang sangat nakal di kampung tersebut yang suka bermain atau bersembunyi di satu kawasan yang mempunyai serumpun buluh yang sangat tebal. Budak nakal tersebut lebih dikenali dengan nama Ahmad yang mempunyai susuk tubuh yang lebih besar berbanding kawan-kawannya yang lain dan dia juga sering membuli dan mengganggu hidup kawan-kawannya yang memiliki susuk tubuh yang lebih kecil daripadanya. Rumpun buluh yang diperkatakan tadi mempunyai pantang larang yang mengatakan sesiapa yang bersembunyi didalamnya tidak akan jumpa jalan untuk keluar kerana ia mempunyai penunggu yang tidak dapat dilihat melalui mata kasar. Namun demikian,

pantang larang atau sebarang amaran dan nasihat yang diberikan oleh ibu bapa dan penduduk kampung terhadapnya sering kali diambil ringan dan mengabaikan pesanan tersebut.

Kisah tersebut belum berakhir di situ sahaja malahan diceritakan pada rangkap ketiga pula, yang mengisahkan tentang kenakalan Ahmad yang mengakibatkan kawan sepermainannya menangis teresak-esak akibat seliparnya disorok oleh Ahmad, lalu dia mengalami kepuasan hati akibat dari perbuatannya itu. Ahmad melakukan perbuatan tersebut semasa kawan-kawan yang lain sedang mengaji Al-Quran di rumah Tok Guru yang terletak didalam kampung tersebut. Setelah dia melakukan perbuatan nakalnya itu, dia melihat sebatang pokok besar berhampiran dengan rumah Tok Guru tempat dia mengaji bersama kawan-kawannya, lalu bersembunyi dibalik pokok besar itu dengan tujuan untuk menyuruh kawannya itu mencarinya di sana walhal kawannya itu tidak mencarinya sehingga keesokkan harinya. Kisah tersebut diteruskan pada rangkap keempat, yang menceritakan tentang penungguan Ahmad terhadap kawan yang akan mencarinya dibalik pokok tetapi tidak kunjung tiba. Oleh kerana, dia terlalu penat menunggu, dia pun terlena dibalik pokok yang didudukinya itu. Daun pokok tersebut melampai-lampai untuk menyuruh Ahmad pergi dari kawasan itu sebelum berlakunya perkara yang tidak diingini berlaku tetapi Ahmad mengabaikan dan mengatakan itu hanyalah tiupan angin malam. Dalam tidak sedar rupanya Ahmad telah disorok oleh jin iaitu sang penunggu pokok besar itu. Ibu bapanya kian risau dan bimbang akan keberadaan Ahmad dan meminta tolong penduduk kampung untuk bersama-sama mencarinya.

Maka dengan itu, kisah ini berlanjutan dengan adanya pertolongan seorang Tok Imam yang mengetuai dalam pencarian Ahmad telah mencari ikhtiar dengan memanjatkan doa dan meminta pertolongan Allah S.W.T. agar

mendapat jalan petunjuk keberadaan Ahmad. Terdapat juga penggunaan alatan muzik yang diceritakan pada rangkap terakhir yang merupakan salah satu adat dan budaya masyarakat kampung pada ketika itu dengan membuat bunyi-bunyian dari rebana dan nyalaan obor bagi memudahkan untuk mendapatkan petunjuk keberadaan Ahmad pada waktu malam yang sunyi dan gelap gelita. Pengakhiran dari kisah tersebut, Ahmad telah dijumpai disebalik rumpun buluh yang tebal yang terletak berhampiran dengan pokok besar dalam keadaan yang selamat tetapi tidak bermaya setelah beberapa hari menghilang di kawasan tersebut. Melalui kisah mistik yang diperkatakan tadi iaitu tentang seorang budak nakal yang disorok jin akibat kenakalannya itu telah membuktikan bahawa kepercayaan terhadap tuhan mampu menolong kita ketika dalam keadaan susah. Walaubagaimanapun, cerita tersebut dianggap mistik kerana dipercayai oleh masyarakat pada zaman dahulu dan dilalui oleh masyarakat zaman tersebut dan terdapatnya unsur kepercayaan terhadap pertolongan tuhan dan bunyi-bunyian dalam mendapatkan petunjuk dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi.

Berdasarkan rentetan daripada itu, berharap akan pertolongan Tuhan yang ditonjolkan dalam pantun tersebut telah membawa masyarakat untuk menyelami dengan lebih dalam makna yang tersirat melalui peristiwa ketuhanan tersebut. Melalui pemahaman berdasarkan pantun melayu yang memaparkan unsur kepercayaan tersebut, masyarakat atau pembaca dapat melihat bahawa kepercayaan dan ketuhanan merupakan satu perkara yang saling bergantung antara satu sama lain dalam membuktikan sesuatu perkara yang dianggap wujud dan sah. Dengan itu, pengarang mengajak masyarakat atau pembaca untuk mempercayai Tuhan melalui penghasilan cerita rakyat. Berdasarkan pernyataan yang dikemukakan oleh Hairul Anwar (2015), di dalam Islam ada dinyatakan bahawa Tuhan yang dikenali sebagai


Allah S.W.T. yang maha berkuasa dan maha mengetahui dalam mencipta, mentadbir dan menghakimi dengan adil kepada alam semesta. Tuhan tidak boleh dilihat menggunakan mata kasar tetapi kita mempercayai Tuhan kerana adanya kefahaman dalam ajaran yang diturunkan kepada umatnya untuk mempercayai-Nya sebaik-baik penguasa alam semesta.

Kepercayaan terhadap Tuhan juga ada dinyatakan dalam prinsip Rukun Negara yang pertama iaitu kepercayaan kepada Tuhan, di mana masyarakat di negara ini diharuskan untuk mengakui bahawa Tuhan adalah yang lebih berkuasa berbanding dengan kuasa-kuasa lain dan juga tidak ada yang boleh melawan kekuasaan-Nya. Berdasarkan prinsip Rukun Negara yang dinyatakan oleh Ayu Nor Azilah Mohamad (2016), mengajak masyarakat di negara ini sama ada yang beragama Islam mahupun bukan untuk menerima agama Islam sebagai agama rasmi persekutuan. Hal tersebut tidak bermaksud agama lain tidak diterima pakai dalam negara ini, malahan agama lain juga boleh dianut oleh masyarakat bukan Islam agar mereka dapat saling menghormati antara satu sama lain terhadap agama dan kepercayaan kaum lain. Menurut pendapat daripada Fahezah Nor Mohamed (2018), menyatakan kepentingan yang dimiliki sekiranya prinsip Rukun Negara diketengahkan dalam kehidupan seharian dapat melatih masyarakat dalam membentuk keperibadian dan jati diri yang utuh dalam diri mereka agar dapat mewujudkan kesefahaman antara kaum, bangsa dan agama. Seseorang yang mempunyai sikap patuh dan taat setia kepada Tuhan merupakan seseorang yang mempunyai sikap budi pekerti yang mulia serta memiliki sifat-sifat terpuji dalam diri, tetapi seseorang yang mengingkari arahan-Nya merupakan seseorang yang derhaka dan mungkar akan kekuasaan-Nya. Keteguhan iman serta sikap tolong-menolong dalam kalangan masyarakat tanpa mengira bangsa, kaum atau etnik merupakan sikap yang terpuji yang dimiliki seseorang yang memiliki hati nurani yang sangat baik


dan berperikemanusiaan. Oleh itu, sebarang bentuk ideologi atau ajaran yang menolak terhadap konsep kepercayaan kepada Tuhan seperti kefahaman komunis tidak layak untuk mendapatkan tempat di negara ini.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

4.2.3 Pengamalan Alam Ghaib

Pengamalan alam ghaib merupakan satu amalan yang dilakukan oleh masyarakat dahulu kala yang berinteraksi dengan makhluk halus dalam mendapatkan pertolongan (Kamus Dewan, 2015). Makhluk halus tersebut dapat menyerupai manusia, jin, bunian, saka dan banyak lagi, namun demikian hanya segelintir manusia sahaja yang dapat melihat melalui mata kasar. Menurut Ahmad Hafiz Mohd Rozmizi (2023), mengatakan bahawa manusia yang dapat melihat atau yang mengamalkan alam ghaib tersebut mempunyai kuasa luar biasa yang memiliki hati nurani yang baik dan suci tanpa adanya sebarang niat jahat dalam mengamalkan ilmu tersebut.

Melalui transkripsi pantun Melayu yang bertajuk *Jelmaan Saka Harimau* yang terdapat dalam teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pangkalan Datu, Kelantan*, kita dapat melihat pengamalan alam ghaib. Di bawah merupakan pantun ketiga yang memperlihatkan unsur tersebut:

Sebuah keluarga tinggal sejenak,
Ayah dan ibu serta anaknya;
Tarikan pemuda kecantikan anak,
Ayahnya pemandu ibunya bersahaja.

Ketiadaan ibu dilewat petang,
Tersangat bimbang sepulang kerja;
Jiran tidak tahu dan juga bingung,
Tadi menghilang tiba-tiba terjumpa.

Masih keliru siang dan malam,
Pergi berjumpa bersama Tok Guru;
Tak elok membisu apa yang dipendam,
Baik dicerita masalah yang lalu.

Itulah saka berupa harimau,
Sangatlah besar meremang roma;
Singkatnya masa jauh dia melulu,
Mampu di dengar tak mampu percaya.

Ada firasat yang mengata,
Gunakan saka pergi memerhati;
Perasaan takut untuk bersemuka,

Bawa bersama buang sendiri.

(Siti Wahdaniyah Binti Azeli, 2023)

Berdasarkan rentetan pantun yang menceritakan tentang peristiwa yang berlaku dalam kisah *Jelmaan Saka Harimau* yang membuktikan bahawa kepercayaan terhadap pengamalan ilmu ghaib itu adalah ada dalam masyarakat pada zaman dahulu. Melalui kisah mistik yang ditunjukkan dalam pantun tersebut telah menceritakan tentang seorang wanita yang menggunakan saka belaan untuk memerhati suaminya yang bekerja jauh. Disini dapat dilihat melalui rangkap pertama yang mengisahkan tentang sebuah keluarga yang tinggal di sebuah kampung dan terdiri dari seorang ayah, seorang ibu dan seorang anak perempuan. Disini juga dapat dilihat dimana sang ayah yang bekerja sebagai seorang pemandu bas, sang ibu seorang suri rumah dan sang anak pula sudah bekerja serta mempunyai penampilan yang mampu menarik perhatian pemuda di kampung tersebut. Kisah ini bermula pada rangkap kedua pantun yang menceritakan tentang kepulangan seorang anak dari tempat kerja yang mendapati ketiadaan sosok ibunya dirumah walhal ketika itu sudah lewat petang namun kelibat sosok ibunya tidak dijumpai. Mahu mengatakan ibunya keluar bekerja tidak mungkin kerana ibunya seorang suri rumah sahaja. Lalu sang anak pun bertanyakan kepada jiran berdekatan tentang keberadaan ibunya, namun jawapan yang diterima itu tidak sama yang ada difikirkannya. Hal ini kerana, jirannya juga tidak tahu keberadaan ibunya ditambah pula dengan kedudukan rumahnya yang jauh dari kejiranan yang membuatkan dia semakin risau dan bimbang terhadap ibunya.

Sekembalinya sang anak ke rumah bersama jirannya tadi, tiba-tiba dia melihat sosok sang ibu yang berada di dapur sedang mencuci pinggan, lalu menanyakan langsung kepada ibunya tentang pencariannya seketika tadi.

Ibunya pula menjawab bahawa ibunya sememangnya sedang berada di dapur dan tidak keluar kemana-mana. Sang anak serta jirannya turut berasa hairan dan musykil terhadap ibunya yang tiba-tiba menghilang dan tiba-tiba muncul dalam detik masa yang sangat cepat. Bukan itu sahaja, kisah ini diteruskan pada rangkap ketiga pantun yang menceritakan tentang kekeliruan yang dihadapi oleh jirannya yang sering kali memikirkan peristiwa tersebut dari siang ke malam. Lalu, dia pergi berjumpa dengan seorang Tok Guru dan menceritakan hal sebenar melalui peristiwa yang menghantui hidupnya dengan jelas dan tepat. Melalui rangkap keempat, mengisahkan tentang kebenaran yang diketahui oleh Tok Guru berdasarkan penerangan yang diterangkan oleh seorang jiran. Tok Guru tersebut mengatakan bahawa sang ibu itu mempunyai saka yang mendampingi hidupnya. Saka tersebut mempunyai rupa seakan harimau dan tersangatlah besar ukurannya berbanding dengan bentuk badan manusia biasa serta mempunyai kelebihan untuk bergerak laju dan cepat dari detik masa yang singkat walaupun jarak tempat yang jauh. Jiran yang mendengarkan penjelasan Tok Guru tersebut berasa sangat gerun dan meremang bulu romanya. Walaubagaimanapun, jiran tersebut hanya mampu mendengar penjelasan Tok Guru tersebut tetapi tidak mampu untuk berbuat apa-apa tindakan dan sama ada mahu percaya ataupun tidak tentang perkara tersebut.

Pengakhiran dari kisah tersebut dapat dilihat melalui rangkap terakhir pantun, dimana sang anak yang mempunyai firasat terhadap sang ibu yang memiliki saka, lalu dia mengatakan bahawa ibunya menggunakan saka tersebut bertujuan untuk memerhatikan ayahnya yang bekerja jauh. Sang anak pula berasa takut untuk bersemuka dan bertanyakan perkara sebenar kepada ibunya. Keesokkan harinya, sang anak mengajak ibunya untuk pergi membuang saka tersebut sebelum diketahui oleh orang kampung yang lain.

Maka berakhirlah kisah tersebut, dimana keluarga tersebut telah pergi dari kampung tersebut dan hilang entah kemana tanpa khabar berita. Melalui kisah mistik yang diperkatakan tadi iaitu tentang seorang wanita yang menggunakan saka belaan untuk memerhati suaminya yang bekerja jauh telah membuktikan bahawa kepercayaan terhadap pengamalan alam ghaib mampu membantu manusia dalam memenuhi keinginan mereka dan sering diamalkan oleh masyarakat dahulu kala. Walaubagaimanapun, cerita tersebut dianggap mistik kerana dipercayai oleh masyarakat pada zaman dahulu dan dilalui oleh masyarakat zaman tersebut dan terdapatnya unsur kepercayaan terhadap pengamalan alam ghaib yang masih juga digunakan pada zaman kini oleh segelintir masyarakat kampung yang tinggal di kawasan pedalaman.

Menerusi pemahaman terhadap kisah mistik yang diceritakan dalam pantun tersebut adalah berkaitan dengan kepercayaan terhadap pengamalan alam ghaib. Kepercayaan tersebut sering diamalkan oleh masyarakat dahulu kala dimana mereka mengatakan kepercayaan perkara tersebut dapat membantu mereka dalam melakukan beberapa hal yang mustahil untuk dilakukan oleh manusia. Ilmu yang digunakan oleh pengamal alam ghaib atau makhluk ghaib dapat diterjemahkan dengan kata ilmu hitam iaitu ilmu ghaib yang digunakan bagi menjatuhkan seseorang bagi kepentingan sendiri. Pengamal alam ghaib sering meminta pertolongan dari pendampingnya demi mendapatkan pertolongan seperti saka, jin, bunian dan seumpamanya. Namun begitu, disebaliknya ia merupakan satu perbuatan yang sangat bertentangan dengan agama Islam dimana ia boleh dikatakan syirik atau tahyul. Di samping itu, pemahaman masyarakat dahulu terhadap perkara-perkara syirik ini jauh beza dengan masyarakat sekarang. Hal ini kerana, dapat dilihat mereka sangat bergantung terhadap makhluk ghaib dalam meminta pertolongan berbanding meminta pertolongan dari Allah S.W.T. Dengan keadaan yang sedemikian,

masyarakat dahulu perlu diberi pendedahan terhadap perkara-perkara yang mengkufuri pertolongan Allah S.W.T agar mereka dapat membezakan terhadap perkara yang diperintah dan dilarang oleh Allah S.W.T.

Lantaran itu, kepercayaan terhadap pengamalan alam ghaib ini menegaskan masyarakat untuk sentiasa mengamalkan sikap berdo'a. Do'a bermaksud permintaan atau rayuan kepada Tuhan yang diucapkan oleh seseorang yang percaya kepada Tuhan mengikut kepercayaan agama masing-masing, (Kamus Dewan, 2015). Kepada masyarakat yang beragama Islam, kebiasaan mereka dalam meminta pertolongan dari Allah S.W.T. seharusnya untuk mengangkat kedua-dua belah tapak tangan ke atas dengan menghadap kiblat. Selalunya perkara tersebut berlaku ketika mereka selesai menjalankan ibadah solat di rumah mahupun di masjid. Menurut Sherly Mudak (2017), mengatakan bahawa berdo'a merupakan peranan penting kepada masyarakat dalam menjalani kehidupan yang sentiasa diberkati oleh Allah S.W.T. Hal ini kerana, berdo'a merupakan sebahagian dalam hidup masyarakat yang beragama. Sekiranya mereka tidak melakukannya, mereka beranggapan bahawa hidup mereka serba tidak mencukupi. Maka sikap tersebut perlu diamalkan oleh semua lapisan masyarakat tidak kira umur, pangkat, bangsa, agama dan sebagainya. Hal ini kerana, untuk mengelakkan masyarakat yang sentiasa bergantung dengan pertolongan makhluk ghaib dalam meminta sesuatu. Walaupun seseorang itu tidak memiliki ilmu agama yang tinggi tetapi mereka juga perlu mengamalkan sikap berdo'a agar dapat menunjukkan sikap rendah diri, patuh dan taat terhadap perintah atau suruhan Allah S.W.T. Oleh itu, sikap berdo'a ini harus dititiberatkan dalam kehidupan seharian masyarakat agar mereka dapat memperbaiki diri melalui cara memohon kemaafan dan pertolongan daripada-Nya.

4.2.4 Masyarakat Yang Mempercayai Pantang Larang

Pantang larang merupakan satu larangan yang tidak boleh dilakukan sesuka hati kerana akan mendapat bala atau balasan sekiranya mengingkari larangan tersebut. Pantang larang juga wujud dalam masyarakat dahulu kala namun masih dipercayai oleh masyarakat masa kini (Kamus Dewan, 2015). Kadang kala pantang larang tersebut ada yang boleh dipercayai dan ada juga yang tidak patut dipercayai kerana ia dapat dikaitkan dengan adat dan budaya warisan masyarakat setempat. Menurut Nur Diana Zamani (2018) berkata, pantang larang merupakan peraturan hidup yang diterima secara lisan oleh masyarakat setempat dalam menjalani kehidupan seharian. Menurut Hasmdia Hassan (2018) pula, pantang larang merupakan satu kepercayaan masyarakat dahulu yang berkaitan dengan alam sekitar dan kejadian alam yang bersifat sebab dan akibat.

Melalui transkripsi pantun Melayu yang bertajuk *Pemujaan Pantai* yang terdapat dalam teks *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pangkalan Datu, Kelantan*, kita dapat melihat masyarakat yang mempercayai pantang larang. Di bawah merupakan pantun keempat yang memperlihatkan unsur tersebut:

Sebuah kampung sangat terkenal,
Lautan dalam menjadi tumpuan;
Pantang larang jangan ditinggal,
Tradisi sebelum turun ke lautan.

Musim tengkujuh para nelayan,
Mencari rezeki dan juga hasil;
Perlu bersungguh mendayung sampan,
Hasil dinanti akan terkumpul.

Sangat berani ketika dilaut,
Menangkap hasil sumber rezeki;
Pesanan diingati sekumpulan sahabat,
Jangan ditinggal perlu dipatuhi.

Tradisi masyarakat di dahulu kala,
Jika tak diikuti syarat yang diberi;
Tujuh hari berturut pantai dipuja,
Maka berduka hati bala yang menanti.

Kerbau putih disembelih seekor,
Didalam sampan perlu dihanyut;
Syarat dipatuh jangan ingkar,
Adat pemujaan kepercayaan masyarakat.

(Siti Wahdaniyah Binti Azeli, 2023)

Berdasarkan rentetan pantun yang menceritakan tentang peristiwa yang berlaku dalam kisah *Pemujaan Pantai* yang membuktikan bahawa kepercayaan terhadap pantang larang itu adalah wujud dalam kehidupan seharian masyarakat pada zaman dahulu. Melalui kisah mistik yang ditunjukkan dalam pantun tersebut telah menceritakan tentang sebuah kampung yang mengamalkan pantang larang dalam kehidupan. Disini dapat dilihat melalui rangkap pertama yang mengisahkan tentang sebuah kampung yang sangat terkenal dengan aktiviti nelayan dan mampu menjadi tarikan kepada penduduk kampung untuk membuat aktiviti sukan air di pesisiran pantai. Di kampung tersebut juga ada memberitahu bahawa terdapatnya pantang larang yang perlu diikuti sebelum turun ke laut untuk menjalani aktiviti nelayan. Kisah ini bermula pada rangkap kedua pantun yang menceritakan tentang para nelayan akan turun ke lautan setelah berakhirnya musim tengkujuh dengan mendayung sampan. Hal ini kerana, perbuatan tersebut perlu dilaksanakan demi mencari dan mendapatkan sumber makanan dan hasil lautan untuk dijadikan bahan untuk aktiviti jualan dan kelangsungan hidup.

Kisah ini diteruskan pada rangkap ketiga pantun, di mana terdapat sekumpulan sahabat yang sangat berani untuk menjalankan aktiviti nelayan di tengah lautan demi mencari rezeki yang halal dan mampu untuk memenuhi keperluan kehidupan seharian mereka. Namun demikian, mereka juga sering

kali diingati oleh seorang pawang agar sentiasa mengingati dan mengikuti perasaan yang diberikan iaitu berkaitan dengan pantang larang sebelum turun kelautan selepas berakhirnya musim tengkujuh. Kisah tersebut tidak berakhir disitu sahaja, malah dilanjutkan pada rangkap keempat pantun yang menceritakan tentang tradisi masyarakat pada zaman dahulu kala terhadap pantang larang yang sudah menjadi amalan dan kebiasaan mereka untuk diamalkan iaitu pemujaan pantai. Pemujaan pantai tersebut perlu dilakukan selama tujuh hari berturut-turut sepanjang siang dan malam. Sekiranya perkara tersebut tidak diikuti dan diamalkan, maka bala atau perkara buruk akan menimpa mereka seperti sampan atau kapal yang dinaiki mereka akan terbalik dan tidak akan memperolehi hasil laut.

Pengakhiran kisah tersebut dapat dilihat melalui rangkap terakhir pantun, dimana ia menceritakan tentang cara-cara atau proses-proses berjalannya proses pemujaan pantai yang dikendalikan oleh seorang pawang yang dikenali sebagai Tok Kenali. Proses tersebut bermula dari menyembelih seekor kerbau berwarna putih, lalu dibahagikan kepada beberapa bahagian dan akhir sekali perlu meletakkan bahagian tersebut kedalam sampan terlebih dahulu sebelum dihanyutkan ke laut. Perkara tersebut perlu dilakukan adalah sebagai tujuan untuk diberikan kepada penunggu laut agar tidak berlakunya sebarang perkara yang tidak diinginkan berlaku keatas mereka. Melalui kisah mistik yang diperkatakan tadi iaitu tentang sebuah kampung yang mengamalkan pantang larang dalam kehidupan telah membuktikan bahawa kepercayaan terhadap pantang larang mampu membantu masyarakat untuk mengelakkan perkara buruk daripada berlaku keatas mereka. Walaubagaimanapun, ia juga dapat dikaitkan dengan adat dan budaya masyarakat zaman dahulu kala dalam mempercayai sesuatu kepercayaan yang sudah diamal sejak lama.

Menerusi rentetan pantun melayu tersebut, telah membuktikan adanya pantang larang dalam kehidupan masyarakat pada ketika itu. Pantang larang tersebut perlu diikuti bagi memenuhi syarat yang ditetapkan sebelum melakukan sesuatu perkara. Jika mengingkari pantang larang tersebut, maka sesuatu yang buruk akan berlaku terhadap mereka. Apa yang ingin ditegaskan kepada masyarakat melalui kepercayaan pantang larang ini adalah penting untuk mereka ikuti dalam masa yang sama dapat mengelakkan mereka dari di timpa musibah atau bala. Ikut merupakan kata turut serta dalam melaksanakan sesuatu perintah atau arahan, (Kamus Dewan, 2015). Sekiranya mereka tidak mengikuti perintah atau arahan yang dikatakan bermaksud mereka derhaka terhadap orang yang mengarahkan tugas tersebut. Pantang larang pula bermaksud kebiasaan masyarakat dalam mengekalkan adat dan budaya dalam kehidupan seharian, (Kamus Dewan, 2015). Jika di lihat dalam aspek lain, pantang larang sebenarnya boleh diterima dalam pemikiran logik masyarakat walaupun di dalam Islam ia dikategorikan dalam sifat khurafat atau tahyul. Tetapi tidak dipermasalahkan jika diamalkan dalam kehidupan seharian dengan tujuan untuk mendidik atau mengekalkan adat resam masyarakat tanpa menyalahi akidah Islam, (Norazimah Zakariah, 2020).

Maka apa yang dapat dirumuskan bahawa pantang larang merupakan satu perkara yang sangat diikuti oleh masyarakat zaman dahulu. Hal ini demikian kerana, setiap pantang larang yang dilakukan adalah benar dan tidak menunjukkan sebarang penipuan atau hanya sekadar kata-kata. Sekiranya seseorang itu tidak melakukan syarat pantang larang yang dikemukakan maka mereka akan menerima nasib yang malang dalam hidup mereka. Apabila seseorang itu melakukan syarat yang telah ditetapkan dalam pantang larang tersebut maka mereka akan hidup dalam keadaan yang aman dan damai. Misalnya, mereka tidak percaya terhadap pantang larang yang diberitahu itu

mereka tidak memperolehi apa-apa kerana haram jika mereka mengamalkan perkara tersebut. Oleh itu, melalui kepercayaan terhadap pantang larang tersebut telah membuka mata masyarakat terhadap kesan yang diperolehi jika mereka mengamalkan perkara tersebut.

Sehubungan dengan itu, pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang (1989), telah digunakan dalam melihat unsur kepercayaan yang terdapat dalam pantun Melayu yang dipilih. Hal ini dikatakan demikian kerana, Pendekatan Firasat telah berfungsi sebagai suatu kejadian alam yang boleh menghasilkan pengalaman hidup serta kejadian-kejadian yang dialami dalam mimpi seseorang, (Hashim Awang, 1994). Firasat dikatakan suatu kejadian yang melibatkan kepercayaan seseorang sama ada mempercayainya mahupun tidak. Buktinya dapat dilihat menerusi unsur kepercayaan yang terkandung dalam pantun Melayu dimana ia dapat memberi gambaran kepada masyarakat terhadap kepercayaan masyarakat pada ketika itu. Oleh itu, menerusi pantun Melayu yang bertajuk *Kubang Dek*, *Disorok Jin*, *Jelmaan Saka Harimau* dan *Pemujaan Pantai* yang mengandungi unsur kepercayaan tersebut telah memberi satu pemikiran yang luas kepada masyarakat sekaligus dapat menepis pemikiran yang negatif terhadap kepercayaan masyarakat zaman dahulu yang terkandung dalam pantun Melayu.

4.3 UNSUR PERUBATAN

Perubatan boleh ditakrifkan sebagai proses rawatan yang dijalankan oleh seseorang yang berkemahiran dalam bidang perubatan atau sains terhadap pesakit yang menghidap pelbagai jenis penyakit sama ada turun temurun mahupun berjangkit. Rawatan yang dijalankan itu serba sedikit dapat mencegah penyakit sebelum ia semakin berlarutan dan membawa maut (Nik Musa'adah Mustapha, 2017). Ilmu perubatan ini telah lama wujud sejak zaman nenek moyang lagi berdasarkan bidang atau kemahiran yang dimiliki oleh seseorang yang juga dapat dikaitkan dengan kepercayaan dan kebudayaan sesuatu bangsa atau etnik (Kamus Dewan, 2015). Selain itu, perubatan mempunyai dua jenis iaitu perubatan tradisional dan perubatan moden. Perubatan tradisional ini dapat dihubungkan dengan penggunaan unsur alam, pengamalan alam ghaib, kepercayaan terhadap bomoh atau pawang dan banyak lagi (Abdul Hayat Mat Saad, 2017). Manakala, perubatan moden pula dapat dihubungkan dengan penggunaan teknologi tinggi dan canggih berdasarkan perubahan zaman dan juga terdapat juga banyak pusat-pusat perubatan yang dibangunkan bagi memudahkan penduduk untuk mendapatkan rawatan dengan lebih cepat. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan tentang unsur perubatan terhadap bomoh, pemujaan, tokoh perubatan dan bidan kampung. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan tentang perkhidmatan bomoh siam, pemujaan makhluk halus, kepakaran tokoh perubatan dan perkhidmatan bidan kampung.

4.3.1 Perkhidmatan Bomoh Siam

Bomoh merupakan ahli perubatan tradisional yang telah wujud sejak zaman nenek moyang lagi dengan menggunakan bantuan tumbuh-tumbuhan, herba-herba kampung dan bintang. Sekiranya dengan bantuan alam tidak dapat membantu dalam merawat penyakit, bomoh tersebut akan menggunakan

bantuan makhluk halus seperti jin, saka, alam ghaib dan sebagainya sebelum kedatangan Islam pada ketika itu, (Azlina Musa, 2013). Tetapi pengamalan bomoh ini masih digunakan oleh masyarakat masa kini kerana kepercayaan mereka terhadap bomoh lebih tinggi berbanding Maha Pencipta bagi mereka yang tidak mempunyai pegangan agama yang kuat. Selain kata bomoh ada juga kata lain yang digunakan iaitu pawang atau dukun berdasarkan bangsa atau etnik yang menggunakan kata tersebut, (Kamus Dewan, 2015).

Melalui transkripsi pantun Melayu yang bertajuk *Kehebatan Bomoh Siam* yang terdapat dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pangkalan Datu, Kelantan*, kita dapat melihat perkhidmatan bomoh siam. Di bawah merupakan pantun lima yang memperlihatkan unsur tersebut:

Rumah bomoh didalam hutan,
 Dari Siam merawat penyakit;
 Cari bomoh ilmu perubatan,
 Mulut diam mengubat pesakit.

Bomoh terkenal dengan ilmu perubatan,
 Merawat pesakit melalui kaedah nadi;
 Dapat mengawal segala penyakit,
 Getaran penyakit dapat dikesani.

Kesusahan hidup di hujung kampung,
 Hidup bahagia rumah tangga terbentuk;
 Isteri menghidap suami yang bingung,
 Sering ketawa penyakit pelik.

Terjumpa bomoh giragnya hati,
 Membawa isteri pergi berubat;
 Gunakan kaedah penawar diberi,
 Sangat mensyukuri rawatan hebat.

(Siti Wahdaniyah Binti Azeli, 2023)

Berdasarkan rentetan pantun yang menceritakan tentang peristiwa yang berlaku dalam kisah *Kehebatan Bomoh Siam* yang membuktikan bahawa perubatan tradisional yang menggunakan bomoh itu sangat berguna dalam

kehidupan seharian masyarakat pada zaman dahulu. Melalui kisah seorang bomoh yang ditunjukkan dalam pantun tersebut telah menceritakan tentang wujudnya penggunaan bomoh dalam perubatan. Disini dapat dilihat melalui rangkap pertama pantun yang mengisahkan tentang wujudnya seorang bomoh yang berasal dari Siam dan tinggal di kawasan pedalaman kampung. Bomoh tersebut dikenali sangat terkenal dalam kalangan masyarakat kerana beliau mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam ilmu perubatan serta mampu merawat pelbagai jenis penyakit yang dihadapi oleh masyarakat kampung pada ketika itu. Diteruskan pada rangkap kedua pantun yang menceritakan tentang kebolehan bomoh dalam merawat penyakit dengan hanya menggunakan kaedah nadi iaitu dengan mengetahui getaran penyakit yang dialami oleh pesakit dan penyakit tersebut dapat disembuhkan dalam masa sekelip mata sahaja tanpa meninggalkan kesan sampingan. Kisah kesusahan hidup masyarakat diceritakan pada rangkap ketiga pantun dimana mereka sangat bahagia dan bersyukur dengan adanya rumah tangga yang sentiasa memahami antara satu sama lain. Terdapat pasangan suami isteri yang tinggal di hujung kampung, mereka sangat bahagia hidup bersama tetapi masih tidak mempunyai zuriat yang boleh dijadikan pewaris.

Namun, segala kebahagiaan yang dihadapi oleh pasangan tersebut berubah dalam sekelip mata apabila sang isteri telah menghidap penyakit pelik. Sang suami pula sangat bingung dan bimbang terhadap keadaan sang isteri yang sering ketawa seorang diri tanpa ada sebab yang diketahuinya. Kisah ini berakhir pada rangkap terakhir pantun dimana telah diceritakan kisah sang suami yang sangat gembira kerana telah berjumpa dengan seorang bomoh yang mempunyai kebolehan dalam mengubati penyakit sang isteri. Bomoh tersebut telah menggunakan kaedah yang diketahuinya dalam merawat penyakit pelik sang isteri serta telah memberi air penawar kepadanya bagi

membantu penyembuhan penyakit. Sang suami sangat bersyukur atas bantuan yang diberikan oleh bomoh tersebut atas rawatan yang hebat. Melalui kisah bomoh yang diperkatakan sebentar tadi iaitu tentang seorang bomoh yang membantu masyarakat kampung yang menghidap penyakit pelik telah membuktikan bahawa penggunaan bomoh dalam perubatan sangat berguna pada ketika itu. Hal ini kerana, teknologi pada zaman dahulu tidak canggih seperti masa kini yang mengakibatkan masyarakat pada zaman dahulu hanya bergantung kepada bomoh dalam merawat penyakit. Walaubagaimanapun, ia masih digunakan oleh masyarakat masa kini yang tinggal di kawasan pedalaman.

Menerusi kefahaman berdasarkan rentetan dari pantun Melayu tersebut yang ada menyebutkan tentang perubatan dengan menggunakan bomoh. Perubatan tersebut sering digunakan oleh masyarakat dahulu kala di mana kawasan petempatan mereka sangat jauh dengan kawasan yang mempunyai kemudahan lengkap perubatan seperti hospital, klinik, farmasi dan banyak lagi. Oleh itu, mereka hanya bergantung kepada bomoh dalam merawat segala jenis penyakit. Penggunaan bomoh dalam perubatan tidak salah diamalkan sekiranya ia tidak melanggar hukum syarat agama. Hal ini kerana, kebanyakan bomoh hanya bergantung kepada ubat-ubatan tradisional yang dihasilkan menggunakan hidupan semula jadi sama ada pokok, herba, haiwan dan sebagainya. Berdasarkan pendapat daripada Arba'iyah Mohd Noor (2018), mengatakan bahawa perubatan yang menggunakan perkhidmatan bomoh dianggap sebagai individu yang mempunyai kemampuan dalam berkomunikasi dengan makhluk ghaib atau kuasa ghaib semasa melakukan proses pengubatan. Mengikut pandangan masyarakat masa kini, mereka beranggapan bahawa semua bomoh menggunakan ilmu ghaib dalam perubatan. Hal ini tidak boleh dinafikan kerana mereka sememangnya akan menggunakan bantuan

mahluk ghaib dalam perubatan untuk memudahkan dia untuk mengesan penyakit yang dihadapi penduduk tersebut. Tetapi ada juga bomoh yang menggunakan pertolongan dari Allah S.W.T. dalam mencari ikhtiar untuk merawat penyakit yang dialami oleh penduduk kampung. Oleh itu, kita tidak boleh untuk beranggapan sedemikian kerana bomoh yang memiliki ilmu perubatan yang tinggi mampu untuk mengawal dalam penggunaan mahluk ghaib agar mereka tidak melanggar hukum agama.

4.3.2 Pemujaan Makhluk Halus

Pemujaan lebih dikenali dengan kata penyembahan sesuatu makhluk dalam mendapatkan pertolongannya oleh masyarakat dahulu kala. Jika dilihat melalui pemikiran masyarakat dahulu kala, pemujaan sering kali digunakan dalam membantu menghidupkan semula manusia yang telah mati melalui kesaktian seseorang dalam memanggil roh si mati, (Syaimak Ismail, 2020). Walaubagaimana pun, pemujaan tersebut masih digunakan sehingga hari ini kerana terdapatnya kepercayaan manusia terhadap bantuan makhluk halus dalam memenuhi keinginan mereka sama ada mereka beragama Islam mahupun bukan. Pemujaan tersebut pula dikendalikan oleh seorang bomoh, pawang, dukun atau ahli perubatan tradisional yang mempunyai kemahiran yang tinggi dalam mengawal proses tersebut, (Muhammad Saiful Islam Ismail, 2020).

Melalui transkripsi pantun Melayu yang bertajuk *Pemujaan Tok Mekong* yang terdapat dalam teks *Seuntai Nartif Lisan di Lembangan Sungai Pangkalan Datu, Kelantan*, kita dapat melihat pemujaan makhluk halus. Di bawah merupakan pantun enam yang memperlihatkan unsur tersebut:

Sebuah keluarga dihujung kampung,
Jelita dan manis si anak gadis;
Hidup bersama sentiasa mendorong,
Lembut dan tangkas walau menangis.

Serumpun buluh ditengah hutan,
Nampak menarik segera dicantas;
Cecair merah bukan buatan,
Sesuatu pelik tidak terhakis.

Pawang dipanggil untuk perubatan,
Jampi dibaca sembur ke muka;
Semangat dipulih perlu pemujaan,
Tok Mekong ada sihatlah semula.

Sebelum merosak alam semesta,
Meminta izin terlebih dahulu;

Sebelum mendesak sesuatu benda,
Jadikan pengajaran perkara yang lalu.

(Siti Wahdaniyah Binti Azeli, 2023)

Berdasarkan rentetan pantun yang menunjukkan tentang peristiwa yang berlaku ketika *Pemujaan Tok Mekong* yang membuktikan bahawa proses pemujaan itu adalah wujud dalam kehidupan seharian masyarakat pada zaman dahulu. Pada rangkap pertama, menceritakan tentang sebuah keluarga yang tinggal di hujung kampung dan mereka hidup dalam keadaan yang damai walaupun pada hakikatnya mereka sangat susah. Keluarga tersebut terdiri dari seorang ayah yang dikenali sebagai Pak Mat dan seorang ibu yang dikenali sebagai Mak Nah serta seorang anak perempuan yang jelita dan manis yang dikenali sebagai Mawar. Mereka membesarkan anaknya dengan didikan yang baik seperti menatang minyak yang penuh. Walaupun anaknya seorang gadis yang jelita dan manis tetapi dia juga sangat tangkas dalam melakukan aktiviti lasak dan ganas. Pada rangkap kedua pula, menceritakan tentang Mawar dan ayahnya pergi ke hutan untuk mencari kayu api yang boleh dijadikan sebagai bahan jualan dan kegunaan masakan. Ditengah hutan tersebut, Mawar terjumpa serumpun buluh yang sangat pelik dan lebih besar berbanding buluh yang lain. Disebabkan buluh tersebut nampak menarik, tanpa berfikir panjang Mawar terus mencantas buluh tersebut. Namun demikian, buluh yang ditangkas tersebut tidak sedikit pun terhakis. Lalu, buluh tersebut mengeluarkan cecair merah seperti darah semula jadi apabila dia tidak berhenti mencantas. Dalam masa yang sama, Mawar terus menjerit dan pengsan di situ juga.

Pada rangkap ketiga pula, menceritakan tentang sang ayah memanggil seorang pawang untuk merawat anaknya yang berubah menjadi seseorang yang tidak mengenali diri sendiri setelah bangun dari pengsan semasa

mencantas buluh pelik. Pawang tersebut dikenali sebagai Pawang Dol yang mampu mengubat pelbagai jenis penyakit. Dengan membaca jampi serapah lalu disemburkan ke muka Mawar, Mawar terus menggelupur kesakitan. Dalam masa yang sama, ayahnya menceritakan segala yang berlaku terhadap Mawar dan pawang tersebut pula tidak bersetuju atas tindakan yang dilakukan oleh Mawar terhadap alam sekitar yang dirosakkan secara sesuka hati. Oleh itu, pawang tersebut menyarankan untuk melakukan pemujaan Tok Mekong demi meningkatkan semula semangat Mawar dan sihat seperti sedia kala. Pada rangkap terakhir pula, menceritakan tentang proses pemujaan untuk perubatan. Proses pemujaan tersebut perlu mengikut syarat-syarat yang ditetapkan iaitu perlu menyediakan ayam putih dan kambing putih oleh Pak Mat sekeluarga agar proses tersebut dapat berjalan dengan lancar. Oleh itu, pengajaran yang diperolehi dalam pantun tersebut ialah perlu meminta izin terlebih dahulu kepada kepunyaan barang, benda atau kawasan sebelum melakukan sesuatu keatasnya.

Berdasarkan rentetan pantun Melayu tersebut, telah membuktikan adanya pemujaan makhluk halus dalam perubatan tradisional pada dahulu kala. Pemujaan tersebut sangat diperlukan dalam perubatan untuk memanggil makhluk halus dalam membantu proses merawat penyakit. Dalam pemujaan tersebut ada juga dimasukkan unsur mantera sebagai jampi untuk memanggil makhluk halus tersebut. Mantera merupakan sebuah kata yang diucapkan dalam bentuk berirama yang dapat menimbulkan kuasa ghaib, (Kamus Dewan, 2015). Menurut Ahmad Fazli Shafie (2016), mengatakan bahawa mantera mempunyai kaitan rapat antara jiwa dan kepercayaan masyarakat. Hal ini kerana, ia telah dianggap setaraf dengan ilmu perubatan moden iaitu doctor dimana ia sama-sama dapat merawat pelbagai jenis penyakit. Menurut Mohd Nizam Sahad (2016), mengatakan bahawa mantera berfungsi untuk merawat

penyakit melalui satu upacara yang dilakukan oleh bomoh dengan menggunakan beberapa bahan seperti air, garam, keris, daun kayu dan banyak lagi. Tambahan pula, ada juga menggunakan ayat suci Al-Quran seperti lafaz bismillah, azan, surah-surah pendek dan sebagainya yang bertujuan untuk memanggil makhluk ghaib dalam membantu semasa perawatan. Melalui kisah pemujaan makhluk halus yang diperkatakan dalam pantun Melayu iaitu tentang proses pemujaan dalam perubatan yang diamalkan oleh masyarakat kampung ketika itu. Hal ini kerana, proses pemujaan itu dapat disamakan dengan proses solat hajat yang sering diamalkan oleh masyarakat yang memiliki ilmu agama yang tinggi. Walaubagaimanapun, ia masih digunakan oleh masyarakat masa kini yang tinggal di kawasan pedalaman tetapi masih tidak melanggar hukum syarak.

4.3.3 Kepakaran Tokoh Perubatan

Tokoh perubatan merupakan seseorang yang memiliki ilmu yang tinggi dalam sesuatu bidang perubatan yang mempunyai khusus kepakaran yang tersendiri dan sering kali dijadikan contoh kepada masyarakat akan kelebihan yang dimilikinya. Kelebihan yang dimilikinya itu pula tidak semua orang dapat mengetahui dan mahir dalam menggunakan kepakaran tersebut, (Kamus Dewan, 2015). Dalam konteks perubatan tradisional, ia lebih kepada kepakaran seorang bomoh atau pawang yang mahir dalam penggunaan ilmu sains yang berhubungkait dengan unsur alam sekitar. Dalam konteks perubatan moden pula, ia lebih kepada kepakaran seorang doktor atau jururawat yang mahir dalam penggunaan ilmu sains yang berhubungkait dengan teknologi canggih, (Nizaita Omar, 2006).

Melalui transkripsi pantun Melayu yang bertajuk *Che Deraman* yang terdapat dalam teks *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pangkalan Datu, Kelantan*, kita dapat melihat kepakaran tokoh perubatan. Di bawah merupakan pantun tujuh yang memperlihatkan unsur tersebut:

Sendirian rumah didalam kampung,
Kerjaya diberi bawah pemerintahan;
Seorang tokoh dan juga pawang,
Senang dikenali Che Deraman.

Tersangat akur dan disenangi,
Sering membantu masyarakat bermasalah;
Sentiasa bertegur tanpa mengabai,
Masyarakat bersatu tanpa berbalah.

Sedang berehat di depan rumah,
Di bawah pokok sambil berlunjur;
Bijak menasihati tanpa bermusuhi,
Profesional dan baik cara menegur.

Di serang penyakit segera dirawati,
Penduduk membalas tanpa keraguan;
Handal merawat juga menghakimi,
Bantuan ikhlas tanpa balasan.

(Siti Wahdaniyah Binti Azeli, 2023)

Berdasarkan rentetan pantun yang menceritakan tentang peristiwa yang berlaku terhadap *Che Deraman* yang membuktikan bahawa tokoh perubatan itu adalah wujud pada ketika itu. Pada rangkap pertama, menceritakan tentang seorang tokoh dan juga seorang pawang yang sangat dikenali ramai dan memiliki gelaran Che Deraman. Beliau tinggal seorang diri di sebuah kampung dan sangat disanjung oleh penduduk kampung tersebut. Beliau juga merupakan seorang laksamana yang dahulunya bekerja di bawah pemerintahan raja. Pada rangkap kedua pula, menceritakan tentang ciri-ciri Che Deraman dimana beliau sangat akur dalam melaksanakan tugasnya sebagai laksamana dan juga sangat disenangi oleh penduduk kampung kerana beliau sangat ringan tangan dalam membantu masyarakat ketika dalam masalah. Selain itu, beliau juga sering bertegur sapa dengan masyarakat setempat tanpa mengabaikan seorang pun dan melayan mereka dengan baik. Masyarakat juga tidak segan silu untuk bersatu dalam hidup bermasyarakat daam ada sedikit perbalahan yang berlaku walaupun masalah sebesar zarah mereka tetap akan menyelesaikan masalah tersebut denga baik.

Pada rangkap ketiga pula, menceritakan tentang situasi dimana Che Deraman yang sedang berehat di pondok yang terletak dihadapan rumahnya sambil berlunjur kaki. Lalu terdengar suara pergaduhan yang melibatkan kesalahfahaman antara dua pendudukan. Beliau dengan bijak dan profesional terus membantu dalam meleraikan pergaduhan tersebut dan menasihati mereka agar tidak bermusuhan antara satu sama lain. Cara beliau menegur dengan cara yang sangat baik itu mendapat contoh dan tauladan yang baik dalam masyarakat. Pada rangkap terakhir pula, menceritakan tentang seorang

penduduk yang sedang di serang penyakit yang memerlukan rawatan daripada Che Deraman. Beliau terus merawat luka yang dialami oleh penduduk tersebut tanpa membuang masa mereka. Lalu, penduduk tersebut pula tanpa ada keraguan untuk membayar upah kepada beliau walau pun tidak diminta olehnya. Beliau sangat handal dalam merawat pelbagai jenis penyakit dan juga sangat arif dalam menghakimi pelbagai masalah yang menimpa penduduk kampung. Beliau juga sangat ikhlas dalam segala bantuan yang diberikan tanpa meminta balasan.

Menerusi rentetan pantun yang dikemukakan, dalam segala hal yang berkaitan dengan aspek-aspek kebaikan memiliki contoh atau teladan yang baik dari seseorang yang mampu mempengaruhi orang lain. Erti kata lain lebih kepada orang yang mampu untuk mengubah pemikiran seseorang untuk menjadi lebih baik. Melalui pantun Melayu yang memaparkan kepakaran tokoh perubatan merupakan satu hal yang berkaitan dengan aspek perubatan. Hal ini dapat dilihat bagaimana seorang tokoh perubatan tersebut menjadi contoh dan teladan yang baik kepada masyarakat. Melalui pantun Melayu tersebut juga ada menunjukkan tentang sikap baik hati yang ditonjolkan oleh Che Deraman yang sangat bertimbang rasa terhadap masyarakat kampung. Hal ini demikian kerana, beliau sangat mementingkan ikatan persaudaraan antara masyarakat kampung walaupun beliau merupakan seorang tokoh perubatan tetapi beliau mampu untuk meleraikan perbalahan yang berlaku dalam masyarakat. Berdasarkan konteks tersebut, pengarang mengajak masyarakat untuk mempelajari sesuatu yang baharu berkaitan dengan kebaikan seseorang terhadap jasa seseorang itu akan diingat sampai bila-bila.

4.3.4 Perkhidmatan Bidan Kampung

Bidan kampung merupakan tugas seorang wanita dalam melindungi dan menjaga wanita lain sebelum, semasa dan selepas proses kelahiran. Bidan kampung tersebut juga memerlukan kepakaran, pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam amalan tersebut kerana ia berhubungkait dengan teori, kepercayaan dan pengamalan nenek moyang, (Kamus Dewan, 2015). Dalam konteks masyarakat Melayu, bidan kampung ini merupakan tugas yang sangat mulia dalam pandangan masyarakat setempat kerana ia membantu dalam menyelamatkan nyawa seseorang yang bertarung sakit antara hidup dan mati. Jika mengikut peredaran zaman, bidan kampung ini adalah ilmu yang telah diserap masuk ke dalam perkhidmatan kesihatan moden seperti klinik dan hospital yang dikendalikan oleh doktor-doktor pakar, (Suraini Rosli, 2018).

Melalui transkripsi pantun Melayu yang bertajuk *Bidan Tok Haji Esah* yang terdapat dalam teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pangkalan Datu, Kelantan*, kita dapat melihat perkhidmatan bidan kampung. Di bawah merupakan pantun lapan yang memperlihatkan unsur tersebut:

Menceritakan kisah cara mengubati,
Masyarakat di tolong tidak sombong;
Tok Haji Esah gelaran yang diberi,
Tinggal sendirian di Kampung Babong.

Wajah sudah di mamah usia,
Diberi kekuatan dan juga cekap;
Seorang yang ramah meski sudah tua,
Masih berkemampuan untuk bercakap.

Di tengah lautan sampan di dayung,
Di hujung kampung meraih pertolongan;
Kala kesakitan menjengah datang,
Bidan kampung mengawal keadaan.

Kebolehan bidan menyambut kelahiran,
Menjampi serapah turut diketahui;
Tanpa sumbangan dan juga upahan,
Bantuan di raih perilaku disukai.

(Siti Wahdaniyah Binti Azeli, 2023)

Berdasarkan rentetan pantun yang menceritakan tentang peristiwa yang berlaku dalam kisah *Bidan Tok Haji Esah* yang membuktikan bahawa bidan kampung itu adalah sangat diperlukan pada ketika itu. Pada rangkap pertama dan kedua, menceritakan tentang seorang bidan kampung yang dikenali sebagai Tok Haji Esah. Beliau tinggal bersendirian di Kampung Babong pada suatu masa dahulu. Beliau dikenali dengan sikap yang ramah dengan masyarakat sekitar dan tidak segan silu untuk menolong masyarakat kampung yang menimpa musibah. Beliau seorang yang memiliki rupa paras yang telah dimamah usia tetapi beliau masih mampu untuk bergaul dan berhibur dengan masyarakat kampung. Ada yang mengatakan beliau memiliki pendamping yang mengakibatkan beliau masih kuat dalam melakukan sesuatu perkara. Beliau juga memiliki kelebihan dalam ilmu perubatan terutama dalam bidang kelahiran tradisional. Biarpun beliau memiliki sosok tubuh tua tetapi masih ramai yang meminta pertolongan daripadanya kerana kecekapan beliau dalam mengubat penyakit. Pada rangkap ketiga dan keempat pula, menceritakan tentang kisah sepasang suami isteri yang tinggal dihujung kampung. Si suami dikenali sebagai Labu yang merupakan seorang nelayan, manakala si isteri dikenali sebagai Melati pula merupakan seorang suri rumah yang tengah sarat mengandung.

Pada suatu hari ketika si suami ketiadaan di rumah tak lain dan tak bukan adalah pergi ke lautan untuk mencari hasil laut untuk dijadikan sumber makanan kepada mereka, namun si isteri pula sedang menahan sakit yang teramat di bahagian perut ini menandakan tiba masa untuk kelahiran anak mereka. Si isteri sedang menangis sendirian di rumah tanpa si suami di sisi

ketika sakit datang menyerang ketika itu. Sudahlah bersendirian di rumah tambah pula kedudukan rumah mereka berada jauh dari kawasan kampung bertambah lagi kesukaran kepada si isteri untuk meminta pertolongan ketika itu. Nasib ketika itu menyebelahi si isteri, di mana kelibat Tok Haji Esah yang sedang berjalan-jalan berhampiran kediaman mereka. Lalu beliau memberi pertolongan segera kepada si isteri yang sudah rebah ke bumi sambil menangis menahan sakit. Tidak lama kemudian, anak mereka selamat dilahirkan dan si isteri mengucapkan terima kasih kepada Tok Haji Esah kerana telah menolong dia dari awal hingga akhir proses kelahiran berlangsung. Selain daripada menjadi bidan menyambut kelahiran secara tradisional, beliau juga turut mengetahui untuk jampi serapah dalam mengubati masyarakat ketika terkena sampuk makhluk ghaib. Beliau membantu masyarakat dengan ikhlas tanpa meminta sebarang sumbangan atau upah selepas berjaya mengubat penyakit yang dialami oleh masyarakat.

Menerusi kefahaman berdasarkan rentetan dari pantun Melayu tersebut ada menyebutkan tentang kelahiran bayi dengan menggunakan perkhidmatan bidan kampung. Perubatan tersebut masih digunakan sehingga hari ini oleh masyarakat yang tinggal di kawasan pedalaman. Hal ini kerana, mereka terpaksa menggunakan cara perubatan itu demi menyelamatkan nyawa seseorang yang sedang bertarung nyawa dalam melahirkan anak. Jika ingin mencari pusat perubatan seperti hospital, sangatlah jauh dari kawasan pedalaman yang berkemungkinan mengambil masa selama lebih dari 5 jam perjalanan dalam jarak lebih dari 100 kilometer. Hal ini akan membahayakan seseorang yang ingin melahirkan anak kerana perjalanan yang jauh. Oleh itu, mereka terpaksa menggunakan perkhidmatan bidan kampung dalam proses sebelum, semasa dan selepas kelahiran bayi agar lebih memudahkan mereka menjalani proses tersebut tanpa menempuh perjalanan yang jauh. Berdasarkan

pendapat daripada Azlizan Mat Enh (2018), mengatakan bahawa bidan kampung sangat diperlukan dalam kalangan masyarakat kerana ia mempunyai upah atau bayaran yang lebih murah berbanding dengan penggunaan bidan moden. Tambahan pula, penjagaan kesihatan selepas proses kelahiran juga lebih terjaga sekiranya masyarakat menggunakan perkhidmatan bidan kampung berbanding menggunakan perkhidmatan hospital. Melalui kisah bidan kampung yang diceritakan dalam pantun Melayu iaitu tentang proses kelahiran secara tradisional yang kian diamalkan oleh masyarakat kampung. Hal ini kerana, proses kelahiran cara tradisional lebih terjaga berbanding dengan yang moden. Walaubagaimanapun, masyarakat masa kini tidak kisah untuk memilih perkhidmatan yang mana dalam proses kelahiran kerana ia mempunyai cara yang lebih kurang sama cuma penggunaan teknologi sahaja yang berbeza.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan kepada rentetan tersebut yang bersesuaian dengan penggunaan Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang (1989). Hal ini dikatakan demikian kerana, Pendekatan Moral merupakan kejadian alam yang digunakan dalam membentuk satu pengalaman hidup masyarakat yang mampu memberikan manfaat atau kepentingan dalam kehidupan seharian masyarakat, (Hashim Awang, 1994). Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan unsur perubatan menerusi pantun Melayu yang bertajuk *Kehebatan Bomoh Siam, Pemujaan Tok Mekong, Che Deraman dan Bidan Tok Haji Esah*. Menerusi pantun Melayu tersebut, pengarang dapat memberitahu kepentingan ilmu perubatan dalam kehidupan seharian masyarakat di mana ia melibatkan kesihatan masyarakat sama ada secara tradisional mahupun moden. Hal ini dikatakan demikian kerana, hal-hal yang berkaitan dengan kesihatan tidak boleh dibuat main dimana segelintir penyakit mampu melibatkan nyawa seseorang seperti yang terdapat dalam

pantun Melayu yang bertajuk *Bidan Tok Haji Esah* yang mana ia melahirkan anak menggunakan cara tradisional juga melibatkan nyawa kerana penggunaan teknologi tradisional. Selain itu, dapat juga dilihat pada pantun Melayu yang bertajuk *Che Deraman* dimana ia melibatkan keperibadian seorang tokoh yang mampu mempengaruhi pemikiran masyarakat untuk sentiasa melakukan kebaikan dalam kehidupan. Oleh itu, penggunaan Pendekatan Moral sangat berguna dalam kritikan sastera agar dapat memberikan sesuatu yang baharu kepada masyarakat atau pembaca.

4.4 UNSUR SENI TRADISIONAL

Kata tradisional berasal dari perkataan Latin iaitu “tradisio” yang bermaksud menyerahkan, menyampaikan, mewarisi atau mewariskan dan melangsungkan sesuatu kelompok kepercayaan sesuatu bangsa atau etnik. Tradisional dapat dilihat dari segi budaya, adat dan pemikiran yang berkaitan dengan kehidupan seharian masyarakat kampung yang diturunkan dari generasi ke generasi, (Tengku Shazlin, 2006). Seni tradisional merupakan salah satu adat dan budaya masyarakat kampung yang berperanan sebagai lambang atau simbol kepada sesuatu kaum atau etnik. Ia dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu seni rakyat ketara seperti bangunan bersejarah dan seni rakyat tidak ketara seperti muzik, tarian, kesenian dan banyak lagi, (Kamus Dewan, 2015). Oleh itu, kajian ini akan membincangkan tentang penggunaan alat muzik, pengamalan bunyi-bunyian, simbolik yang melambangkan tradisi dan seni pertahanan diri.

4.4.1 Penggunaan Alat Muzik

Alat muzik merupakan alat yang digunakan dalam penghasilan muzik. Secara semula jadinya, manusia sangat tertarik dengan muzik kerana muzik dapat dirasai melalui hati dan perasaan, (Norsuhaila Ibrahim, 2020). Tambahan pula, muzik juga dapat dilihat dalam kehidupan seharian masyarakat setempat iaitu melalui kesenian, irama dan lagu. Mengikut berlakunya peredaran zaman, muzik dapat dipersembahkan melalui pelbagai cara sama ada secara terus mahupun secara dalam talian yang juga boleh dipersembahkan oleh lelaki mahupun wanita. Menurut Kamus Dewan (2015), kesenian muzik merupakan gubahan sebuah bunyi yang dapat menghasilkan sebuah hiburan melalui bentuk seni berirama yang mempunyai lagu dan irama yang indah dan menyenangkan. Jika dilihat di Malaysia, terdapat seni muzik tradisional dalam

kalangan bangsa dan etnik yang kian tidak lapuk ditelan zaman kerana ia merupakan sesuatu peninggalan nenek moyang dan keunikan yang tersendiri yang dapat diwarisi secara turun-temurun. Kegunaan alat muzik bukan hanya digunakan dalam bentuk hiburan malahan ia dapat juga digunakan dalam bentuk perubatan.

Melalui transkripsi pantun Melayu yang bertajuk *Pokok Tanjung dan Alat Muzik Yang Bisu* yang terdapat dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pangkalan Datu, Kelantan*, kita dapat melihat kegunaan alat muzik dalam hiburan bagi masyarakat dahulu kala. Di bawah merupakan pantun kesembilan yang memperlihatkan unsur tersebut:

Pokok Tanjung di Pangkalan Datu,
 Besar dan tinggi hidupnya sendiri;
 Tempat disanjung dan juga bersatu,
 Bunyi diiringi suara didengari.

Pohon besar lebat daunnya,
 Seni persembahan luang masa lapang;
 Permainan dikir kumpulan pemuda,
 Masuk pertandingan mereka bercadang.

Buat persembahan di Pokok Tanjung,
 Pesanan diberi oleh Tok Penghulu;
 Tiba pertandingan mereka bingung,
 Arahan diingkari alat muzik membisu.

Guruh kuat diiringi hujan,
 Air kopi dihidang kesejukan mereda;
 Mereka buat akan kesalahan,
 Kedegilan tergantung akan maaf diminta.

(Siti Wahdaniyah Binti Azeli, 2023)

Berdasarkan rentetan pantun yang menceritakan tentang peristiwa yang berlaku dalam kisah *Pokok Tanjung dan Alat Muzik Yang Bisu* yang membuktikan bahawa penggunaan alat muzik itu adalah sangat diperlukan dalam proses penyembahan pada ketika itu. Pada rangkap pertama,

menceritakan tentang kisah asal usul Kampung Tanjung Besar yang terletak di kawasan Pangkalan Datu. Nama kampung tersebut diambil daripada kisah sephohon pokok yang dikenali sebagai Pokok Tanjung yang sangat besar dan tinggi. Kewujudan pokok tersebut dipercayai tumbuh dengan sendirinya tanpa ditanam oleh penduduk kampung itu. Pokok tersebut diperkatakan memiliki keajaiban yang tersendiri kerana pernah diperakui oleh penduduk kampung ketika itu. Pokok tersebut juga merupakan kawasan yang paling disanjung tinggi oleh penduduk kampung terutama ketika ingin bermain alat muzik. Pada rangkap kedua, menceritakan tentang kewujudan alat muzik tradisional dan persembahan tradisional yang melibatkan sekumpulan pemuda di kampung tersebut. Antaranya seperti makyung, main puteri, menorah, dikir barat, wayang kulit dan banyak lagi. Seni tadisional tersebut telah menjadi kebiasaan penduduk kampung dalam mengisi masa lapang. Terdapat sekumpulan pemuda yang bercadang untuk memasuki pertandingan dikir barat selepas Tok Penghulu memberitahu mereka akan pertandigan tersebut yang diadakan di Kota Bharu.

Pada rangkap ketiga pula, menceritakan tentang syarat atau pantang larang yang dipesan oleh Tok Penghulu untuk membuat persembahan terlebih dahulu di hadapan Pokok Tanjung sebelum bergerak untuk ke pertandingan. Jika mereka mengingkari pesanan yang diberikan oleh Tok Penghulu, maka alat muzik yang mereka akan mainkan itu tidak akan mengeluarkan bunyi. Oleh kerana, mereka beranggapan apabila melakukan pesanan tersebut adalah buang masa sahaja, mereka pun pergi sahaja ke tempat pertandingan tanpa melakukan terlebih dahulu di depan Pokok Tanjung. Setibanya waktu pertandingan, mereka berasa hairan dan bingung setelah bermulanya giliran mereka kerana alat muzik yang mereka mainkan itu tidak mengeluarkan sebarang bunyi walhal ketika mereka berlatih di belakang pentas alat muzik


tersebut masih mengeluarkan bunyi. Hal ini disebabkan mereka mengingkari arahan yang dipesan oleh Tok Penghulu, mereka telah menerima akibat iaitu alat muzik mereka membisu dan tidak mengeluarkan sebarang bunyi. Pada rangkap keempat, menceritakan tentang kedukaan mereka setelah pulang dari pertandingan yang turut membuatkan mereka hiba akan kesalahan yang dilakukan itu. Mereka bersepakat untuk ke rumah Tok Penghulu dengan ditemani hujan lebat membasahi bumi serta kilat sambar-menyambar dengan dentuman yang kuat bertujuan untuk memohon maaf dan menceritakan perkara sebenar. Setelah tiba sahaja di rumah Tok Penghulu, mereka dihidangkan secawan air kopi bagi meredakan kesejukan. Akhirnya, mereka akur akan kesilapan yang dilakukan dan tidak akan mengulanginya lagi pada masa akan datang.

Berdasarkan rentetan pantun Melayu tersebut ada menyebutkan tentang penggunaan alat muzik dalam seni persembahan tradisional pada zaman dahulu. Seni persembahan tersebut sering dilakukan oleh masyarakat ketika itu bagi mengisi masa lapang dengan melakukan perkara yang berfaedah. Melalui cara permainan alat muzik, mereka juga perlu mematuhi pantang larang yang disarankan sebelum memulakan persembahan. Hal ini kerana, alat muzik yang digunakan dalam persembahan mereka terutama kepada mereka yang ingin memasuki pertandingan haruslah mencuba terlebih dahulu agar dapat mengeluarkan bunyi yang sedap dan menarik minat pendengar. Melalui rentetan pantun Melayu tersebut, terdapat sekumpulan remaja yang ingin memasuki pertandingan yang perlu menggunakan alat muzik dan mereka dikehendaki untuk memeriksa alat muzik tersebut di hadapan sepohon pokok yang dikenali sebagai pokok tanjung. Pokok tersebut mempunyai kelebihan yang tidak diketahui sesiapa malah ia dapat membantu sekumpulan remaja tersebut untuk mendapatkan bunyi muzik yang sedap


didengar. Malah, sekumpulan remaja itu tidak mengikut pantang larang tersebut dan mengakibatkan alat muzik mereka menjadi bisu dan tidak dapat mengeluarkan bunyi yang merdu.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

4.4.2 Pengamalan Bunyi-Bunyian

Bunyi merupakan satu bentuk gelombang yang dikeluarkan melalui satu ketukan yang terhasil apabila satu permukaan bertemu dengan satu permukaan yang lain maka terjadilah satu bunyi. Bunyi-bunyian yang terhasil dari sesuatu objek dapat didengari melalui deria pendengaran manusia atau makhluk hidup, (Kamus Dewan, 2015). Bunyi dapat dihasilkan dalam bentuk yang sedap didengar seperti muzik mahupun yang tidak sedap didengar seperti bunyi bising. Bunyi bukan hanya terhasil dari percakapan manusia, malahan ia dapat didengar dalam bentuk ketukan alat muzik, kicauan burung, tiupan angin dan sebagainya.

Melalui transkripsi pantun Melayu yang bertajuk *Tok Perindu* yang terdapat dalam teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pangkalan Datu, Kelantan*, kita dapat melihat pengamalan bunyi-bunyian boleh digunakan dalam proses perubatan. Di bawah merupakan pantun kesepuluh yang memperlihatkan unsur tersebut:

Kampung dikenali Tanjung Tok Perindu,
Luas padang bola dipenuhi tumbuhan;
Masyarakat mempercayai kepunyaan penunggu,
Penghuni berada didalam rumpun.

Buluh ditiup angin kesukaan binatang,
Batangnya bergeser daunnya melambai;
Suara merdu dikeluarkan roh menghilang,
Keasyikkan didengar diri sendiri terabai.

Kisah si burung berterbangan bebas,
Asyik mendengar suara yang merdu:
Semakin murung akibat terbabas,
Haus dan lapar kemerduan didahulu.

Kisah si gajah tentera berperang,
Ketika tertidur mendengar suara;
Kemerduan buluh gajah menghilang,
Tertarik didengar setelah terjumpa.

Berdasarkan rentetan pantun yang menceritakan tentang peristiwa yang berlaku dalam kisah *Tok Perindu* yang membuktikan bahawa penggunaan bunyi-bunyian itu adalah sangat diperlukan sebagai alat hiburan kepada masyarakat pada ketika itu. Pada rangkap pertama, menceritakan tentang sebuah kampung yang dikenali sebagai Tanjung tok Perindu. Tanjung tersebut mempunyai keluasan tapak sebesar padang bola sepak yang memanjang dan dipenuhi tumbuh-tumbuhan hijau terutama pokok buluh perindu. Masyarakat pada dahulu kala mempercayai bahawa tanjung itu mempunyai penunggu dan tempat tinggalnya adalah didalam rumpun buluh perindu itu. Nama Tok perindu adalah berasal dari nama penghuni ghaib yang menetap didalam rumpun buluh perindu tersebut. Pada rangkap kedua pula, menceritakan tentang rumpun buluh perindu yang ditiup angin akan mengeluarkan bunyi yang merdu yang menjadi kesukaan para binatang yang melalui kawasan tersebut. Bunyian merdu tersebut akan keluar apabila batang-batang buluh tersebut bergeseran antara satu sama lain dan daunnya melambai-lambai. Suara merdu yang mengasyikkan ketika didengar itu akan mengakibatkan mereka yang mendengarkannya itu menjadi terleka dan terlena sehingga boleh mengabaikan diri sendiri.

Pada rangkap ketiga, menceritakan tentang kisah sekumpulan burung yang asyik berterbangan bebas di kawasan berhampiran dengan Tok Perindu. Mereka terlalu asyik mendengarkan suara merdu yang dikeluarkan oleh buluh Tok Perindu sehinggakan mereka sanggup untuk berpatah balik dan terbang turun untuk mendengarkan dengan lebih jelas. Lama kelamaan, sekumpulan burung itu pun semakin murung dan tidak bermaya kerana mereka terlalu asyik mendengar suara merdu itu sehinggakan tidak makan dan minum. Akhirnya,

mereka mati akibat kelaparan. Pada rangkap keempat pula, menceritakan tentang kisah sekumpulan gajah yang digunakan oleh tentera untuk pergi berperang. Ketika para tentera sedang nyenyak tertidur di kawasan berhampiran Tok Perindu, sekumpulan gajah tersebut terdengar suara yang sangat merdu dan tertarik untuk mendengarkan dengan lebih dekat dan jelas. Keesokkannya, setelah para tentera bangun dari tidur mereka mendapati gajah mereka menghilang dari tempat persinggahan mereka. Rupa-rupanya sekumpulan gajah itu sedang asyik mendengar suara merdu yang dikeluarkan oleh buluh Tok Perindu. Pelbagai cara telah digunakan untuk memujuk gajah tersebut tetapi sedikit pun tidak berguna kerana gajah tersebut lebih tertarik untuk mendengar suara itu. Lama kelamaan, sekumpulan gajah itupun jatuh sakit dan mati akibat kelaparan. Lalu, mereka menanam bangkai gajah tersebut di kawasan itu sebagai tanda penghormatan terhadap gajah yang telah berjasa kepada mereka.

Berdasarkan rentetan pantun Melayu tersebut ada menyebutkan tentang pengamalan bunyi-bunyian dalam seni tradisional. Bunyi-bunyian yang dihasilkan selalunya akan berlaku secara semula jadi melalui alam persekitaran seperti bunyi pokok bertiupan, angin berterbangan, hujan bertitisan serta hempasan ombak laut. Bunyi-bunyian seperti itu sangat disukai oleh masyarakat dahulu kerana ia dapat memberikan ketenangan dalam jiwa mereka terutama semasa menghadapi tekanan dalam menjalani kehidupan. Melalui pantun Melayu tersebut, dapat dilihat bukan sahaja manusia yang tergodanya bunyian yang dihasilkan oleh sepokok pokok tetapi turut melibatkan beberapa kumpulan haiwan. Bunyian tersebut seakan-akan memanggil mereka untuk berkhayal dalam berhenti memikirkan masalah dunia dan akhirnya mengakibatkan berlakunya kematian yang berpunca dari pohon itu sendiri. Hal ini demikian kerana, mereka yang terlibat dengan bunyian

tersebut akan terus berkhayal tanpa menghiraukan kesihatan mereka. Ia tidak boleh dipersalahkan terhadap bunyian tersebut kerana ia merupakan satu cara atau langkah yang boleh digunakan oleh masyarakat pada ketika itu walhal mereka tidak sepatutnya untuk melupakan kegiatan seharian mereka sehingga boleh mengakibatkan kemudaratan kepada diri sendiri. Jika ingin disamakan dengan masyarakat zaman kini, dimana masyarakat masa kini menggunakan muzik yang pelbagai genre untuk menghilangkan tekanan atau menenangkan diri sebagai salah satu bunyi-bunyian yang ada pada ketika ini. Oleh itu, masyarakat masa kini, tidak perlu terlalu mengharapkan bunyi-bunyian yang berlebihan sehingga memudaratkan kesihatan diri dan mental.

4.4.3 Simbolik Yang Melambangkan Tradisi

Simbolik merupakan lambang yang dapat menunjukkan sesuatu perkara melalui satu bentuk logo atau gambaran sesuatu bagi memudahkan seseorang untuk memahaminya, (Kamus Dewan, 2015). Simbolik dalam seni tradisional merupakan satu bentuk gambaran yang boleh menggambarkan adat dan budaya sesuatu bangsa melalui beberapa hal seperti permainan, pertahanan, penulisan, pemakanan, pemakaian dan sebagainya. Simbol-simbol yang dihasilkan itu juga berbeza mengikut adat dan budaya sesuatu bangsa agar ia mudah dibezakan dan tidak mengelirukan masyarakat setempat, (Asyaari Muhamad, 2018).

Melalui transkripsi pantun Melayu yang bertajuk *Simbolik Rebana* yang terdapat dalam teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pangkalan Datu, Kelantan*, kita dapat melihat simbolik yang melambangkan tradisi. Di bawah merupakan pantun kesebelas yang memperlihatkan unsur tersebut:

Kampung Pulau Gajah kampung yang harmoni,
Hubungan yang erat dan sangat rapat;
Mempunyai masalah saling memahami,
Kerajaan terhormat cerminan masyarakat.

Kayu merbau dijadikan bahan,
Dalam pembuatan alatan muzik;
Dengan memalu diiringi bunyian,
Rebana dimainkan sebagai simbolik.

Sambut kedatangan golongan raja,
Usah dimainkan sesuka hati;
Sikap kemurkaan terhadap ketua,
Jangan menyesal disuatu hari.

Adanya kemahiran dan kemuafakatan,
Antara pemerintah juga masyarakat;
Melalui persembahan tanpa balasan,
Hubungan falsafah jalinan terikat.

(Siti Wahdaniyah Binti Azeli, 2023)

Berdasarkan rentetan pantun yang menceritakan tentang peristiwa yang berlaku dalam kisah *Simbolik Rebana* yang membuktikan bahawa penggunaan alat muzik tradisional itu adalah sangat penting sebagai simbol adat dan budaya masyarakat dahulu kala. Pada rangkap pertama, menceritakan tentang sebuah kampung yang dikenali dengan nama Kampung Pulau Gajah yang merupakan sebuah kampung yang sangat harmoni dengan adanya ikatan hubungan yang sangat erat dan rapat antara masyarakat dalam menjalani kehidupan seharian. Hubungan masyarakat pada ketika itu bagai isi dengan kuku iaitu mereka memberi gambaran seperti adik beradik kandung yang saling bekerjasama antara satu sama lain dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi dan saling memahami sekiranya ada kesalahfahaman yang berlaku. Bukan masyarakat kampung itu sahaja yang mempunyai hubungan baik malahan pihak pemerintahan juga sering memberikan contoh dan tauladan yang baik kepada masyarakat. Pada rangkap kedua pula, menceritakan tentang terdapatnya sebuah alat muzik yang sering digunakan pada ketika itu iaitu rebana yang diperbuat daripada kayu merbau. Alat muzik tersebut sering digunakan dalam upacara atau majlis kenduri untuk menyambut tetamu dengan memalukan beberapa jenis rebana secara bersama-sama untuk menjayakan majlis tersebut. Iringan bunyi yang dikeluarkan dari paluan rebana yang bersahut-sahutan antara satu sama lain mengeluarkan intonasi yang sangat sedap untuk didengari.

Persembahan alat muzik rebana ini merupakan salah satu simbolik dalam masyarakat yang mementingkan adat dan budaya serta turut melahirkan semangat kerjasama dan kefahaman dalam masyarakat. Pada rangkap ketiga, menceritakan tentang menyambut kedatangan golongan raja dengan memainkan rebana. Setiap paluan rebana mengeluarkan bunyi yang berbeza-beza bagi membezakan paluan untuk masuk dan keluar para raja. Oleh itu,

Paluan rebana tidak boleh dimainkan sesuka hati. Hal ini kerana, mereka akan menggambarkan sikap biadap terhadap golongan pemerintah. Pada rangkap keempat pula, menceritakan tentang hidup bermasyarakat di sebuah kampung melalui permainan alat muzik. Permainan tersebut dilakukan secara suka rela tanpa ada sebarang balasan atau upah selepas selesai upacara atau majlis yang dijalankan. Kehidupan pemerintah dan masyarakat dalam kemuafakatan dapat menjamin keharmonian dalam kehidupan.

Menerusi rentetan pantun Melayu tersebut dapat dilihat tentang simbolik yang melambangkan tradisi dalam sesebuah masyarakat. Simbolik dapat dilihat melalui cara masyarakat tersebut mengekalkan dan menjaga sesebuah objek negara yang diperturunkan oleh nenek moyang kita. Berdasarkan pantun Melayu tersebut, telah menunjukkan alat muzik rebana sebagai simbolik alat muzik tradisional yang masih dikekalkan sehingga hari ini. Alat muzik rebana sering digunakan melalui persembahan dikir barat, wayang kulit dan sebagainya. Pada zaman dahulu, alat muzik rebana tersebut digunakan dalam upacara pertabalan raja, majlis-majlis upacara dan majlis kenduri. Alat muzik tersebut juga masih digunakan pada hari ini melalui pertandingan, persembahan dan sebagainya tetapi ia lebih kepada bunyian yang moden. Masyarakat zaman dahulu dikehendaki untuk mempelajari alat muzik tersebut sebagai aktiviti berfaedah yang dapat mengisi masa lapang mereka serta dapat menambahkan ilmu pengetahuan tentang ilmu seni persembahan. Ilmu tersebut boleh diwariskan kepada generasi masa kini agar dapat mengekalkan keunikan kesenian tersebut.

4.4.4 Seni Pertahanan Diri

Seni pertahanan diri merupakan satu bentuk pergerakan badan secara fizikal yang digunakan untuk melindungi diri daripada musuh tanpa menggunakan sebarang senjata berbahaya. Kesenian tersebut telah wujud sejak zaman nenek moyang lagi tetapi berkemungkinan mempunyai beberapa elemen atau pergerakan yang berbeza mengikut peredaran zaman, (Kamus Dewan, 2015). Namun demikian, kesenian tersebut semakin kurang diamalkan dan dilupakan setelah adanya penggunaan teknologi canggih seperti penggunaan gadget yang semakin berleluasa. Masyarakat muda masa kini lebih tertarik dalam penggunaan gadget berbanding dengan pengamalan seni pertahanan diri dalam mengisi masa lapang yang terluang. Menurut pendapat Aida Ilyani Ali (2014), yang mengatakan bahawa masyarakat muda pada masa kini terutama kepada golongan wanita seeloknya perlu dibesarkan dengan adanya ilmu pertahanan diri di dada dalam melindungi diri mereka daripada di buli oleh kawan-kawan sepermainan atau anasir-anasir luar.

Melalui transkripsi pantun Melayu yang bertajuk *Tok Karim Guru Silat Masyhur* yang terdapat dalam teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pangkalan Datu, Kelantan*, kita dapat melihat unsur seni tradisional melalui seni pertahanan diri. Di bawah merupakan pantun kedua belas yang memperlihatkan unsur tersebut:

Seorang tokoh ilmu persilatan,
Terbit matahari ilmu diberi;
Jangan angkuh akan kelebihan,
Sentiasa berani pertahankan diri.

Gelaran Tok Karim sangat dikenali,
Batu besar diangkat atas betis diletakkan;
Sikap yang ditanam patuh dan diikuti,
Seorang guru silat dan juga pahlawan.

Seorang pahlawan berhati mulia,

Sering menolong sering menghulur;
Bantuan kewangan selalu tersedia,
Masyarakat penyayang pahlawan tersohor.

Mempunyai pengamalan ilmu di dada,
Jiwa dicontohi raga dihormati;
Menjadi tauladan kepada anak muda,
Mempelajari seni pertahanan diri.

(Siti Wahdaniyah Binti Azeli, 2023)

Berdasarkan rentetan pantun yang menceritakan tentang peristiwa yang berlaku dalam kisah *Tok Karim Guru Silat Masyhur* yang membuktikan bahawa seni pertahanan diri sangat penting dalam kehidupan seharian bagi mengelak sesuatu yang buruk berlaku. Pada rangkap pertama dan kedua pantun, menceritakan tentang seorang guru silat yang sangat arif dalam ilmu persilatan yang dikenali dengan gelaran Tok Karim. Beliau merupakan seorang guru silat yang sangat tersohor pada ketika itu kerana ramai anak muda yang berminat untuk mempelajari ilmu tersebut daripadanya. Seawal pagi beliau sudah bersiap sedia untuk memberi ilmu kepada anak didiknya kerana waktu itu sangat sejuk dan sesuai untuk mempelajari sesuatu ilmu. Walaupun beliau mempunyai ilmu pertahanan diri dan berani dalam mengharungi segala cabaran tetapi beliau tidak angkuh akan kelebihan yang dimilikinya itu namun disebarkan kepada anak muda yang bakal waris ilmu daripadanya. Beliau juga ada menceritakan kehandalan beliau kepada anak muridnya iaitu beliau boleh mengangkat batu besar dan meletakkan batu tersebut di atas betis kakinya. Perkara tersebut bukan untuk menakutkan anak muridnya walhal bagi menanamkan sikap patuh akan arahan yang diberikan.

Pada rangkap ketiga, menceritakan tentang sikap kepahlawanan yang ada dalam diri beliau kerana memiliki hati yang sangat mulia dalam menolong dan menghulur bantuan yang diperlukan oleh masyarakat kampung. Beliau

sering menghulurkan bantuan dari segi kewangan, makanan dan sebagainya kepada penduduk kampung yang memerlukan. Oleh itu, beliau sangat disayangi oleh masyarakat kampung akan kebaikan yang pernah diberikan dalam segala hal. Pada rangkap keempat pula, menceritakan tentang pengamalan ilmu persilatan yang tidak hilang dari ingatan itu turut terpendam di dada. Beliau mempunyai sikap yang boleh dicontohi dan sosok tubuh yang dihormati oleh setiap lapisan masyarakat. Beliau juga telah membuka mata hati anak-anak muda untuk mempelajari seni pertahanan diri yang juga dapat membantu mereka dalam mempertahankan diri mereka dari serangan musuh.

Melalui rentetan pantun Melayu tersebut ada menyebutkan tentang seni pertahanan diri iaitu ilmu persilatan. Ilmu persilatan sangat terkenal pada zaman dahulu serta merupakan ilmu yang paling diminati oleh masyarakat muda pada ketika itu. Tetapi pada zaman kini, masyarakat lebih tertarik untuk mempelajari ilmu seni pertahanan diri dari bangsa lain seperti taekwondo, muaythai, Kungfu dan sebagainya. Oleh hal demikian ilmu persilatan sukar untuk mendapatkan pelapis muda yang mampu untuk mengekalkan tradisi seni pertahanan diri di negara ini. Berdasarkan pantun Melayu tersebut, tokoh yang terdapat didalam pantun tersebut telah membuka mata masyarakat muda untuk bersama-sama dalam memperjuangkan ilmu seni persilatan kearah yang lebih baik dan bermutu tinggi dalam diri masyarakat setempat. Ilmu persilatan tersebut bukan sahaja untuk dikekalkan kewujudannya malahan ia mampu untuk membantu masyarakat dalam mempertahankan diri mereka dalam menghadapi musuh. Kadang kala ilmu seni pertahanan diri yang ada dalam diri mereka itu telah disalahertikan dengan untuk kegunaan pergaduhan atau perbalahan antara satu sama lain, walhal ia digunakan untuk pembelajaran serta pengetahuan asas yang perlu ada dalam diri masyarakat. Oleh itu, masyarakat masa kini terutama golongan muda yang baru fasa pembelajaran

hendaklah mengetahui fungsi utama seni pertahanan diri dalam kehidupan mereka agar tidak disalahgunakan dengan perkara yang tidak sepatutnya berlaku.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan rentetan tersebut telah mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang (1989). Hal ini dikatakan demikian kerana, Pendekatan Seni merupakan keindahan dalam karya sastera yang mampu menghasilkan nilai estetika dan etika Islam tanpa melanggar akidah, ajaran dan fahaman agama, (Hashim Awang, 1994). Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan unsur seni tradisional menerusi pantun Melayu yang bertajuk *Pokok Tanjung dan Alat Muzik Yang Bisu, Tok Perindu, Simbolik Rebana dan Tok Karim Guru Silat Masyhur*. Menerusi pantun Melayu tersebut, pengarang telah memberi pendedahan kepada masyarakat tentang kesenian yang dimasukkan dalam pantun Melayu bagi menerapkan ilmu kesenian dalam kehidupan mereka. Seni tidak semestinya merangkumi lukisan, penulisan, lakaran dan sebagainya malahan ia juga boleh melibatkan permainan, tarian, alat muzik, persilatan dan banyak lagi. Hal tersebut ada dipaparkan dalam pantun Melayu yang bertajuk *Tok Guru Silat Masyhur*, dimana ia memperlihatkan ilmu pertahanan diri seperti mana yang kita tahu ia melibatkan pengukuhan ilmu melalui nilai keimanan, ketakwaan dan kecintaan terhadap agama dalam diri seseorang. Oleh itu, penggunaan Pendekatan Seni tersebut mampu menghasilkan karya sastera yang memiliki nilai keindahan dan estetika Islam.

4.5 UNSUR KEAGAMAAN

Keagamaan merupakan semua hal yang berkaitan dengan agama yang dianut oleh masyarakat di negara ini yang dapat dilihat melalui niat, perbuatan, lafaz dan sebagainya. Lebih mudah kata keagamaan dapat dilihat melalui perlakuan, sikap, pernyataan dan benda-benda material yang dilakukan dalam kehidupan seharian masyarakat di negara ini. Keagamaan juga dapat dilihat melalui nilai-nilai Islam dan agama serta kehidupan beragama, (Kamus Dewan, 2015). Agama yang telah ditetapkan dalam persekutuan perlembagaan adalah agama Islam yang merupakan agama rasmi tetapi mereka tidak menghalang agama lain untuk menganut agama-agama lain. Disini dapat dilihat bahawa agama-agama lain juga bebas dalam menganut agama dan kepercayaan masing-masing bagi menghormati antara satu sama lain, (Khairunnisa Syazwani, 2022). Tambahan pula, agama juga sangat penting dalam kehidupan masyarakat kerana ia dapat membentuk kerohanian dalam sesebuah masyarakat, (Ahmad Asir, 2014). Terdapat beberapa agama yang dianut oleh masyarakat di negara ini seperti Islam, Kristian, Buddha, Hindu dan banyak lagi. Antara contoh perilaku seperti sembahyang, puasa dan upacara. Antara contoh sikap seperti hormat terhadap agama. Antara contoh pernyataan seperti kalimat suci dan mantra. Antara contoh benda-benda material seperti masjid, gereja dan azimat. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan tentang berlakunya bencana alam, bersumpah atas nama Allah S.W.T., peperangan dalam menegakkan agama dan pembaziran yang tidak digemari dalam Islam.

4.5.1 Berlakunya Bencana Alam

Bencana alam merupakan satu proses semula jadi yang melibatkan kemusnahan sesuatu benda akibat daripada kesan buruk yang berlaku terhadap alam sekitar, (Kamus Dewan, 2015). Bencana alam tersebut boleh

terjadi sekiranya berlakunya gempa bumi, letusan gunung berapi, tsunami, tanah runtuh dan banyak lagi yang boleh mengorbankan banyak nyawa sama ada manusia mahupun haiwan serta berlakunya kerosakkan terhadap alam sekitar, harta benda, kemudahan dan sebagainya. Menurut pendapat Mohd Fairuz Bachok (2016), mengatakan bahawa bencana alam boleh dikatakan sebagai musibah yang diterima masyarakat sebagai peringatan kepada mereka tentang dosa-dosa yang dilakukan sehingga melanggar hukum-hukum agama.

Melalui transkripsi pantun Melayu yang bertajuk *Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu* yang terdapat dalam teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*, kita dapat melihat berlakunya bencana alam. Di bawah merupakan pantun ketiga belas yang memperlihatkan unsur tersebut:

Wujudnya masjid yang tersergam indah,
Cantik dipandang ukiran dan seni bina;
Tempat mujahid menunaikan ibadah,
Didalam kampung Pengkalan Datu namanya.

Masjid sebagai tempat tinggalnya,
Dakwah disebar secara ikhlas;
Ramai meminati ilmu daripadanya,
Imam digelar perbuatan terbatas.

Hasad dengki seorang pemuda,
Memikir cara untuk menghalau;
Tidak menghormati tokoh agama,
Oleh kerana tingkah laku.

Seorang janda kegilaan ramai,
Saling berpakat menghalau imam;
Dendam pemuda yang ternanti,
Akhirnya terluah didalam diam.

Tempat kediaman dikunjungi janda,
Hendak mengadu masalah dihadapi;
Perangkap berjalan tidak ada rasa,
Penduduk diberitahu salah faham terjadi.

Gelombang ombak dipersisiran pantai,
Disebuah kampung Pengkalan Datu;

Hidup terdesak wujud hasad dengki,
Hilang dipandang barulah bersatu.

(Siti Wahdaniyah Binti Azeli, 2023)

Berdasarkan rentetan pantun yang menceritakan tentang peristiwa yang berlaku ketika *Tenggelamnya Masjid Pangkalan Datu* telah membuktikan bahawa unsur keagamaan terhadap bencana alam pernah berlaku pada ketika itu. Melalui kisah tersebut yang ditunjukkan dalam pantun telah menceritakan tentang wujudnya sebuah masjid yang ditadbir oleh seorang imam yang mempunyai ilmu agama yang tinggi turut serta diimarahkan oleh penduduk setempat pada ketika itu. Disini dapat dilihat melalui rangkap pertama yang mengisahkan tentang kewujudan sebuah masjid yang tersergam indah yang terletak di kawasan kampung Pangkalan Datu, Kelantan. Masjid tersebut sangat cantik ketika dilihat melalui pandangan mata kasar serta ukiran dan seni bina yang sangat unik dan kreatif yang di reka khas untuk masjid tersebut. Selain memiliki keindahan seni reka, ia juga merupakan tempat masyarakat untuk merapatkan ukhwah dan silaturrahim antara satu sama lain dalam bersama-sama meningkatkan amalan akhirat. Tak lain tak bukan ia juga merupakan tempat tinggal kepada seorang imam masjid yang sering menjalankan tanggungjawabnya dalam mengimarahkan masjid dan menjaga kesucian masjid tersebut seperti yang di lihat pada rangkap kedua pantun. Terdapat seorang imam yang mempunyai ilmu agama yang sangat tinggi serta sering menyebarkan dakwah secara ikhlas. Teknik dan cara penyampaian dakwah beliau sangat diminati oleh masyarakat kampung sehinggakan mereka tertarik untuk menuntut ilmu daripadanya.

Kisah ini diteruskan lagi pada rangkap ketiga pantun, dimana adanya rasa hasad dengki daripada seorang pemuda yang tidak suka akan cara atau

tingkah laku yang digunakan oleh imam tersebut dalam menarik minat masyarakat untuk mendengarkan dakwahnya. Seheinggakan sang pemuda itu tidak hormat terhadap imam itu sampaikan memikirkan cara untuk menghalau imam tersebut kerana sikap iri hati yang mendalam. Pada rangkap keempat pantun, sang pemuda telah bersepakat dengan seorang janda yang menjadi kegilaan ramai dalam menjayakan misi dia dalam menghalau imam tersebut dari kampung itu. Disebabkan dendam yang terbuku di hati dia terpaksa melibatkan orang lain dalam menjayakan misinya dan akhirnya dia melakukan misi tersebut dalam diam tanpa pengetahuan orang kampung. Kisah tersebut diteruskan pada rangkap kelima pantun, dimana seorang janda telah menuju ke tempat kediaman imam secara seorang diri dengan menggunakan alasan untuk mengadu masalah yang dihadapinya. Imam tersebut tidak tahu bahawa dia telah diperangkap oleh sang pemuda dan mengakibatkan berlakunya kesalahfahaman penduduk kampung yang melihat situasi tersebut. Berakhirnya kisah tersebut pada rangkap terakhir pantun, di mana datangnya gelombang ombak besar yang berlaku dipersisiran pantai berhampiran yang menuju ke kawasan kampung Pangkalan Datu lalu memusnahkan masjid yang dikatakan telah berlakunya maksiat oleh seorang imam dan seorang janda. Setelah berakhirnya, bencana alam tersebut masyarakat kembali hidup dalam keadaan aman, harmoni dan bersatu serta telah memaafkan atas apa yang berlaku. Melalui kisah yang diperkatakan tadi iaitu tentang bencana alam yang berlaku di sebuah kampung atas tuduhan berlakunya maksiat di kawasan masjid terkenal oleh seorang imam dan janda kampung telah mendatangkan musibah terhadap kawasan tersebut telah mendapatkan ikhtibar dan pengajaran dari peristiwa tersebut. Walaubagaimanapun, peristiwa tersebut sering berlaku pada hari ini tidak di kawasan masjid mahupun di tempat awam tetapi mereka tidak memikirkan perkara yang akan datang berlaku kepada mereka bahkan orang sekeliling.

Berdasarkan pantun Melayu tersebut telah menyebutkan tentang bencana alam yang berlaku akibat dari pertuduhan melulu yang dilakukan oleh penduduk kampung tersebut. Hal ini demikian kerana, akibat dari pertuduhan tersebut telah mengakibatkan mereka kehilangan tokoh agama serta berlakunya bencana alam di kawasan tersebut. Melalui konteks tersebut, masjid merupakan tempat ibadah masyarakat beragama Islam dalam melaksanakan ibadah-ibadah wajib dan sunat serta aktiviti-aktiviti kemasyarakatan. Hal ini demikian kerana, tempat tersebut hendaklah dijaga kesuciannya daripada berlaku perkara-perkara tidak senonoh ditempat seperti itu. Menerusi pantun Melayu tersebut telah menunjukkan seorang tokoh agama yang dituduh telah melakukan maksiat atau perkara tidak baik di dalam masjid bersama seorang janda yang diminati ramai di kampung tersebut. Walhal tokoh tersebut tidak pernah melakukan perkara tersebut dan mengakibatkan tokoh tersebut terpaksa melarikan diri semata-mata untuk menjaga air muka serta nama baiknya. Dalam masa yang sama masjid tersebut telah dilanda banjir yang menyebabkan kemusnahan masjid serta harta benda awam masyarakat pada ketika itu.

Perkara tersebut juga pernah berlaku kepada negara lain juga tetapi berlainan jenayah yang dilakukan. Antaranya ialah mengadakan pesta nyanyian secara besar-besaran sehingga menyebabkan tsunami, berlakunya maksiat sesama jenis telah berlakunya gempa bumi dan banyak lagi. Perkara tersebut telah melanggar hukum Allah S.W.T. oleh masyarakat yang beragama Islam dan telah menentang larangan-Nya serta dianggap telah melakukan dosa yang besar. Tambahan pula, kejadian seperti itu juga boleh berlaku sebagai tanda peringatan kepada masyarakat setempat agar sentiasa berhati-hati dalam melakukan sesuatu perkara agar tidak melebihi batas sensitiviti agama. Perkara tersebut juga tidak boleh dibiasakan oleh masyarakat yang beragama

Islam dalam menganjurkan program-program yang boleh melanggar hukum-hukum Allah S.W.T. Kadang kala, masyarakat beragama Islam terlalu mengikuti ajaran atau kebiasaan agama lain atau bangsa lain dalam melakukan sesebuah program tanpa menitikberatkan tentang sensitiviti agama. Oleh itu, pihak penganjur hendaklah menitikberatkan syarat atau arahan yang telah ditetapkan agar dapat dijauhkan dari segala bencana yang tidak diinginkan berlaku.

4.5.2 Bersumpah Atas Nama Allah S.W.T.

Menurut Kamus Dewan (2015), kata sumpah merupakan kata pengakuan yang dibuat oleh seseorang untuk menguatkan lagi kata-kata yang diperkatakan dengan berani dan tidak ragu. Seiring dengan berlakunya peredaran zaman, ada segelintir masyarakat yang menyalahgunakan kata sumpah sama ada untuk kepentingan sendiri mahupun orang lain, namun mereka kurang dalam pendedahan terhadap adab-adab yang berkaitan dengan kata sumpah, hal ini diperkatakan oleh Norwardatun Mohamed Razali (2019). Tambahan pula, di dalam Al-Quran juga turut menjelaskan dengan lebih terperinci terhadap kata-kata sumpah yang digunakan atas nama Allah S.W.T.

Melalui transkripsi pantun Melayu yang bertajuk *Kisah Sekumpulan Tupai* yang terdapat dalam teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pangkalan Datu, Kelantan*, kita dapat melihat unsur keagamaan melalui bersumpah atas nama Allah S.W.T. Di bawah merupakan pantun keempat belas yang memperlihatkan unsur tersebut:

Dialah Raja Patani dialah ulama terkenal,
Kalah dalam perang menang dalam agama;
Ilmu agama dikagumi dan juga beramal,
Kenali Haji Long Abdul Rahman empunya.

Pondok kecil dibina tempat untuk berehat,
Berteduh dari hujan dan juga panas;
Pembangunan dibina sedikit demi sedikit,
Untuk kegunaan bebas dan terbatas.

Pokok kelapa banyak kegunaan,
Untuk sumber masyarakat setempat;
Biar berpada-pada dalam penggunaan,
Haus kebulur jangan hanya melihat.

Kisah sekumpulan tupai yang nakal,
Kelapa digigit satu demi satu;
Segala kelakuan tak mengikut akal,
Datang menggugat tak minta restu.

Giginya tumpul lalu terpatah,

Tinggal dua batang melarikan diri;
Doa jangan tinggal lalu bersumpah,
Dengan bercadang mengharamkan tupai.

Sepandai-pandai tupai melompat,
Akhirnya jatuh ke tanah juga;
Sepandai-pandai membuat muslihat,
Akhirnya padah menimpa mereka.

(Siti Wahdaniyah Binti Azeli, 2023)

Berdasarkan rentetan pantun yang menceritakan tentang peristiwa yang berlaku terhadap *Kisah Sekumpulan Tupai* telah membuktikan bahawa unsur keagamaan terhadap sumpah atas nama Allah S.W.T. boleh berlaku dengan izin-Nya. Melalui kisah yang ditunjukkan dalam pantun tersebut telah menceritakan tentang kisah sekumpulan tupai dalam mencari makan serta merosakkan alam sekitar tanpa memikirkan akibat yang diperolehi kelak. Disini dapat dilihat melalui rangkap pertama pantun yang mengisahkan kedatangan sekumpulan pemerintah untuk berehat di suatu tempat. Sekumpulan itu diketuai oleh Raja Patani iaitu ulama terkenal pada ketika itu yang turut dikenali sebagai Haji Long Abdul Rahman. Beliau memiliki ilmu agama yang sangat dikagumi oleh masyarakat sekeliling. Mereka baru sahaja pulang dari berperang yang diakhiri dengan kekalahan. Walaupun beliau kalah dalam perang tetapi beliau tetap menang dalam menegakkan agama. Kisah ini bermula pada rangkap kedua pantun, di mana mereka sedang berehat di sebuah pondok kecil yang dibina oleh mereka bagi mengelakkan diri dari terkena hujan dan panas sepanjang mereka berada di situ. Sedikit demi sedikit mereka membangunkan pembangunan yang serba-serbi lengkap bagi meneruskan kehidupan di kawasan itu dengan pelbagai kemudahan dan kegunaan yang disediakan. Terdapat juga kegunaan yang pelbagai dari pokok kelapa yang diceritakan pada rangkap ketiga pantun, dimana pokok kelapa tersebut boleh dijadikan sumber minuman, makanan dan pembangunan kepada masyarakat setempat

pada ketika itu. Tetapi penggunaan pokok kelapa tersebut mempunyai had penggunaan agar tidak membinasakan alam sekitar.

Setelah berlakunya kisah sekumpulan pemerintah yang tinggal di kawasan tersebut, demikian itu bermulanya kisah sekumpulan tupai yang degil dan nakal yang diperkatakan pada rangkap keempat pantun. Kisah tersebut menceritakan tentang sekumpulan tupai yang sangat degil dan nakal yang sering melakukan perkara sehinggakan mengakibatkan beberapa buah kelapa mengalami kerosakkan meski pun buah tersebut masih elok untuk di makan. Akibat telah diperolehi oleh sekumpulan tupai pada rangkap kelima pantun, di mana sekumpulan tupai tersebut mengalami gigi tumpul dan terpatah akibat daripada menggigit buah kelapa satu demi satu tanpa izin. Dengan perasaan ketidakpuasan hati yang berlaku akibat dari tindakan sekumpulan tupai terhadap pokok kelapa tersebut, Haji Long Abdul Rahman pun memanjatkan doa dan bersumpah atas nama Allah S.W.T. untuk mengharamkan keturunan tupai tersebut untuk memakan buah kelapa tersebut. Hal tersebut telah mengakibatkan sekumpulan tupai itu mempunyai dua batang gigi sahaja lalu melarikan diri ke kawasan lain. Kisah tersebut berakhir pada rangkap terakhir pantun, di mana tidak ada seekor tupai pun yang berani untuk mencuri buah kelapa tersebut kerana mereka telah menerima akibat dari perbuatan mereka. Melalui kisah yang diperkatakan tadi iaitu tentang sekumpulan tupai yang nakal dalam mencuri buah kelapa tanpa izin dan memakannya secara membazir telah dibuktikan bahawa keagamaan terhadap sumpah atas nama Allah S.W.T. sangat berkesan jika mendapat izin daripada-Nya. Walaubagaimanapun, cerita tersebut telah dijadikan pengajaran dan tauladan kepada masyarakat masa kini agar sering berdoa dan meminta pertolongan dari Allah S.W.T agar mendapat keberkatan dalam hidup.

Berdasarkan rentetan pantun tersebut ada menyebutkan tentang bersumpah atas nama Allah S.W.T. dalam mengharamkan sesuatu perbuatan. Perkara tersebut bukan sahaja digunakan oleh masyarakat zaman dahulu malahan masih digunakan sehingga hari ini. Hal ini demikian kerana, penggunaan tersebut mampu untuk menghentikan tindakan seseorang dalam melakukan kejahatan terhadap orang lain. Perkara tidak dijadikan kesalahan dalam penggunaan tetapi hendaklah digunakan dengan cara yang betul seperti terdapatnya tambahan doa-doa yang bersesuaian dengan situasi mahupun zikir-zikir nama Allah S.W.T yang diletakkan bersama sumpah tersebut. Kadang kala masyarakat masa kini telah salah dalam penggunaannya kerana terdapat unsur-unsur persendaan atau bermain-main dalam pengucapan sumpah tersebut. Oleh itu, masyarakat hendaklah berjaga-jaga dalam pertuturan agar perkataan yang disebut tidak memakan diri mereka sendiri.

4.5.3 Peperangan Dalam Menegakkan Agama

Peperangan merupakan satu perbalahan atau pergaduhan yang menggunakan senjata sehingga boleh mengakibatkan berlakunya pembunuhan antara negara sehingga boleh merosakkan sistem sosial dan memusnahkan ekonomi negara terbabit, (Kamus Dewan, 2015). Hal tersebut sangat tidak diingini oleh setiap masyarakat kerana ia tidak akan membawa keamanan terhadap sesuatu negara sekiranya peperangan tersebut terus berlanjutan. Menurut Xun Zi (2006), mengatakan bahawa peperangan merupakan suatu perkara yang sangat penting bagi sesebuah negara yang inginkan kemerdekaan serta berhubung dengan soal hidup dan mati walaupun mereka akan berhadapan dengan kejatuhan negara.

Melalui transkripsi pantun Melayu yang bertajuk *Tok Guru Haji Awang Ulama Tercipta* yang terdapat dalam teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pangkalan Datu, Kelantan*, kita dapat melihat peperangan dalam menegakkan agama. Di bawah merupakan pantun kelima belas yang memperlihatkan unsur tersebut:

Kampung Atas Banggol kampung diberi nama,
Susah dan menderita kehidupan rakyat;
Kawasan yang terpencil aman dan sentosa,
Sentiasa menerima hidup bermasyarakat.

Seorang ulama yang sangat terbilang,
Memiliki hati yang sangat mulia;
Sebarkan agama tak pernah menghilang,
Tok Guru Haji Awang Alim namanya.

Peristiwa berkhidmat sebagai guru agama,
Datangnya tentera ganggu pembelajaran;
Rakyat tergugat ilmu tergendala,
Tentera berkuasa dalam kegelapan.

Tentera Jepun senjata bersama,
Tok Guru berdoa bebas peperangan;
Ilmu disampaikan oleh tokoh ulama,
Hidup bersama elakkan perbalahan.

Dengan Ikhlas dakwah disampaikan,
Hidup rakyat tanpa perang;
Tidak dibalas bertuah kehadiran,
Rakyat takut ulama tenang.

(Siti Wahdaniyah Binti Azeli, 2023)

Berdasarkan rentetan pantun yang menceritakan tentang peristiwa yang berlaku kepada *Tok Guru Haji Awang Ulama Tercipta* telah membuktikan bahawa keagamaan terhadap peperangan itu telah wujud sejak zaman dahulu kala. Melalui kisah yang ditunjukkan dalam pantun tersebut telah menceritakan tentang seorang ulama terkenal mempertahankan agama meskipun sedang dalam keadaan perang. Di sini dapat dilihat melalui rangkap pertama yang mengisahkan tentang kehidupan masyarakat kampung dalam keadaan kesusahan dan menderita dalam menjalani kehidupan tetapi mereka sangat bersyukur kerana menetap di kawasan yang aman dan sentosa meskipun agak terpencil dari kehidupan luar. Kisah ini bermula pada rangkap kedua pantun, yang menceritakan tentang seorang ulama yang sangat terbilang dari segi agama yang dikenali sebagai Tok Guru Haji Awang Alim. Beliau sering menyebarkan agama diserata tempat dan dakwah yang disampaikan sangat diterima oleh masyarakat sekitar. Beliau juga memiliki hati yang sangat mulia dan disenangi ramai atas perlakuan yang sopan. Kisah peperangan yang berlaku di kampung tersebut ada diceritakan pada rangkap ketiga pantun, di mana peristiwa tersebut berlaku ketika Tok Guru Haji Awang Alim sedang mengajar anak-anak muda berkaitan dengan ilmu agama, lalu datangnya tentera Jepun yang mengganggu sesi pembelajaran mereka pada ketika itu. Rakyat berasa sangat takut dan terkejut pada ketika itu sehingga tergendala dalam menerima ilmu daripada Tok Guru tersebut kerana tentera Jepun memerintah untuk

menggelapkan kawasan kampung itu pada waktu malam tanpa wujudnya sebarang cahaya.

Kisah tersebut tidak berakhir di situ malah di sambung pada rangkap keempat pantun, di mana tentera Jepun menggunakan senjata untuk menakutkan penduduk kampung agar dapat mengikut arahan yang diberikan. Dalam masa yang sama, Tok Guru tidak putus-putus untuk menadah tangan sambil berdoa untuk meminta pertolongan daripada Allah S.W.T. agar dapat bebas dari peperangan tersebut. Walaupun mereka sedang berhadapan dengan peperangan, Tok Guru tidak mudah berputus asa dalam menyampaikan ilmu kepada penduduk kampung. Dengan adanya ilmu di dada mereka akan hidup bersama tanpa ada berlakunya sebarang perbalahan antara satu sama lain. Kisah ini berakhir pada rangkap terakhir pantun, dimana tentera Jepun telah membebaskan mereka dari peperangan atas kurnia doa yang dipanjatkan oleh Tok Guru. Kini mereka hidup dalam keadaan yang tenang tanpa peperangan dan meneruskan penerimaan dakwah yang disampaikan oleh Tok Guru. Dengan kehadiran Tok Guru dalam hidup mereka telah mendatangkan tuah yang besar tanpa dibalas dengan apa-apa melainkan hidup tanpa ketakutan. Melalui kisah yang diperkatakan tadi iaitu tentang seorang ulama terkenal mempertahankan agama meskipun sedang dalam keadaan perang telah membuktikan bahawa keagamaan terhadap peperangan telah wujud sejak zaman dahulu lagi. Walaubagaimanapun, kisah tersebut telah membuka hati masyarakat untuk tetap menimba ilmu walau dalam keadaan apa sekalipun yang menimpa kita ketika itu.

Berdasarkan pantun Melayu tersebut ada menyebutkan tentang menegakkan agama melalui peperangan. Hal ini demikian kerana, masyarakat zaman dahulu sanggup memperjuangkan agama Islam sehingga perlu mengikuti peperangan yang dilakukan oleh pihak lawan demi kebaikan mereka

pada masa akan datang. Tetapi, segelintir masyarakat masa kini tidak mengendahkan tentang perjuangan masyarakat zaman dahulu dalam memperjuangkan agama malahan mereka sanggup membiarkan agama mereka dijajah oleh agama lain. Dapat dilihat pada negara Malaysia dimana negara ini pada zaman dahulu mempunyai 100% masyarakat yang beragama Islam tetapi semakin hari semakin menurun angka peratus tersebut. Hal ini demikian kerana, adanya kedatangan bangsa dan agama lain yang menetap di negara ini yang mengakibatkan jumlah penduduk yang beragama Islam semakin menurun. Tetapi pihak pentadbiran negara tidak memaksa bangsa atau agama lain untuk memeluk agama Islam walhal mereka juga telah memberi kebebasan kepada bangsa lain untuk menganut agama masing-masing. Hal ini demikian kerana, negara Malaysia yang dikenali sebagai negara yang mempunyai pelbagai bangsa, agama dan etnik yang tersendiri di setiap negeri yang ada. Walaubagaimanapun, masyarakat Melayu hendaklah memperjuangkan agama Islam dengan kuat agar tidak mudah dijajah oleh masyarakat agama lain.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.5.4 Pembaziran Yang Tidak Digemari Dalam Islam

Pembaziran merupakan penggunaan sesuatu benda secara berlebihan sehingga mengakibatkan ia terbuang, (Kamus Dewan, 2015). Pembaziran mudah dilihat dari segi sisa makanan atau pembaziran makanan yang dilakukan oleh segelintir masyarakat yang tidak bertanggungjawab dalam pengambilan makanan secara berlebihan sehingga ia terpaksa dibuang kerana sudah rosak. Pembaziran juga dapat dilihat dari sudut lain seperti pembaziran wang, masa, tenaga dan banyak lagi. Menurut Charon Mokhzani (2017), mengatakan bahawa pembaziran makanan boleh memberi kesan kepada sesebuah negara lebih-lebih lagi apabila datangnya bulan Ramadhan atau perayaan-perayaan lain yang mendapati ramai peniaga yang membuka gerai atau premis jualan yang menjual pelbagai jenis makanan sehingga mengakibatkan berlakunya pembaziran kerana ketiadaan pelanggan.

Melalui transkripsi pantun Melayu yang bertajuk *Kelawar Suka Keluar Malam* yang terdapat dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pangkalan Datu, Kelantan*, kita dapat melihat pembaziran tidak digemari dalam Islam. Di bawah merupakan pantun keenam belas yang memperlihatkan unsur tersebut:

Tempat dipenuhi hidupan binatang,
Secara bebas mencari makanan;
Masa mencari pada waktu siang,
Tiada batas dan pemilihan.

Dulu waktu siang sekarang malam,
Waktu pencarian si kelawar;
Peristiwa terbayang rasa mendalam,
Sikap ketamakan tidak bersyukur.

Haiwan berkumpul bincang masalah,
Cadangan diberi pendapat disokong;
Idea terhasil tersalah pilih,
Memakan diri tak fikir panjang.

Punai betik murai rambutan,
Bangau ikan kelawar guruh;
Tidak terdetik akan kesalahan,
Tiada pilihan terpaksa memilih.

Malu dan takut menguasai diri,
Sembunyi di gua keluarnya malam;
Cadangan diturut sama didengari,
Dulu bahagia sekarang suram.

(Siti Wahdaniyah Binti Azeli, 2023)

Berdasarkan rentetan pantun yang menceritakan tentang peristiwa yang berlaku dalam kisah *Kelawar Suka Keluar Malam* telah membuktikan keagamaan terhadap pembaziran itu telah diperkatakan sejak zaman dahulu kala. Melalui kisah binatang yang ditunjukkan dalam pantun tersebut telah menceritakan tentang kelawar yang suka membazir dalam pemakanan. Disini dapat dilihat melalui rangkap pertama pantun yang mengisahkan tentang sebuah kawasan hutan yang merupakan tempat yang dipenuhi dengan hidupan binatang. Mereka diberikan kebebasan dalam mencari makanan serta tidak ada batas dan pemilihan dalam mendapatkan makanan. Mereka juga sering mencari makanan pada waktu siang berbanding malam. Kisah ini berubah ketika si kelawar membuat masalah dalam mendapatkan makanan ada diceritakan pada rangkap kedua pantun. Sebelum ini, si kelawar sering mencari makanan pada waktu siang bersama haiwan lain tetapi kini dia lebih suka mencari makanan pada waktu malam. Hal ini kerana, dia terbayang akan peristiwa yang pernah dilalui sebelum ini akibat dari sikap tamak dan tidak bersyukur atas nikmat yang pernah diberikan sebelum ini. Cadangan telah dilakukan oleh sekumpulan haiwan dalam rangkap ketiga pantun. Semua haiwan yang tinggal di kawasan tersebut berkumpul bersama kecuali kelawar dalam membincangkan masalah yang berlaku terhadap kelawar.

Cadangan yang diberikan mendapat sokongan dari semua haiwan untuk memberi pelajaran kepada kelawar atas sikap tamak yang dilakukannya. Mereka bercadang untuk memilih buah berlainan antara satu sama lain agar mereka mendapat makan secara sama rata tanpa berlakunya pembaziran. Akan tetapi kelawar memilih buah tanpa berfikir panjang tentang buah yang dipilih itu lalu memakan dirinya sendiri. Pemilihan buah tersebut telah diceritakan pada rangkap keempat pantun, di mana Si Punai memilih buah betik, Si Murai memilih buah rambutan, Si Bangau memilih ikan dan Si Kelawar memilih buah gurah. Kelawar memilih buah gurah tanpa berfikir panjang dan tidak mengambil tahu rupa dan rasa buah gurah seperti apa. Akhirnya dia mengetahui bahawa dia telah tersalah pilih buah dimana buah gurah itu sebenarnya tidak boleh dimakan kerana terlalu keras. Kisah ini berakhir apabila kelawar berasa sangat malu dan takut yang sering menguasai diri ketika dia ingin mencari makanan lain. Lalu dia bersembunyi di dalam gua dan keluar hanya pada waktu malam kerana ketika itu tidak ada haiwan yang keluar dan dia boleh mengambil buah haiwan lain untuk mengisi perutnya. Kini hidup kelawar menjadi suram akibat dipinggir oleh haiwan lain.

Menerusi pantun Melayu tersebut ada menyebutkan tentang pembaziran yang dilakukan oleh seekor haiwan pada ketika itu. Haiwan tersebut suka tamak dan membazir dalam mendapatkan makanan tanpa memikirkan haiwan lain yang tidak mempunyai makanan. Hal ini demikian kerana, haiwan tersebut mementingkan sikap pentingkan diri sendiri tanpa memikirkan haiwan lain. Perkara tersebut tidak boleh dicontohi dalam masyarakat masa kini kerana ia merupakan perkara yang negatif. Dalam Islam, masyarakat yang beragama Islam tidak digalakkan untuk melakukan pembaziran tidak kira sama ada dari segi makanan, minuman, pakaian, harta benda dan sebagainya. Hal ini demikian kerana, perkara tersebut akan di

pandang serong oleh masyarakat sekitar terhadap perkara yang dilakukan itu. Peribahasa ada mengatakan orang yang tamak selalunya rugi. Peribahasa tersebut telah ditunjukkan melalui peristiwa kerugian seekor kelawar dalam mencari makanan akibat ketamakan yang dilakukannya tanpa memikir haiwan yang lain. Melalui kisah tersebut yang diperkatakan tadi iaitu tentang kisah kelawar yang tamak dalam mendapatkan makanan telah membuktikan bahawa keagamaan terhadap pembaziran telah diperkatakan sejak zaman dahulu lagi. Walaubagaimanapun, cerita tersebut telah dijadikan pengajaran kepada masyarakat masa kini agar tidak tamak dalam mendapatkan sesuatu sama ada dari segi pemakanan, pekerjaan, tempat tinggal, ilmu dan sebagainya. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa bersyukur dengan apa yang telah dikurniakan kepada kita yang tidak semua orang dapat.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan rentetan tersebut telah mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang (1989). Hal ini dikatakan demikian kerana, Pendekatan Dakwah merupakan satu pendekatan yang mampu mempertingkatkan nilai ketakwaan seseorang yang dikenali sebagai hamba Allah S.W.T., (Hashim Awang, 1994). Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan unsur keagamaan menerusi pantun Melayu yang bertajuk *Tenggelamnya Masjid Pangkalan Datu, Kisah Sekumpulan Tupai, Tok Guru Haji Awang Ulama Tercipta dan Kelawar Suka Keluar Malam*. Menerusi pantun Melayu tersebut, pengarang telah memasukkan unsur keagamaan yang dipertengahan dalam pantun Melayu supaya dapat mempertingkatkan keimanan masyarakat dalam membimbing diri mereka kearah yang lebih baik. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan pantun Melayu yang bertajuk *Tok Guru Haji Awang Ulama Tercipta* dimana terdapatnya seorang tokoh ulama yang sangat berani dalam menegakkan agama dalam penyebaran dakwah dalam kawasan perkampungan walaupun

ketika itu mereka sedang berhadapan dengan penjajah. Oleh itu, penggunaan Pendekatan Dakwah dalam pantun Melayu dapat membantu pengarang dalam menyebarkan sesuatu yang menarik berkaitan dengan kesucian agama Islam kepada masyarakat.



4.6 UNSUR PEMERINTAHAN

Pemerintahan merupakan suatu aturan yang terdiri daripada penggubalan undang-undang dan pentadbiran yang dilakukan dalam sesebuah negara, (Kamus Dewan, 2015). Pemilihan sistem pemerintahan memerlukan kata sepakat dari semua pihak serta bersesuaian dengan karekteria negara tersebut. Sistem pemerintahan yang luas sangat menitikberatkan hubungan antara negara dan rakyat agar mereka dapat bekerjasama dalam membangunkan negara kearah yang lebih maju. Menurut Zawiyah Mohd Zain (2021), mengatakan bahawa pemerintahan merupakan segala hal pengurusan yang dilakukan oleh pihak atasan negara dalam menyelenggarakan kesejahteraan rakyatnya. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan tentang unsur sistem pemerintahan terhadap pertahanan negara, adat istiadat, kerjasama dua pentadbiran dan pemerintah berwibawa.

4.6.1 Pertahanan Negara

Pertahanan merupakan taktik atau strategik yang digunakan dalam sesebuah negara untuk meningkatkan keselamatan negara dari ditindas oleh negara luar. Menurut Abdullah Hasif (2022), mengatakan bahawa sistem pertahanan negara merupakan isu yang paling penting dalam pemerintahan kerana ia berkaitan dengan keselamatan negara dan rakyat dalam mengharungi cabaran yang dihadapi negara ini melalui ekonomi, sosial, politik dan banyak lagi. Sekiranya sistem keselamatan atau pertahanan negara tidak terjaga, maka negara akan menghadapi isu yang lebih serius dan membimbangkan yang melibatkan kesejahteraan negara. Menurut Kamus Dewan (2015), pertahanan digunakan untuk keselamatan negara dalam membanteras jenayah atau pendedar asing yang masuk ke negara ini tanpa izin pihak berkuasa.

Melalui transkripsi pantun Melayu yang bertajuk *Tentera Bergajah* yang terdapat dalam teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pangkalan Datu, Kelantan*, kita dapat melihat unsur pemerintahan melalui pertahanan negara. Di bawah merupakan pantun ketujuh belas yang memperlihatkan unsur tersebut:

Pulau Gajah Kerajaan Patani,
Berlaku pergolakkan turut diserang;
Tentera bergajah sangat dikenali,
Membantu kerajaan menghadapi perang.

Pergolakkan tercetus antara negeri,
Katidakpuasan hati perlantikan takhta;
Tidak membalas serangan kembali,
Perjanjian terjadi antara raja.

Segala aktiviti tergendala sementara,
Raja termenung pertahanan goyah;
Serangan bertubi-tubi virus yang dibawa,
Akibat perang gajah dipersalah.

Kaedah difikir tingkatkan pertahanan,
Perbincangan dimulai dengan berhati-hati;
Tidak gentar akan peperangan,
Pemuda ufti yang sangat memahami.

Perairan Lembah Sungai tempat yang sesuai,
Gajah disimpan untuk perawatan;
Di kawal sangat rapi kemudahan dipenuhi,
Tempat perteduhan banteng pertahanan.

Tentera bergajah sangat berani,
Setelah bersembunyi tenangkan keadaan;
Menentang musuh tanpa disegani,
Akhirnya Patani merangkul kejayaan.

(Siti Wahdaniyah Binti Azeli, 2023)

Berdasarkan rentetan pantun yang menceritakan tentang peristiwa yang berlaku kepada *Tentera Bergajah* telah membuktikan bahawa sistem pemerintahan terhadap pertahanan memang ada sejak zaman dahulu. Melalui kisah yang ditunjukkan dalam pantun tersebut telah menceritakan tentang

jentera berperang yang digunakan pada ketika itu. Disini dapat dilihat melalui rangkap pertama pantun yang mengisahkan tentang sebuah pulau yang dikenali sebagai Pulau Gajah iaitu milik Kerajaan Patani yang sedang berlakunya pergolakan serta diserang oleh pihak musuh. Pada ketika itu, mereka sangat dikenali kerana mereka menggunakan gajah untuk dijadikan jentera semasa berperang. Tentera bergajah sangat membantu pihak kerajaan dalam menghadapi perang yang berlaku di negara itu. Berlakunya ketidakpuasan hati pada rangkap kedua pantun, di mana tercetusnya pergolakan antara negeri kerana adanya perubahan sistem pentadbiran yang diperintah oleh raja baharu. Oleh itu, para pembesar turut berasa ketidakpuasan hati atas perlantikan yang telah berlaku. Pada ketika itu juga, mereka tidak membalas serangan kembali kerana sistem pertahanan yang mulai goyah lalu mereka membuat perjanjian antara raja dalam menguatkan kembali sistem pertahanan. Wujudnya virus pada rangkap ketiga pantun, di mana segala aktiviti terpaksa tergendala buat sementara waktu kerana serangan yang dilakukan secara bertubi-tubi telah mendatangkan virus ke atas gajah-gajah yang digunakan dalam peperangan tersebut.

Kisah tersebut diteruskan pada rangkap keempat pantun, di mana mereka bersama-sama memikirkan kaedah untuk meningkatkan pertahanan kerajaan dan juga berbincang tentang permasalahan yang berlaku ketika itu. Terdapatnya seorang pemuda ufti yang sangat memahami situasi mereka dan beliau juga tidak gentar ketika menghadapi peperangan. Selepas mengadakan perbincangan, mereka bercadang untuk berpindah ke suatu tempat untuk sementara waktu bagi merawat semua gajah yang terkena virus dari peperangan tersebut dapat dilihat pada rangkap kelima pantun. Tempat yang dipilih adalah di Perairan Lembah Sungai dimana tempat tersebut sangat sesuai untuk dijadikan tempat persembunyian mereka serta tempat merawat

gajah yang sakit. Kawasan tersebut telah dikawal dengan rapi tentera-tentera perang serta telah disediakan kelengkapan yang cukup. Kisah ini berakhir pada rangkap terakhir pantun, di mana semua gajah yang dirawat akibat virus telah sembuh sepenuhnya dan mampu untuk meneruskan peperangan tersebut. Dengan adanya tentera bergajah yang sangat berani telah dibawa untuk berperang di Patani. Berkat tentera bergajah yang tidak segan silu dalam menentang pihak musuh telah mengakibatkan mereka merangkul kemenangan dalam peperangan kali ini.

Berdasarkan rentetan pantun Melayu tersebut ada menyebutkan tentang penggunaan jentera berperang dengan menggunakan gajah. Penggunaan gajah sebagai jentera berperang pada ketika itu kerana teknologi yang ada pada ketika itu belum canggih dan moden yang mengakibatkan mereka terpaksa menggunakan perkhidmatan gajah sebagai jentera untuk pergi berperang. Penggunaan jentera bergajah tidak menghalang mereka untuk berperang dalam mempertahankan tanah air dari dijajah oleh pihak luar. Walaupun mereka tidak terhalang untuk berperang dengan menggunakan perkhidmatan gajah tetapi mereka terpaksa berhadapan dengan risiko kesihatan atau keselamatan haiwan tersebut kerana ia merupakan makhluk bernyawa. Walaubagaimanapun, mereka tetap akan menjaga kesihatan dan keselamatan gajah tersebut sepanjang perjalanan proses berperang itu. Berlainan pula dengan zaman kini, di mana mereka akan menggunakan teknologi yang canggih dan lebih moden dalam menghadapi perang seperti kapal kebal, jentera berat, bom jarak jauh, senapang dan banyak lagi. Walaupun ia merupakan teknologi yang canggih tetapi ia juga akan menghadapi kerosakan jika digunakan secara berlebihan yang mendatangkan kerosakan terhadap alatan tersebut. Justeru itu, sekiranya kita menggunakan kenderaan atau peralatan yang bernyawa mahupun tidak kita

akan menghadapi sebarang kerosakan. Melalui kisah yang diperkatakan tadi iaitu tentang jentera berperang yang hanya menggunakan tenaga gajah dalam peperangan telah membuktikan bahawa sistem pemerintahan terhadap pertahanan memang ada ketika itu. Walaubagaimanapun, cerita tersebut telah membuka mata masyarakat masa kini di mana, mereka merangkul kemenangan dalam berperang walau hanya menggunakan tenaga manusia dan gajah berbeza dengan zaman kini yang telah menggunakan teknologi canggih dalam menghadapi perang.

4.6.2 Adat Istiadat

Adat istiadat merupakan satu peraturan yang telah diamalkan sejak zaman nenek moyang dalam sesebuah masyarakat yang diturunkan secara turun-temurun atau dari generasi ke generasi. Menurut Kamus Dewan (2015), mengatakan bahawa adat merupakan kebiasaan masyarakat dalam melakukan sesuatu perkara dalam kehidupan seharian yang dilakukan secara berulang kali sehingga telah menjadi kebiasaan dalam menjalani kehidupan. Menurut Nurfarain Abdul Rahman (2016), mengatakan bahawa adat merupakan satu titik pertemuan yang mengimplicasikan adanya interaksi antara manusia dengan alam sekitar. Tambahan pula, adat juga dapat dilihat melalui amalan masyarakat yang berkaitan dengan perbuatan atau perkataan yang dilakukan secara sukarela serta diwarisi oleh masyarakat dahulu kala ke paa masyarakat masa kini. Oleh itu, adat istiadat sangat penting dalam kehidupan masyarakat demi membentuk kesejahteraan hidup.

Melalui transkripsi pantun Melayu yang bertajuk *Kain Sutera Cina* yang terdapat dalam teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pangkalan Datu, Kelantan*, kita dapat melihat unsur pemerintahan melalui adat istiadat. Di bawah merupakan pantun kelapan belas yang memperlihatkan unsur tersebut:

Bersahabat sejak kecil di Pangkalan Datu,
Sebuah kampung aman dan tenteram;
Tempat berkumpul dan juga bersatu,
Tiba-tiba malang mereka diancam.

Cuaca mendung di hutan belantara,
Tahan kesakitan tunggu perawatan;
Salah seorang keluarga mereka,
Alami kecederaan akibat serangan.

Hutan diredah tanpa diselidik,
Hujan renyai membasahi bumi;
Penat dan lelah kian terdetik,
Ditepi sungai mereka sudahi.

Hutan dimasuki sambil berlari,
Segera keluar sebelum terlena;
Mendapat mimpi sang pemberi,
Mencari ikhtiar merawat luka.

Keluar hutan membawa kain,
Kain diberi oleh Sang Puteri;
Ada kelebihan untuk kesembuhan,
Luka dialami mampu diubati.

Kain disimpan lambang persahabatan,
Suatu yang hebat tak semua miliki;
Dua sekawan miliki kekuatan,
Adat istiadat saling menyayangi.

(Siti Wahdaniyah Binti Azeli, 2023)

Berdasarkan rentetan pantun yang menceritakan tentang peristiwa yang berlaku di *Kain Sutera Cina* telah membuktikan bahawa system pemerintahan terhadap adat istiadat telah ada sejak zaman dahulu kala. Melalui kisah yang ditunjukkan dalam pantun tersebut telah menceritakan tentang dua sahabat yang menyimpan kain sutera cina yang diberikan oleh seorang puteri. Disini dapat dilihat melalui rangkap pertama pantun yang mengisahkan tentang sebuah kampung yang sangat aman dan tenteram. Kampung tersebut dikenali sebagai Pangkalan Datu di mana ia merupakan tempat untuk masyarakat berkumpul dan bersatu dalam melahirkan bangsa yang berkualiti. Tiba-tiba tidak ada angin tidak ada ribut, mereka diserang dan diancam oleh musuh. Dilihat pula pada rangkap kedua pantun, dimana cuaca pada ketika itu sedang mendung di tengah hutan belantara. Segelintir penduduk mengalami luka yang agak parah akibat dari serangan tersebut yang memaksa mereka untuk menahan kesakitan sementara menunggu perawatan datang. Terdapat dua orang sahabat yang sangat berani telah meredah hutan tanpa menyelidik terlebih dahulu keadaan dalam hutan seperti apa ada diceritakan pada rangkap ketiga pantun. Hujan ketika itu sedang renyai membasahi bumi. Semakin lama

semakin jauh ke dalam hutan mereka berjalan, akhirnya mereka berasa penat dan lelah lalu berehat di tepi sungai yang terdapat di dalam hutan tersebut.

Kisah tersebut tidak berhenti di situ sahaja malah diteruskan pada rangkap keempat pantun. Ketika mereka sedang berehat di sepohon pokok berhampiran sungai itu, mereka bercadang untuk segera pulang ke rumah sebelum hari semakin gelap tetapi mereka telah terlena dibuai mimpi. Salah seorang daripada mereka telah bermimpikan seorang puteri yang memberikan kain yang dikatakan boleh merawat luka dalam sekelip mata. Kain tersebut merupakan ikhtiar yang dicari oleh mereka dalam merawat luka yang dialami oleh penduduk kampung. Pada rangkap kelima pantun, setelah mereka tersedar dari mimpi, mereka segera keluar dari hutan tersebut sambil membawa kain yang diberikan oleh Sang Puteri. Kain tersebut mempunyai kelebihan untuk menyembuhkan atau merawat luka yang dialami oleh penduduk kampung yang tercedera akibat dari serangan mengejut tersebut. Kisah ini berakhir pada rangkap terakhir pantun, di mana kain tersebut disimpan oleh mereka sebagai lambang persahabatan mereka. Melalui kisah yang diperkatakan tadi iaitu tentang dua sahabat yang menyimpan kain sutera cina yang diberikan oleh seorang puteri telah membuktikan bahawa system pemerintahan terhadap adat istiadat sering diamalkan oleh masyarakat dahulu. Walaubagaimanapun, cerita tersebut telah menunjukkan amalan masyarakat Melayu yang sering menyimpan barang atau peralatan yang unik dan menarik untuk dijadikan bahan peninggalan yang boleh ditunjuk kepada generasi akan datang.

Menerusi pantun Melayu tersebut ada menyebutkan tentang adat istiadat masyarakat zaman dahulu. Adat istiadat tersebut merupakan perbuatan masyarakat pada zaman dahulu yang sering digunakan oleh masyarakat pada masa kini iaitu dalam penyimpanan barangan yang berharga. Barangan

tersebut dilihat sangat berharga kerana dari segi keunikan mahupun kemampuannya dalam kehidupan seharian masyarakat. Melalui pantun tersebut telah dilihat pada watak seorang remaja yang telah menyimpan sehelai kain yang dikenali sebagai kain sutera cina di mana kain tersebut mempunyai kelebihan dalam menyembuhkan penyakit dalam detik waktu yang sangat singkat. Kain tersebut disimpan oleh remaja tersebut untuk dijadikan barangan antic atau barangan lama yang mempunyai kebaikan kepada masyarakat pada ketika itu. Dalam konteks ini, penyimpanan barangan yang berharga atau bermutu tinggi masih diamalkan oleh masyarakat masa kini untuk dijadikan sebagai pameran atau rujukan kepada masyarakat akan datang. Barangan-barangan tersebut dapat dilihat di muzium atau pameran barangan lama yang telah disimpan oleh pihak berwajib dalam mengekalkan objek warisan kepada generasi akan datang. Oleh itu, barangan tersebut hendaklah disimpan dan dipamerkan sebagai tanda hormat masyarakat zaman dahulu dalam mengekalkan kualiti objek tersebut serta dapat dijadikan rujukan kepada generasi akan datang.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.6.3 Kerjasama Dua Pentadbiran

Pentadbiran merupakan tindakan yang dilakukan dalam menjalankan kuasa atau mentadbir sesuatu negara atau institusi. Menurut Kamus Dewan (2015), mengatakan bahawa pentadbiran merupakan satu fungsi pengurusan yang terdapat dalam sesuatu organisasi untuk mencapai sesuatu tujuan dengan adanya pegawai dan orang bawahan untuk menetapkan negara supaya sentiasa berfungsi kepada masyarakat. Menurut Mazlan Che Soh (2020), mengatakan bahawa pentadbiran merupakan satu kepentingan yang ketara dalam perbincangan terhadap sistem kerajaan dan negara yang dilakukan bagi mensejahterakan hidup rakyat. Melalui proses perkembangan yang agak lama sejak dari zaman dahulu sehingga kini dipercayai bahawa pentadbiran telah wujud tetapi dalam bentuk yang berbeza.

Melalui transkripsi pantun Melayu yang bertajuk *Penubuhan Dua Pentadbiran Di Temasik* yang terdapat dalam teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pangkalan Datu, Kelantan*, kita dapat melihat unsur pemerintahan melalui kerjasama dua pentadbiran. Di bawah merupakan pantun kesembilan belas yang memperlihatkan unsur tersebut:

Kerajaan Siam Kerajaan Ayodhya,
Tanah Melayu telah ditakhluk;
Tidak berdiam lalu bersuara,
Temangi diberitahu Sebagai Temasik.

Pusat Pentadbiran ingin ditubuhkan,
Oleh seseorang dikenali Parameswara;
Maruah dicemarkan akibat layanan,
Mereka berhubung Temangi bersuara.

Pertarungan hebat antara dua baginda,
Merebut kawasan untuk penguasaan;
Temangi mangkat ditangan Parameswara,
Adanya kemenangan diburu kemudian.

Raja Kelantan mangkat dua anak ditinggalkan,
Keduanya bersaing untuk miliki takhta;

Putera Mamat alami kekalahan,
Setelah bertarung dengan kakandanya.

Larikan diri ke Terengganu,
Jalin hubungan Kerajaan Siam;
Setelah terjalini dan bersetuju,
Tanda penghargaan bunga emas dikirim.

(Siti Wahdaniyah Binti Azeli, 2023)

Berdasarkan rentetan pantun yang menceritakan tentang peristiwa yang berlaku semasa *Penubuhan Dua Pentadbiran Di Temasik* telah membuktikan bahawa sistem pemerintahan terhadap pentadbiran telah ada sejak zaman dahulu. Melalui kisah yang ditunjukkan dalam pantun tersebut telah menceritakan tentang dua kerajaan menjalinkan hubungan dua hala dalam meningkatkan sistem pentadbiran Negara. Disini dapat dilihat melalui rangkap pertama pantun yang mengisahkan tentang Kerajaan Siam yang dikenali sebagai Kerajaan Ayodhya telah menakhluk Tanah Melayu sebelum kewujudan kerajaan Melaka pada ketika itu. Kerajaan Siam telah diperintah oleh Temangi yang memerintah di suatu kawasan yang dikenali sebagai Temasik. Pada rangkap kedua pantun, menceritakan tentang seorang hulubalang yang dikenali sebagai Parameswara yang berkeinginan untuk menubuhkan pusat pentadbiran di Temasik. Tetapi beliau telah dilayan dengan kasar oleh Temangi setelah Temangi terdengar akan hajat yang diinginkan oleh Parameswara. Maka terjadilah satu pertarungan pada rangkap ketiga pantun, di mana pertarungan tersebut berlaku diantara dua baginda dalam merebut kawasan untuk dikuasai iaitu Temangi dan Parameswara. Tetapi malangnya Temangi mangkat di tangan Parameswara. Kemenangan Parameswara telah didengari oleh seluruh rakyat Siam dan beliau diburu oleh kerajaan Siam.

Setelah berakhirnya kisah Kerajaan Siam yang dikuasai oleh Temangi, demikian itu wujudlah kisah Raja Kelantan yang telah mangkat dan

meninggalkan dua putera iaitu Putera Mamat dan Putera Ahmad. Mereka juga bersaing sesama sendiri untuk memiliki takhta kerajaan Kelantan. Namun demikian, Putera Mamat telah mengalami kekalahan yang teruk setelah bertarung dengan abangnya sendiri. Kisah ini berakhir pada rangkap terakhir pantun, di mana Putera Mamat melarikan diri ke Terengganu dan menjalin hubungan dua hala bersama Kerajaan Siam. Kedua-dua kerajaan bersetuju untuk menjalin hubungan kerjasama antara dua kerajaan. Lalu, Kerajaan Siam telah menghantar bunga emas sebagai tanda penghargaan dalam menjalin hubungan baik antara dua kerajaan. Melalui kisah yang diperkatakan tadi iaitu tentang dua kerajaan yang menjalin hubungan dua hala dalam meningkatkan sistem pentadbiran negara telah membuktikan bahawa sistem pemerintahan terhadap pentadbiran sangat penting pada ketika itu. Walaubagaimanapun, cerita tersebut telah membuka minda masyarakat dalam usaha kerajaan untuk membentuk pentadbiran yang kuat dan sistematik.

4.6.4 Pemerintah Berwibawa

Pemerintah merupakan seseorang yang memiliki kuasa dalam membuat atau menetapkan undang-undang serta hukuman kepada sesebuah komuniti, institusi atau negara, (Kamus Dewan, 2016). Pemerintah itu sendiri juga memerlukan keperibadian yang baik supaya dapat menjadi contoh kepada masyarakat dan juga kepada pemerintah-pemerintah dari negara luar. Menurut Hanim Salleh (2021), mengatakan bahawa pemerintah negara perlulah memiliki sikap berwibawa dalam memerintah negara agar negara dapat dibangunkan dengan adanya nilai dan budaya serta berwawasan. Nilai dan budaya yang digunakan dalam kepimpinan dapat melahirkan rakyat yang mampu meneruskan nilai dan budaya sesebuah negara serta dapat menjauhkan sifat-sifat buruk yang boleh menghancurkan sesebuah negara.

Melalui transkripsi pantun Melayu yang bertajuk *Raja Sakti Pemerintah Berwibawa* yang terdapat dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pangkalan Datu, Kelantan*, kita dapat melihat unsur pemerintahan melalui pemerintah berwibawa. Di bawah merupakan pantun kedua puluh yang memperlihatkan unsur tersebut:

Seorang Raja Sakti sangat dikenali,
Kahwin dengan Puteri Mani Kemeyan;
Berjaya menewasi kerajaan dimiliki,
Raja dua negeri Patani dan Kelantan.

Penguasaan tersebar dengan meluas,
Sebuah persekutuan gabungan negeri;
Anak membesar tanpa dibahas,
Dalam keturunan pemerintah hierarki.

Sungai Babong tempat yang dipilih,
Untuk bersiram dan bermandi limau;
Sebelum berlangsung utusan diserahkan,
Lama berdiam tanpa memberitahu.

Riwayat lenyap sehingga kini,
Pasangan ghaib pada malam upacara;

Semasa hidup sangat dihormati,
Rakyat tertib pemerintah berwibawa.

(Siti Wahdaniyah Binti Azeli, 2023)

Berdasarkan rentetan pantun yang menceritakan tentang peristiwa yang berlaku pada *Raja Sakti Pemerintah Berwibawa* telah membuktikan bahawa sistem pemerintahan terhadap pemerintah berwibawa telah diamalkan pada ketika itu. Melalui kisah yang ditunjukkan dalam pantun tersebut telah menceritakan tentang seorang raja yang berwibawa. Disini dapat dilihat melalui rangkap pertama yang mengisahkan tentang seorang Raja Sakti yang sangat terkenal pada ketika itu. Beliau telah berkahwin bersama Puteri Mani Kemeyan dan dikurniakan tiga orang puteri iaitu Puteri Sayu Bari, Puteri Unang Melor dan Puteri empaka Bongsu. Raja Sakti merupakan raja kepada dua buah negeri iaitu Kelantan dan Patani. Pada rangkap kedua pantun pula, menceritakan tentang perluasan kuasa yang tersebar luas. Raja Sakti juga dikurniakan empat orang putera hasil dari perkahwinan mereka iaitu Raja Adiluddin sebagai Raja Jembal, Raja Bahar sebagai bendahara, Raja Omar sebagai Temenggong dan Raja Sungai sebagai Raja Muda. Tumbesaran mereka tidak pernah diceritakan kepada sesiapa tetapi mereka masih duduk di dalam hierarki pemerintahan.

Kisah ini diteruskan pada rangkap ketiga pantun, dimana Raja Sakti dan permaisuri telah berangkat ke Sungai Babong untuk mengadakan acara bersiram dan bermandi limau sebelum berlangsungnya segala urusan penyerahan kuasa pemerintahan kepada putera-puteranya. Acara tersebut perlu dilakukan selama tujuh hari tujuh malam agar urusan penyerahan dapat berjalan dengan lancar. Kisah ini berakhir pada rangkap terakhir, dimana sehingga hari ini riwayat tentang Raja Sakti dan permaisuri kian lenyap tanpa seorang tahu ke mana mereka menghilang. Semasa beliau hidup, beliau

sangat dihormati oleh masyarakat setempat kerana sikap berwibawa yang ada dalam diri beliau telah menunjukkan cara pemerintahan yang sebenar dalam mentadbir sesebuah kerajaan. Melalui kisah yang diperkatakan tadi iaitu tentang seorang raja yang berwibawa telah membuktikan bahawa sistem pemerintahan terhadap pentadbiran sangat diperlukan pada ketika itu. Walaubagaimanapun, sikap pemerintah yang ditunjukkan dalam kisah tersebut telah menjadikan contoh kepada pemerintah akan datang agar dapat mentadbir kerajaan dengan penuh bertanggungjawab.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan rentetan tersebut telah mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang (1989). Hal ini dikatakan demikian kerana, Pendekatan Kemasyarakatan merupakan suatu unsur kebaikan yang dikeluarkan dalam karya sastera bagi mencipta kesejahteraan hidup masyarakat, (Hashim Awang, 1994). Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan unsur pemerintahan menerusi pantun Melayu yang bertajuk *Tentera Bergajah, Kain Sutera Cina, Penubuhan Dua Pentadbiran di Temasik dan Raja Sakti Pemerintah Berwibawa*. Menerusi pantun Melayu tersebut, pengarang telah memasukkan unsur pemerintahan bagi mewujudkan satu kelompok masyarakat yang bekerjasama dalam membangunkan sesebuah kesepakatan dalam kehidupan. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan pantun Melayu yang bertajuk *Penubuhan Dua Pentadbiran di Temasik* dimana terdapatnya persepakatan antara dua negeri dalam bersama-sama mewujudkan pembangunan masyarakat yang saling bekerjasama antara satu sama lain. Oleh itu, penggunaan Pendekatan Kemasyarakatan dalam pantun Melayu dapat membantu pengarang dalam merealisasikan kehidupan masyarakat yang harmoni.

4.7 PENUTUP

Secara keseluruhannya, perbincangan yang berikut menunjukkan bahawa pengkaji telah sedaya upaya untuk memberi tahu atau menyatakan beberapa unsur tradisi yang terkandung dalam cerita rakyat yang dipilih menerusi teks yang bertajuk *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob. Antara unsur tradisi yang terdapat dalam cerita rakyat tersebut ialah kepercayaan, perubahan, seni tradisional, keagamaan dan pemerintahan. Melalui unsur tradisi tersebut ia berfungsi untuk menambahkan ilmu pengetahuan dalam tradisi masyarakat Melayu pada zaman dahulu kepada generasi masa kini. Tambahan pula, ia dapat meningkatkan kefahaman masyarakat dalam menilai sesuatu tradisi yang terperturunkan kepada mereka serta terhadap karya-karya sastera yang mempunyai unsur tradisi didalamnya. Hal ini demikian kerana, melalui unsur tradisi tersebut dapat memaparkan gambaran yang mendorong masyarakat untuk terus mengamalkan amalan tradisi yang ditunjukkan tanpa melanggar hukum-hakam agama supaya mereka sentiasa menjadi seorang hamba yang taat akan perintah-Nya serta menjadi makhluk yang berguna. Oleh itu, secara tidak langsung unsur tradisi dapat dijadikan amalan dalam kehidupan seharian masyarakat masa kini agar tradisi masyarakat Melayu tidak luput di telan zaman.

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 PENGENALAN

Bab kelima merupakan bahagian terakhir iaitu merupakan penutup kepada kajian penyelidikan ini. Kandungan yang terdapat pada bahagian bab ini akan dirumuskan oleh pengkaji berkaitan dengan rumusan secara keseluruhan yang akan dirumus dengan ringkas dan padat berkenaan bab yang telah dibincangkan pada bahagian sebelum ini. Pengkaji juga akan menceritakan serba sedikit berkaitan bab empat iaitu pada bahagian analisis dan dapatan kajian. Selanjutnya, pada bahagian ini juga ada merumuskan tentang kefahaman cerita rakyat yang dipilih, pengaplikasian teori yang digunakan dan unsur tradisi yang terdapat dalam transkripsi pantun Melayu tersebut. Di samping itu, melalui kandungan bab ini, pengkaji turut mengemukakan dan membincangkan berkaitan cadangan kajian agar ia dapat memberikan manfaat kepada masyarakat serta dapat menjana pemikiran mereka ke arah yang lebih kreatif sekaligus dapat membuka mata mereka terhadap cerita rakyat yang terdapat di negara ini. Akhir sekali, pengkaji juga akan mengakhiri rumusan ini dengan penutup yang ringkas.

5.2 RUMUSAN

Berdasarkan hasil penyelidikan yang telah dilaksanakan, pengkaji mendapati bahawa kajian yang dilaksanakan ini tidak terlalu meluas. Hal ini demikian kerana, pengkaji hanya mengkaji berkaitan dengan cerita rakyat dimana cerita rakyat tersebut pula telah diubah kedalam bentuk transkripsi pantun Melayu. Genre cerita rakyat dipilih oleh pengkaji kerana cerita rakyat sendiri telah mempunyai kepelbagaian dalam cerita yang mampu untuk menarik minat dan keseronokan kepada masyarakat untuk berhibur dalam menghayati semasa membaca cerita rakyat tersebut. Ia juga dapat disebarkan dari mulut ke mulut oleh masyarakat pada zaman dahulu untuk bersama-sama dalam berkongsi cerita semasa meluangkan masa lapang tetapi cerita rakyat pada masa kini telah dihasilkan dalam bentuk bertulis, bercetak atau berbuku. Hal ini lebih memudahkan masyarakat untuk melatih diri dalam kemahiran membaca dan menghayati cerita rakyat tersebut dengan lebih berfokus. Di samping itu, pengkaji memilih untuk mengubah kedalam bentuk pantun melayu kerana untuk memperlihatkan kelainan dalam kajian di mana tidak ada pengkaji lepas yang menggunakan cara tersebut. Pantun Melayu juga merupakan puisi tradisi dimana ia telah wujud sejak lama lagi dan tidak salah untuk pengkaji menggunakan pantun melayu dalam mengkaji unsur tradisi dalam kajian penyelidikan berkaitan dengan cerita rakyat. Walaubagaimanapun, kajian penyelidikan ini telah dapat dilaksanakan dengan jayanya oleh pengkaji dalam masa yang telah ditetapkan untuk penyiapannya.

Di samping itu, cerita rakyat sememangnya banyak memaparkan pelbagai aspek yang dapat dilihat menerusi inti pati yang dimasukkan ke dalam cerita rakyat tersebut seperti aspek nilai murni, moral, budaya dan banyak lagi. Namun, cerita rakyat yang dikaji oleh pengkaji-pengkaji lepas telah banyak mengkaji berkaitan dengan aspek nilai murni, moral, budaya dan banyak lagi. Maka, dengan adanya aspek lain yang dimasukkan ke dalam cerita rakyat yang tidak pernah dikaji oleh pengkaji-pengkaji lepas telah mempengaruhi pengkaji untuk memilih menjalankan kajian

penyelidikan berkaitan dengan aspek tradisi. Pengkaji memilih aspek tradisi bukan hanya untuk menampakkan kelainan dalam penghasilan kajian semata-mata walhal pengkaji juga ingin mengambil peluang emas yang tidak datang dua kali dalam berkongsi pendapat yang diperolehi melalui penulisan dalam kajian penyelidikan ini. Selain itu, pengkaji juga berkenan untuk menambah serba sedikit ilmu pengetahuan berkaitan tradisi melalui kajian penyelidikan yang dijalankan ini serta dapat memperolehi kefahaman yang mendalam berkaitan tradisi masyarakat Melayu yang terdapat dalam cerita rakyat tersebut. Tambahan pula, melalui pemerhatian pengkaji terhadap kajian-kajian lepas, telah membuka mata pengkaji untuk menghasilkan sebuah kajian penyelidikan berkaitan aspek tradisi kerana aspek tersebut kurang diketengahkan oleh pengkaji-pengkaji lepas.

Setelah berjaya dalam membuat analisis kajian terhadap cerita rakyat yang dipilih, maka pengkaji berhasil dalam memaparkan beberapa unsur tradisi pada bahagian bab empat iaitu bahagian analisis dan dapatan kajian. Pengkaji berpendapat bahawa unsur tradisi tersebut telah memaparkan satu imej atau peristiwa yang dihadapi oleh masyarakat dalam pengamalan adat dan budaya masyarakat Melayu dahulu kala yang masih diamalkan oleh masyarakat Melayu masa kini. Walaubagaimanapun, pengkaji juga melihat bahawa unsur tradisi tersebut mempunyai peranan yang penting dalam kehidupan masyarakat masa kini dan akan datang dalam menjernihkan fikiran masyarakat agar dapat menerima dengan lapang dada terhadap amalan masyarakat dahulu. Hal ini demikian kerana, tradisi yang dipaparkan dalam cerita rakyat tersebut merupakan satu pengetahuan baharu kepada masyarakat masa kini yang semakin melupakan tradisi masyarakat Melayu dahulu kala walaupun masih ada yang mengamalkannya pada masa kini. Kekreatifan dan kebijaksanaan pengarang dalam menerapkan unsur tradisi dalam bentuk pengolahan cerita rakyat tersebut telah membantu masyarakat untuk menilai unsur tersirat yang disampaikan oleh pengarang bagi melatih masyarakat untuk berfikir dengan lebih terbuka terhadap cerita rakyat.

Tambahan pula, melalui unsur tradisi ini juga dapat melatih masyarakat untuk menerapkan kepercayaan atau amalan tradisi ke dalam kehidupan seharian masyarakat tanpa melanggar syarat-syarat agama.

Selanjutnya, pengkaji telah mengaplikasikan satu teori tempatan iaitu Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang (1989), dengan memilih Pendekatan Firasat, Pendekatan Seni, Pendekatan Dakwah, Pendekatan Moral dan Pendekatan Kemasyarakatan dalam menghuraikan pandangan melalui unsur-unsur yang dibahasakan melalui pantun Melayu. Menurut Hashim Awang (1989), mengatakan bahawa karya sastera yang dihasilkan memerlukan aspek kehidupan manusia yang merangkumi cara dan sikap hidup, kepercayaan dan kebudayaan masyarakat setempat dalam menggambarkan kehidupan mereka. Menerusi pantun Melayu yang mengandungi unsur tradisi telah membuktikan pengkarya mampu untuk menghasilkan karya yang menerapkan nilai-nilai tradisi yang perlu dikongsikan kepada masyarakat melalui penghasilan penulisan karya sastera. Hal ini demikian kerana, melalui unsur tradisi tersebut dapat membuang pemikiran negatif masyarakat terhadap kehidupan masyarakat dahulu di mana tidak jauh beza dengan masyarakat masa kini. Maka, dengan analisis yang dilakukan berkaitan dengan unsur tradisi sangat bersesuaian dengan pengaplikasian teori yang digunakan iaitu Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang (1989).

Natijahnya, kajian berkaitan unsur tradisi ini sangat penting untuk dititiberatkan agar ia dapat dijadikan sebagai kepercayaan masyarakat. Hal ini demikian kerana, masyarakat juga perlu dibekalkan dengan ilmu yang baharu agar mereka dapat membuka hati mereka untuk menerima segala hal yang baharu dalam hidup mereka. Apabila mereka dapat berfikir dengan lebih terbuka maka mereka dapat menggambarkan cerita rakyat dari sudut positif dan menyeluruh. Oleh itu, kajian unsur tradisi ini telah memberi sesuatu motivasi yang berguna dalam hidup masyarakat


bukan sahaja kepada masyarakat Melayu malahan masyarakat bukan Melayu juga turut terlibat dalam mempelajari sesuatu pengetahuan tentang tradisi Melayu.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

5.3 CADANGAN

Pada bahagian cadangan ini, pengkaji akan memberikan pendapat berkaitan dengan beberapa cadangan yang boleh diambil oleh pihak-pihak yang terlibat. Hal ini demikian kerana, cadangan merupakan perkara yang paling penting bagi membenarkan sesuatu perkara yang diujahkan agar dapat diambil dan dilaksanakan dengan adanya penambahbaikan atau pembaharuan yang lebih berkualiti dari perkara sebelumnya. Namun, yang paling utama adalah untuk memperkenalkan unsur tradisi kepada semua lapisan masyarakat, bangsa, etnik dan agama sama ada disampaikan secara langsung mahupun tidak langsung.

Cadangan pertama dikemukakan kepada pihak pengurusan penerbitan karya. Hal ini demikian kerana, pihak penerbitan karya perlu mengeluarkan beberapa karya sastera yang memberikan fokus utama terhadap tradisi masyarakat Melayu yang terkandung dalam cerita rakyat mahupun karya-karya sastera yang lain. Ini bukan bermaksud untuk pihak penerbitan karya hanya mengeluarkan karya sastera berkaitan tradisi Melayu sahaja tetapi lebih kepada menitikberatkan berkaitan dengan adat dan budaya masyarakat Melayu yang kian pupus di telan zaman. Hal ini bertujuan untuk menambahkan pengetahuan baharu kepada masyarakat yang tidak pernah mengalami peristiwa tersebut dan pengetahuan yang luas terhadap adat dan budaya masyarakat Melayu yang kian dilupakan. Tidak salah juga untuk memasukkan serba sedikit pengetahuan tentang adat dan budaya masyarakat bukan Melayu kerana kita di negara ini hidup dalam pelbagai kaum, bangsa dan agama. Tambahan pula, pihak penerbitan buku juga boleh memperluaskan pasaran buku di beberapa buah kedai yang terdapat di Malaysia seperti Popular, SMO Bookstores, Karangkrak Mall dan banyak lagi. Di kedai-kedai yang dicadangkan itu sangat ramai pelanggan yang berkunjung ke kedai tersebut untuk mendapatkan buku-buku ilmiah, fiksyen, popular dan sebagainya. Selain dari meluaskan pasaran, pihak penerbitan buku juga boleh menggunakan inisiatif dengan menjual buku secara dalam talian kerana ia lebih

memudahkan pembaca untuk melanggan buku melalui kemudahan teknologi yang canggih masa kini. Oleh itu, cadangan tersebut dapat membantu pihak penerbitan karya dalam memajukan pemasaran karya sastera dengan lebih meluas lagi agar masyarakat dapat menceburi diri dalam dunia pembacaan.

Selain itu, cadangan yang kedua ditujukan kepada mereka yang menggunakan perkhidmatan teknologi moden. Teknologi moden dapat dilihat dari segi penggunaan gajet seperti telefon pintar, laptop, komputer riba dan sebagainya. Hal ini demikian kerana, penggunaan gajet tersebut dapat membantu penerbit atau pemasaran karya sastera dalam mempromosikan dan menjual karya sastera tersebut melalui dalam talian. Menerusi cadangan ini, dapat memudahkan pembaca atau khalayak untuk mendapatkan buku yang berkaitan dengan unsur tradisi secara dalam talian tanpa perlu bersusah payah untuk pergi ke kedai-kedai buku berhampiran. Walaubagaimanapun, tidak mustahil akan ada dalam kalangan pembaca atau khalayak yang berminat untuk mengetahui, mempelajari dan memahami tentang unsur tradisi. Walhal, ia dapat memberi pendedahan awal kepada pembaca atau khalayak tentang unsur tradisi terutama kepada generasi masa kini yang memerlukan pendedahan yang lebih banyak berkaitan unsur tradisi. Melalui cadangan yang diberikan itu, serba sedikit dapat memberikan kefahaman yang lebih mendalam terhadap pemikiran masyarakat agar mereka sentiasa bijak dalam mengkritik atau mentafsir sesuatu karya sastera. Oleh itu, pengkaji berharap cadangan tersebut dapat dipertimbangkan oleh pihak yang terlibat agar dapat memperluaskan lagi cerita rakyat melalui unsur tradisi ke arah yang lebih luas.

Di samping itu, cadangan yang ketiga ditujukan kepada pengkaji-pengkaji akan datang. Hal ini demikian kerana, pengkaji telah mengemukakan beberapa unsur tradisi yang terkandung dalam cerita rakyat yang dipilih. Pengkaji juga telah menggunakan 20 buah transkripsi pantun Melayu berdasarkan cerita rakyat yang dipilih dengan mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu. Lantaran itu, pengkaji menyarankan dan

menggalakkan agar kajian berkaitan unsur tradisi dapat dijalankan oleh pengkaji-pengkaji akan datang agar kajian tersebut dapat berkembang luas. Tambahan pula, pengkaji-pengkaji baharu yang berminat atau berhasrat untuk menjalankan sebuah penyelidikan menerusi topik tradisi amat disarankan bagi meningkatkan jumlah kajian lepas berkaitan dengan unsur tradisi. Walaubagaimanapun, pengkaji berpendapat bahawa dengan adanya peningkatan jumlah kajian lepas berkaitan dengan unsur tradisi dapat memudahkan pengkaji baharu atau pelajar untuk mendapatkan rujukan pembelajaran berkaitan kesusasteraan. Malah, penggunaan cerita rakyat dalam kajian tidak hanya tertumpu kepada satu cerita sahaja. Mereka juga boleh menggunakan beberapa cerita untuk mendapatkan hasil analisis atau dapatan kajian yang lebih banyak. Selain itu, pengkaji juga menyarankan pengkaji baharu untuk mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu dalam kajian kerana teori tersebut mempunyai banyak pendekatan yang boleh dikaitkan dengan unsur tradisi. Oleh itu, pengkaji berharap cadangan tersebut dapat membantu pengkaji baharu untuk menambahbaikan hasil kajian berbanding kajian sebelumnya.

5.4 PENUTUP

Sebagai penutup akhir bagi kajian ini, pengkaji mendapati bahawa setiap kajian yang dilaksanakan oleh mana-mana pengkaji dalam apa jua konteks penyelidikan telah memberi satu nilai yang paling berharga dalam kehidupan seorang pengkaji. Hal ini demikian kerana, nilai yang paling berharga adalah apabila kajian yang dihasilkan itu telah memberikan semangat yang kuat kepada pengkaji lain dalam meneruskan dalam membuat penyelidikan serta dapat berkongsi ilmu kepada orang lain menerusi kajian yang dijalankan itu. Oleh itu, pengkaji berharap kajian yang dijalankan ini dapat memberi pengetahuan yang lebih luas dan menarik dalam bidang kesusasteraan atau bidang-bidang lain. Tambahan pula, pengkaji berharap agar kajian ini mendapat sokongan moral dalam memdidik masyarakat untuk terus berjuang dalam apa jua sekalipun cabaran yang dihadapi tanpa mengeluh rasa penat yang akan menghasilkan perkara yang memberi manfaat kepada orang ramai. Akhir sekali, pengkaji berharap sangat kepada pengkaji-pengkaji baru untuk terus mengkaji berkaitan unsur tradisi di mana kajian tersebut sangat kurang mendapat perhatian dalam penyelidikan masa kini di mana kita serba tahu kepentingan tradisi Melayu dalam kehidupan seharian masyarakat masa kini.

BIBLIOGRAFI

- Abu Rahim & Nurul Safiah (2020). *Nilai-Nilai Kepahlawanan Menerusi Sajak-Sajak Terpilih Dalam Antologi Suara Wirawan Negara Bangsa Karya Ramli Ahmad Halim: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Projek Tahun Akhir, Universiti Malaysia Kelantan.
- Abu Bakar Hamid (1976). *Diskusi Sastera Jilid 1: Sastera Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hasif Ismail (2022). *Pertahanan Negara Menurut Perspektif Hadis Nabawi: Suatu Kajian Tematik*. The 8th International Prophetic Conference. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Abu Hassan Abdul, Azman Bado, A. Halim Ali & Wahubah Twahir @ H Tahir (2018). *Penerapan Sifat Kamalullah Dalam Puisi Sufistik Taman Taqwa*. Sains Humanika, 10: 3-4.
- Ahmad Bin Esa, Kamarudin Bin Khalid, Sarebah Binti Warman & Aida Ilyani Binti Ali (2014). Penerapan dan Kesedaran Kemahiran Kepimpinan Menerusi Kokurikulum Silat dalam Kalangan Pelajat UTHM.
- Ahmad Fazli Shafie & Mohd Nizam Sahad (2016). *Mantera Dalam Perawatan Tradisional Melayu Di Kedah: Analisis Menurut Perspektif Akidah Islam*. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. 9(1).
- Arba'iyah Mohd Noor (2018). Menyingkap Ilmu Perubatan Melayu Tradisional Menerusi Beberapa Manuskrip Terpilih. *Jurnal Sejarah*. 22 – 37.
- Asniza Zakaria (2019). Mahsuri Dan Puteri Lindungan Bulan, Lagenda Kedah Dan Motif Darah Putih. *Jurnal IPDA*, 26(1), 203-211.
- Awang Azman Awang Pawi (2013). Weltanschauung dan Manifestasi Kepercayaan Tradisi Etnik di Sarawak. *Melayu: Jurnal Antarabangsa dunia Melayu*. 6(2).
- Ayu Nor Azilah Binti Mohamad (2016). *Kepercayaan Kepada Tuhan: Satu Sorotan dalam Kepelebagaian Agama di Malaysia*. Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan, Pusat Pengajian Teras. Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference. 22-23.
- Azlizan Mat Enh & Suraini Rosli (2018). Institusi Perbidanan di Selangor, 1900-1955. *Jurnal Akademik*. 88(1), 17-34.
- Azlina Musa & Yusmilayati Yunos (2013). Bomoh Nombor Ekor: Satu Kajian Kes Di Daerah Pasir Mas, Kelantan. *Jurnal Melayu*. 11(12).
- Charon Mokhzani (2017). Pembaziran Makanan dan Kesan Kepada Negara. Artikel Khazanah Research Institute.
- Chitra Suparmaniam & Maizatul Hayati Mohamad Yatim (2020). Keberkesanan Animasi Cerita Rakyat India Terhadap Motivasi Dalam Kalangan Murid Tahun Lima Di SJK (T) Daerah Kulim. *International Journal of Modern education (IJMOE)*. 2(7), 01-12.

- Clarice Gallus & Low Kok On (2016). Tangon Dusun Liwan: Satu Analisis Tema. *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 6, 27-54.
- Dilah Tuah (2022). Sastera Rakyat daripada Perspektif Kearifan Tempatan dan Potensinya kepada Pelancongan Budaya di Sarawak. *Akademik*. 92(2), 153-168.
- Ezzah'afifah Nasrudin & Che Ibrahim Salleh (2015). Pemikiran Melayu Dalam Cerita Lipur Lara. *Journal of Business and Social Development*. 3(2), 63-79.
- Fahezah Nor Mohamed (2018). Disebalik Makna Prinsip Rukun Negara. Tesis Sarjana Muda, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia.
- Fatimah Md Yassin (1991). *Cerita Rakyat Sebagai Alat Pendidikan: Satu Analisis Isi Yang Bercorak Etika*. *Dialog Kesusasteraan* (Umar Junus, Rahmah Bujang, Hashim Awang, Mohd Yusuf Hassan, Wahab Ali, Rahman Kaeh, Fatimah Yassin, & Zahir Ahmad, Ed.). Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Fifi Anak Rinyuk (2017). *Nilai-Nilai Moral Dalam Cerita-Cerita Rakyat Kaum Bidayuh, Serian*. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan (Kesusasteraan Melayu). Fakulti Bahasa dan Komunikasi. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.
- Florina Jumil & Norjieta Julita Taisin (2017). Nilai Pendidikan Dalam Tangon-Tangon Masyarakat Kadazandusun. *PENDETA*. 8, 36-46.
- Hadijah Johari, Nor Shahida Mohd Shaker & Farra Humairah Mohd (2020). *Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu Oleh Osman Ayob Melalui Dakwah Islamiah*. The Application og Malay Methodology Theory In The Collection of Short Stiries Melamar Rindu by Osman Ayob Through Islamic Da'wah. *Jurnal Dunia Pengurusan*. 2(4), 1-11.
- Hairul Anwar (2015). Konsep Tuhan di Dalam Al-Quran. 15(1).
- Harun Mat Piah (2006). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang (1989). *Cerpen-Cerpen Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua: Satu Analisis Tentang Tema Dan Struktur*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Hazrul Mazran Rusli (2020). Adaptasi Kesusasteraan Rakyat (*Cerita Si Luncaï*) Dalam Karya Seni Cetakan. *Ideology Journal*. 5(1), 43-56.
- Hazrul Mazran Rusli & Muhammad Abdullah (2022). Tujuan Dan Fungsi Dalam Konteks Kesusasteraan Rakyat Dan Cerita Jenaka Melayu. *Ideology Journal*. 7(2), 146-153.
- Jamail Masador, Abdul Halim Ali & Azhar Wahid (2021). Nilai Kepahlawanan Dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragang Di Sabah: Heroism Values In Selected Tangon of The Kimaragang Community In Sabah. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB0)*. 32(1), 175.
- Johari Bin Yahya (2015). *Kajian Pantun Peribahasa Melayu: Analisis Daripada Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu*. Universiti Sains Malaysia.

- Jumali Hj. Selamat (2009). Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Menjaras Ribut Menerusi Pendekatan Dakwah. *Jurnal Personalia Pelajar*. 12(6), 19-37.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2021). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Khadijah Muda, Siti Nor Azhani Mohd Tohar, Nazri Muslim, Fazilah Idris & Siti Nor Baya Yacob (2023). Pembangunan dan Pengesahan Instrumen Pengetahuan, Sikap dan Penghayatan Terhadap Unsur Tradisi Dalam Perlembagaan Persekutuan. *Pertanika Journal Of Social Sciences & Humanities*. 31(1), 2023.
- Khazri Osman, Siti Rugayah Tibek, Ahmad Irdha Mokhtar, Najihah Abd Wahid & Muhd Akmal Noor @ Buang Rajikon (2015). Pendekatan Nilai Sosial DALAM Puisi Imam Shafie Rahimahullah: Satu DAKwah Kepada Saudara Baru. *Journal of Human Capital Development (JHCD)*. 8(2), 61-74.
- Liliy Salwani Bt Razali (2011). *Cerita Rakyat Sebagai Medium Pendidikan Kepada Kanak-Kanak*. Tesis Sarjana Muda. Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia.
- Lenna Demay Ak Joseph Machine (2007). *Kajian Cerita Rakyat Masyarakat Iban di Sarawak*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Malaysia Sarawak.
- Maisarah Yaacob (2017). *Unsur Tarbiah Dalam Novel Komsas*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Maizatul Akma Binti Shamsudin (2022). *Unsur Budaya Dalam Teks Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Sarjana Muda. Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.
- Masturah Abd Wahab (2022). Pengetahuan, Sikap Dan Penghayatan Unsur Tradisi Dalam Perlembagaan Persekutuan Pelajar Universiti Dan Hubungannya Dengan Latar Belakang Demografi. *Jurnal Sains Insani*. Tesis Sarjana Muda. Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan. 07(2), 01-14.
- Mazlan Che Soh (2020). Meninjau Model Pentadbiran Awam: Dari Pentadbiran Awam Tradisional (PAT) Ke Perkhidmatan Awam Baru (PeAB). *Journal of Administrative Science*. 17(2), 36-71.
- Md Hasri B Rajali (2013). Penulisan Artikel Dalam Keunikan dan Keistimewaan Kesusasteraan Mencari Definisi Kesusasteraan. *Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan*, Universiti Sains Malaysia. 101(2).
- Minah Sintian (2015). Kajian Personaliti Ibu Bapa Dalam Teks Cerita Rakyat Kadazan Dusun. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2015). Hikayat Awang Sulung Merah Muda Dari Perspektif Pendekatan Pengurusan. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 26 (2015).
- Mohammad Farris Salleh & Shaikha Aiman Zakaria (2014). Keberkesanan Alat Seni Visual Bagi Penerapan Sastera Rakyat Melalui Pembelajaran Bahasa Melayu.

Pusat Bahasa Melayu Singapura. *Internasional Conference on Language Studies*.

- Mohd Fahmi Ismail & Mohd Firdaus Che Yaacob (2018). Kesan Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Penelitian Teori Konseptual Kata Kunci. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*. 6(2), 121-143.
- Mohd Fahmi Ismail & Mohd Firdaus Che Yaacob (2018). Nilai Budaya Dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Pengaplikasian Sastera Warisan. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*. 6(2), 101-120.
- Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin Yusop (2015). Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu Sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. 3: 91-100.
- Mohd Fairuz Bachok (2016). *Bencana Alam: Adakah Ia Siratan Musibah Atau Manfaat?*. Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Akal Budi Dalam Cerita Rakyat Di Tumpat Kelantan: Satu Penelitian Terhadap Pengkaedahan Alamiah. *Jurnal Melayu*. 21(1), 129-144.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu. *Jurnal Peradaban Melayu*. 16(2), 1-12.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2016). Impak Cerminan Seni Budaya Berfikir Masyarakat Melayu Ke Arah Kemajuan Multimedia Menerusi Cerita Rakyat, Seminar Budi Dan Nilai Murni. Falkuti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan. 22-23.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Nilai-Nilai Murni Dalam Cerita Lagenda Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies*. 40(1), 215-237.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Nilai-Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Di Kota Bharu, Kelantan. *Jurnal Melayu*. 157-172.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2015). *Nilai-Nilai Murni Dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Tesis Sarjana Sastera. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pangkalan Datu, Kelantan*: Penerbit UMK Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Unsur Islam Dalam Cerita Rakyat Melayu Di Daerah Tumpat, Kelantan: Satu Penelitian Terhadap Prinsip Sastera Dengan Ilmu. *International Conference on Malay, Arabic And English (ICMAEL 2022)* Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UniSZA. 208-218.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Perwatakan Protagonis Dalam Cerita Rakyat Di Daerah Tumpat, Kelantan: Satu Penelitian Hubungan Antara Karya Dengan Khalayak. *International Conference on Malay, Arabic And English (ICMAEL 2022)* Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UniSZA. 196-207.

- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017). Penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Melalui Cerita-Cerita Rakyat Melayu: Kajian Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia Diselenggarakan Oleh Aripin Said & Othman Puteh. *Journal of Business and Social Development*. 5(2), 67-74.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2016). Penerapan Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang Dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*. 5(2), 94-107.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2018). Penerapan Konsep Menjana Minda Melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan Terhadap Masyarakat Melayu Dalam Cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Creative Futures and Heritage (TENIAT)*. 91-97.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017). Penggunaan Multimedia Ke Arah Memartabatkan Cerita Rakyat Masyarakat Melayu. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*. 5(2), 21-35.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2015). Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business And Social development*. Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Melayu dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. 4(2), 48-57.
- Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin & Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2017). Cerminan Moral Positif Dalam Cerita-Cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and applied Linguistics*. 6: 35-44.
- Mohd Firdaus Che Yaacob, Suriatini Ismail, Daeng Haliza Daeng Jamal, Sahrudin Mohamed Som, Farrah Atikah Saari & Nasirin Abdillah (2022). Kajian Mengenai Nilai Murni Melalui Keunikan Dialek Kelantan Dalam Cerita Rakyat Melayu Di Kelantan. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*. 10(1), 15-32.
- Mohd Nazri Abdul Rahman, Aisyah Abdul Malek & Muhammad Asyraf Mansor (2021). Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat Untuk Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak: Culturally Responsive Pedagogy Through Folk Tales for Early Childhood Literacy Skills, *Jurnal Sains Insani*. 6(1), 91-98.
- Mohd Nazri Abdul Rahman, Mariani Md Nor, Romli Darus, Ahmad Shobry Mohd Noor, Arun Daud, Rinau Lintang & Nor Asia Muhamad (2017). Cerita Rakyat 164 Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. 5(4), 26-30.
- Mohd Yaib Osman (1965). *Kesusasteraan Melayu Lama*, Kuala Lumpur: Penerbitan Federal Berhad. 14.
- Mokmin Basri (2012). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan: Esei, Proposal Tesis*. Selangor: Selangor *International Islamic University College (KUIS)*, Bangi, Malaysia.
- Mohd Yuzaidy Mohd Yussof, Suffian Mansor, Karim Harun & Mohammad Rodzi Abd Razak (2021). *Masyarakat Orang Asli Jakun di Rompin, Pahang: Kajian*

Terhadap Pemuliharaan Cerita Lisan. *Geografia Online Malaysia Journal of Society And Space*. 17(2), 355-356.

- Muhamad Firdaus Bin Kamaruzaman (2023). Fenomena Sosial Dalam Teks Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengakalan Datu, Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu. Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.
- Muhammad Al Afzan Bin Ali Hussin (2018). Cerita Lagenda: *Jurnal Pengetahuan Menjangkau Sempadan*. 17(4).
- Muhammad Irfan Waquiuddin Hasanudin, MOhd Affiq Affandy Azlizan & Muhd Norizam Jamian (2021). Cerita Rakyat Bawang Putih Bawang Merah Versi Malaysia & Indonesia: Perbandingan Latar Budaya. *Jurnal Wacana Sarjana*. 5(3), 1-21.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020). Faktor Dan Kesan Muratad Masyarakat Melayu Menerusi Novel Tuhan Manusia Karya Faisal Tehrani: Satu Penelitian Taklimah. *Jurnal Melayu*. 19(2), 189-204.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Kawalan Sosial Dalam Cerita Rakyat Melayu Di Pasir Mas, Kelantan. *International Conference on Malay, Arabic And English (ICMAEL 2022)*. Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UniSZA. 138-147.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Nilai-Nilai Islam Terhadap Pembentukan Sosiobudaya Kanak-Kanak Menerusi Cerita Rakyat Melayu. *Jurnal Pertanika MAHAWANGSA*. 8(2).
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Penemuan Nilai-Nilai Islam Dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya Dan Khalayak. *Jurnal Melayu*. 20(1), 79-92.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Sastera Rakyat Sebagai Medium Didaktik Kepada Golongan Desa. *PENDETA*. 13(1), 103-114.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah, Mohd Firdaus Che Yaacob, Siti Fatimah Ab Rashid & Siti Aishah Jusoh (2021). Polemik Dalam Cerita Rakyat Sebagai Medium Pendidikan Moral Kepada Kanak-Kanak. *Jurnal Melayu*. 20(2), 194-212.
- Muhammad Qawiem Hamizan, Abdul Walid Ali & Ahmad Kamal Basyah Sallehuddin (2021). Dokumentasi Tradisi Lisan Dalam Cerita Rakyat Untuk Orang Melayu Di Sarawak Untuk Persembahan Teater: The Documentation of Oral Tradition In Malay Sarawak Folktales For Theatre Performance. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*. 2(2), 34-41.
- Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhamad Effendi (2018). Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak Dan Perwatakan Positif. *Jurnal Melayu Sedunia*. 1(1), 296-329.
- Nadia Binti Ishak & Kamariah Binti Kamaruddin (2019). Aspek Dakwah Dalam Novel Suriati Berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu. *Malay Literature*. 2(1), 116-144.

- Nadia Binti Ishak & Kamariah Binti Kamaruddin (2019). Pendidikan Anak-Anak Menerusi Surah Luqman Dalam Novel Ayahanda. *Jabatan Bahasa Melayu. Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia*. 30(11), 103-129.
- Nik Musa'adah Mustapha, Abdul Hayat Mat Saad & Dionysia Modingin (2017). Ilmu Perubatan Melayu Daripada Pandangan Ilmu Sains. Bahagian Hasil Semula Jad, Institusi Pendidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong.
- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2016). Pengurusan Konflik Dalam Cerita Rakyat Nusantara Abad Ke-19. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. 4(2), 37- 43.
- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Awang Azman Awang Pawi (2016). *Nilai Sosiobudaya Dalam Cerita Kanak-Kanak Pilihan*. Universiti Putra Malaysia & Universiti Malaya.
- Nirwana Sudirman & Zulkifley Hamid (2016). *Penulisan Tesis Dalam Pantun Melayu Sebagai Cerminan Kebitaran Perenggu Minda Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia. 15(2).
- Nizaita Omar (2006). Perkembangan Ilmu Perubatan: Sebelum dan Selepas Kedatangan Islam. *Jurnal Pengajian Umum*. (7).
- Noor Hazwany Haji Ariffin & Noryamisma Ismail (2014). Pemikiran Marzuki Ali Dalam 'Khazanah Segala Rimbun' Dari Aspek Teori Pengkaedahan Melayu. Thought Marzuki Ali In 'Khazanah Segala Rimbun' From Theoretical Aspect Of Malay Methodology. *Jurnal Pengajian Melayu*. Jilid 25.
- Noorzaatulhidayah Mohd Hanipah, Daeng Haliza Daeng Jamal & Nasirin Abdillah (2021). Ritual Dalam Cerita Rakyat Di Mukim Bebar, Pekan, Pahang, Malaysia. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*. 18-29.
- Nor Muhammad Shahir Bin Nordin (2022). *Unsur Mitos Dalam Teks Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Datu, Kelantan*. Tesis Projek Tahun Akhir, Universiti Malaysia Kelantan.
- Noraini Abd. Shukor (2016). *Padi Dan Air Sebagai Tanda Dalam Peribahasa Melayu: Pendekatan Firasat*. Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Noraini Zainal Abidin, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Maizatul Akma Aziz (2019). Imej Kecendekiaan Dalam Cerita Rakyat Kanak-Kanak Malaysia. *Infrastructure University Kuala Lumpur Research Journal*. 7(2).
- Norazilah Buhari, Nor Azili Hassan, Nik Norazira Abd Aziz & Mohd Syuja Saedin (2022). *Manifesto Budaya Peradaban Melayu Dalam Novel Kasyaf Ain: Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu*. Manifestations of Malay Civilization Culture In The Novel Kasyaf Ain: An Application Of Pengkaedahan Melayu. *International Journal Of Law, Government And Communication (IJLGC)*. 7(28), 192-208.
- Norazimah Zakariah dan Mazarul Hasan Mohamad Hanapi (2020). Keindahan Simbol dan Makna Dalam Pantang Larang Masyarakat Melayu. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*. 3(12), 01-12.

- Norazimah Zakariah, Naffi Mat, Hasrina Baharum & Minah Sintian (2016). *Unsur Pemikiran Kreatif Masyarakat Melayu Tradisi Melalui Teks Sastera Tulisan Dan Lisan Terpilih*. Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. *Jurnal Sains Sosial*. 2: 67-74.
- Normaliza Abd Rahim & Nik Ismail Harun (2016). Students' Perception Towards Malay Folklore Songs. *Regional Conference on Science, Technology and Social Sciences (RCSTSS)*. 641-648. Springer, Singapore.
- Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim, Roslina Mamat & Nor Shahila Mansor (2016). Wacana Cerita Rakyat Melayu Dalam Kalangan Pelajar Korea. *Jurnal Kemanusiaan*. 14 (1), 12-21.
- Norsuhaila Ibrahim (2020). *Alat Muzik Masyarakat Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norwardatun Mohamed Razali (2019). Pelaksanaan Sumpah dan Adab-Adabnya Menurut Perspektif Al-quran. *Proceedings of The 6th International Conference On Quran of Foundation of Civilization*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Nurfarain Abdul Rahman, Mohd Sohaimi sa, Saifulazry Mokhtar, Azmin Pullong & Roryna A.B. Komon (2016). Konsep Kebudayaan dalam Adat Istiadat Kaum Melayu Brunei Di Sabah. *International Journal Of Law, Government And communication*. 8(32). 189–206.
- Nurmasitah Mat Hassan, Azyantee Mohd Zawawi & Nordiana Ab. Jabar (2022). Kisah Sang Kancil Dan Harimau Sebagai Penerapan Nilai Budaya Tinggi Dalam Kalangan Kanak-Kanak. *International Conference on Malay, Arabic and English Literature (ICMAEL 2022)*. Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UniSZA. 403-412.
- Nurul Afiqah zulkefli (2023). *Unsur Mitos Dalam Teks Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu (Doctoral Dissertation)*, Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- Nurul Natasya Harun, Mohamad Zuber Ismail & Arina Johari (2021). *Terapan Pendekatan Dakwah Dalam Lirik-Lirik Lagu Dendangan Maher Zain*. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan Ke-6. Kuliah Bahasa Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Nur Diana Zamani dan Hamidar Hassan (2018). Bahasa Pantang Larang Masyarakat Melayu dan Hubungannya dengan Prinsip Relevans Kognitif dan Prinsip Relevans Komunikasi. *Jurnal Pengajian Melayu*. (29).
- Nur Ezatull Fadtehah Hedel & Mary Fatimah Subet (2020). Peristiwa Aneh Dalam Cerita Rakyat "Hikayat Nakhoda Muda": Analisis Semantik Inkuisitik. Strange Events in Folklore "Hikayat Nakhoda Muda": Inquisitive Semantics Analysis. *Asian People Journal*. 3(2), 147-160.
- Nur Hanis Binti Mohd Ramlee (2023). *Unsur Patriotisme Dalam Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa: Satu Kajian Berdasarkan Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.
- Nur Safiah & Mohmad Zakir (2020). *Nilai-Nilai Keislaman Menerusi Cerpen-Cerpen Terpilih Dalam Seuntai Rindu Firdaus Karya Ana Balqis: Satu Pengaplikasian*

- Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Projek Tahun Akhir. Universiti Malaysia Kelantan.
- Nur Samsiah Mazlan, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2021). Citra Masyarakat Dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*. 9(1), 93-106.
- Radna Wismawati Muhibah Yahya Sawek & Sara Beden (2022). *Mesej Keagamaan Dalam Novel Arus Benua: Perspektif Pengkaedahan Melayu*. Insituti Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak Kota Samarahan, Sarawak.
- Rohaya Md Ali (2022). *Simbiosis Alam Dalam Sastera Rakyat Melayu Dari Perspektif Kritikan Eko*. Unit Bahasa Sastera dan Budaya Melayu.
- Roslina Abu Bakar & Aone Van Engelenhoven (2016). Alam Dan Budaya Masyarakat Melayu Dalam Hikayat Pelanduk Jenaka. *Journal of Business and Social Development*. 24(1), 23-49.
- Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak & Siti Ezaleila Mustafa (2019). Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat Di Malaysia. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. 12(2), 291-319.
- Sara Beden & Ratna Wismawati Muhibah Yahya Sawek (2022). Novel Arus Benua: Perspektif Pengkaedahan Melayu. Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak Kota Samarahan, Sarawak. *International Conference on Malay, Arabic and English*, UniSZA.
- Sesilia Seli (2016). Kearifan Tempatan Dalam Cerita Rakyat Dayak Kanayatn: Kajian Hermeneutik. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. *Akademik Pengajian Melayu*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Siti Aishah Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2021). Unsur Spiritual Dalam Cerita Lisan Melayu. *PENDETA*. 12(2), 67-79.
- Siti Fatimah Mamat, Roslina Abu Bakar & Arbai'e Sujud (2019). Kisah Sang Kancil Dan Memerang Sebagai Penerapan Adab Kepimpinan Dalam Kalangan Kanak-Kanak. *Jurnal Kesidang*. 4(1), 77-89.
- Siti Jamiah Abdul Jalil, Nor Raudah Siren, 'Adawiyah Ismail, Abu Dardaa Mohamad, Khairul Hamimah Mohammad Jodi, Labiba Ahmad & Juwairiah Hassan (2020). Perkembangan Dan Penerimaan Pendekatan Keagamaan Dalam Pemulihan Banduan Di Penjara Malaysia. *Journal of Islamic Dakwah*. 12(2), 53-74.
- Siti Munirah Binti Sayuti (2023). *Unsur Islam Dalam Cerpen Antologi Sejadah Ibadah Karya Radzemah Bolhassan Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.
- Siti Norsyahira Binti Md Sabri (2022). *Unsur Didaktik Dalam Teks Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pendekatan Moral*. Tesis Projek Tahun Akhir Universiti Malaysia Kelantan.
- Siti Nursyakirah Saharudin, Normaliza Abd Rahim, Nik Faridah Nik Muhamad Affendi & roslina Abu Bakar (2020). Animasi Cerita Rakyat Pekaka Bercerita Akim Yang Cerdik Dan Cengkih. *Infrastructure University Kuala Lumpur Research Journal*. 8(1).

- Siti Zuhaidah Zakeria (2015). *Gaya Penyampaian Cerita Rakyat Melayu Terpilih dalam Majalah Dewan Pelajar*. Tesis Ijazah Sarjana Master Sastera. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016). Kesenambungan Warisan Budaya Masyarakat Melayu Pantai Timur Dalam Cerita Rakyat Untuk Kanak-Kanak. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*. 4(1), 93- 103.
- Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2017). Konflik Dalam Cerita Rakyat Dan Kesannya Kepada Kanak-Kanak. *PENDETA, Jurnal Bahasa Dan Sastera Melayu*. 186-205.
- Suhaini Md Noor & Mohd Faizal Musa (2021). Fungsi Makanan Dalam Interaksi Sosial Masyarakat Melayu: Satu Kajian Teks Cerita Rakyat. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. 9(2), 59–67.
- Sulaiman Masri (2003). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan: Esei, Proposal Tesis*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sherly Mudak (2017). Makna Doa Bagi Orang Percaya. *Missio Ecclesiae*. 6(1). 97-111.
- Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud (2017). Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*. 7: 47-63.
- Syaimak Ismail & Muhammad Saiful Islam Ismail (2020). Unsur-Unsur Mistik Dan Pemujaan Dalam Kalangan Masyarakat Melayu Di Pulau Besar, Negeri Melaka. *Jurnal Melayu*. 19(2).
- Syed Othman Syed Omar (1984). *Konsep Bercerita Dalam Masyarakat Melayu Dan Hubungannya Dengan Struktur*. Universiti Kebangsaan Malaysia. 2(2), 107-123.
- Tuan Nordin Tuan Kechik (2021). *Cerita Rakyat Sebagai Media Pendidikan Ke Arah Pembentukan Karakter Pemimpin Politik*. Pusat Pengajian Bahasa, Literasi Dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020). Akal Budi Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*. 11(2), 126-140.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nur Samsiah Mazlan (2021). Keberkesanan Unsur Watak Dan Perwatakan Dalam Cerita Rakyat Dalam Kalangan Kanak-Kanak Dan Remaja Melalui Media Animasi. *Jurnal Melayu*. 20(2), 230-246.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Interaksi Sosioekonomi Dalam Cerita Rakyat Kilatan Emas Mencetus Revolusi Kepemimpinan Terhadap Kanak-Kanak Dan Remaja. *Jurnal Pertanian MAHAWANGSA*. 9(1), 68-80.

- Tuan Siti Nurul Suhada Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Kajian Pendidikan Moral Dalam Cerita Rakyat Terhadap Kanak-Kanak: Satu Penelitian Falsafah Pendidikan Kebangsaan.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Cerita Rakyat Di Kota Bharu, Kelantan Terhadap Pembentukan Jati Diri Kanak-Kanak: Satu Penelitian Pendekatan Kemasyarakatan.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Unsur Kebudayaan Dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Culture Elements in Folk Narratives at Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. 12 (1), 27-37.
- Vanya Karunia Mulia Putri (2022). Cerita Rakyat: Pengertian dan Ciri-Cirinya. *Kompas.Com*.
- Wan Zaliha Binti Wan Othman (2020). Novel-Novel Faisal Tehrani: Kajian Intertekstual dan dakwah. *Akademik Pengajian Melayu*. Universiti Malaya.
- Xun Zi (2009). Kaedah Peperangan. *Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu*. (1). 61-88.
- Zawiyah Mohd Zain (2021). Budaya Politik Masyarakat Melayu: Satu Analisis. *Geografia Online Malaysia Journal of Society and Space*. 17(1). 297-311.

BIODATA PENULIS



Nama diberi Siti Wahdaniyah Binti Azeli. Namun lebih mesra dipanggil Wada. Pemegang nombor matrik C20A1462. Penulis telah dilahirkan pada 10 September 2000 di Hospital Tanjong Karang, Selangor dan kini, penulis telah berusia 23 tahun. Penulis merupakan seorang pelajar daripada keluarga yang sederhana dan berasal dari kampung. Untuk pengetahuan, pada tahun 2007, penulis telah memulakan pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Sungai Sireh, Tanjong Karang, Selangor. Kemudian, pada tahun 2013 pula, penulis telah melanjutkan pendidikan ke peringkat menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Harun, Tanjong Karang, Selangor. Seterusnya, pada tahun 2018, penulis telah meneruskan pendidikan ke peringkat pra-universiti iaitu di Kolej Tingkatan Enam Sultan Abdul Aziz, Kuala Selangor, Selangor. Sepanjang waktu berjalan sebagai pelajar sekolah, akhirnya penulis dapat merasa naik ke pentas sebagai pelajar cemerlang STPM dalam aliran sains sosial. Sepanjang perjalanan hidup, penulis tidak pernah keluar dari tempat kelahiran sehinggalah penulis menerima tawaran untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah sarjana muda di universiti yang terletak di Kelantan, pada tahun 2020. Penulis telah melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda di Universiti Malaysia Kelantan dalam program Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan serta memilih elektif Kesusasteraan Warisan. Penulis memilih elektif Kesusasteraan Warisan kerana impian seorang ibu yang mengimpikan mempunyai anak sebagai seorang pendidik. Nama ayah penulis ialah Azeli Bin Dollah @ Haji Abdul Jalil yang kini telah berusia 50 tahun dan bekerja sebagai buruh. Manakala, nama ibu penulis ialah Fairus Suzanah Binti Mohamed Esti yang kini berusia 47 tahun dan bekerja sebagai operator pengeluaran. Penulis merupakan anak ketiga dari enam orang adik-beradik dimana dua orang telah bekerja, dua orang masih melanjutkan pelajaran di kolej dan seorang masih bersekolah di sekolah menengah. Penulis merupakan seorang anak yang telah mencapai salah satu impian ibubapanya untuk mempunyai anak yang melanjutkan pelajaran di universiti. Akhir sekali, matlamat hidup penulis adalah untuk sentiasa bangun dari jatuh agar tidak semakin dipijak oleh mereka yang tidak bijak.

KELANTAN